# NILAI MORAL DALAM PUISI TAMIL: KAJIAN TERHADAP TEKS *THIRUKKURAL*

LOGESWARY A/P BALAKRISHNAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2024

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# NILAI MORAL DALAM PUISI TAMIL: KAJIAN TERHADAP TEKS *THIRUKKURAL*

LOGESWARY A/P BALAKRISHNAN

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

# PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

| | | |
|---|---|---|
| ☑ | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| ☐ | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah<br><br>Dari tarikh…….sehingga……. |
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

| | |
|---|---|
| (Tandatangan) | (Tandatangan Penyelia) |
| Logeswary A/P Balakrishnan<br>C20A1023<br>Tarikh: / / 2024 | Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob<br>Tarikh: / / 2024 |

PENGHARGAAN

Selamat sejahtera, dengan kurniaan Tuhan dapat saya menyelesaikan kajian ini yang merupakan tesis sebagai memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan jayanya. Dalam menyiapkan kajian ini, banyak individu telah memberikan sumbangan secara langsung dan tidak langsung.

Ribuan terima kasih kepada Dr Mohd Firdaus Bin Che Yaacob selaku pembimbing sepanjang menjalankan kajian ini. Beliau telah banyak memberikan sumbangan dan bimbingan kepada saya dalam proses menyiapkan kajian ini. Beliau turut memberikan banyak ajaran supaya tesis ini kelihatan berkesan dan sering berkongsi pengalaman. Saya turut berbudi kepada beliau kerana telah menerima saya sebagai pelajar dibawah penyeliaan beliau. Terima kasih atas sering memperbetulkan kesilapan saya sepanjang tempoh kajian ini. Saya turut ingin mengucapkan terima kasih kepada barisan pensyarah terutamanya barisan pensyarah sastera di UMK.

Dengan mengambil kesempatan ini, turut saya berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya. Terima kasih atas didikan dan ajaran yang diberikan kepada diri saya sejak umur kecil lagi. Dengan sokongan daripada mereka, saya telah dapat belajar sehingga ke tahap Degree. Walaupun berasa letih, tapi tidak pernah lupa untuk memberikan sokongan moral dalam meneruskan pengajian saya ini. Ribuan terima kasih kepada rakan saya juga. Mereka telah memberikan sokongan moral dalam menyiapkan tesis ini. Mereka turut membantu saya dalam menemui perkara yang tidak diketahui oleh saya. Proses pencarian bahan di perpustakaan turut dibantu oleh mereka.

Akhir kata, saya berbudi kepada seluruh insan yang memberi sokongan dan sumbangan dalam menyiapkan tesis ini secara langsung dan tidak langsung. Sumbangan yang diberikan oleh kalian saya tidak akan melupakan.

Sekian, terima kasih

Logeswary A/P Balakrishnan
No 41, Taman Bandar Baru,
08100 Sungai Petani,
Kedah.
01172582588
Emel: c20a1023@siswa.umk.edu.my

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

JADUAL KANDUNGAN


| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|
| PENGESAHAN TESIS | I |
| PENGHARGAAN | II |
| JADUAL KANDUNGAN | III |
| SENARAI JADUAL | V |
| SENARAI CARTA | VI |
| SENARAI RAJAH | VII |
| ABSTRAK | VIII |
| ABSTRACT | IX |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 5 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 Batasan Kajian | 9 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 14 |
| 1.7 Definisi Operasional | 17 |
| 1.7.1 Puisi | 17 |
| 1.7.2 Moral | 18 |
| 1.7.3 Teori Deontologi | 19 |
| 1.8 Organisasi Kajian | 20 |
| 1.9 Penutup | 23 |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1 Pengenalan | 24 |
| 2.2 Pengajian Puisi Tamil | 25 |
| 2.3 Pengajian Teori Deontologi dalam Karya Sastera | 55 |
| 2.4 Penutup | 73 |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 74 |
| 3.2 Rekabentuk Kajian | 75 |
| 3.3 Kaedah Kajian | 75 |
| 3.3.1 Kajian Kepustakaan | 75 |
| 3.3.2 Teks | 76 |
| 3.4 Teori Deontologi | 77 |
| 3.4.1 Jenis-jenis Teori Deontologi | 78 |
| 3.4.2 Prinsip-prinsip Teori Deontologi | 79 |
| 3.4.2.1 Prinsip Eksistensialisme | 79 |

3.4.2.2 Prinsip Kewajipan 79
3.5 Kerangka Konseptual 81
3.6 Penutup 82

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN
4.1 Pengenalan 83
4.2 Nilai Hemah Tinggi 84
4.3 Nilai Keadilan 90
4.4 Nilai Rasional 94
4.5 Nilai Harga Diri 98
4.6 Nilai Keharmonian Antara Manusia Dengan Alam Sekitar 100
4.7 Nilai Kebijaksanaan 103
4.8 Nilai Toleransi 105
4.9 Nilai Cinta Akan Negara 108
4.10 Nilai Kerajinan 111
4.11 Nilai Setia Kawan 113
4.12 Nilai Tanggungjawab Terhadap Keluarga 116
4.13 Penutup 120

BAB 5 KESIMPULAN
5.1 Pengenalan 121
5.2 Rumusan 122
5.3 Cadangan 124
5.4 Penutup 127

BIBLIOGRAFI 128
BIODATA PENULIS 139


UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI JADUAL HALAMAN


| | | |
|---|---|---|
| Jadual 1.5.1: | Terjemahan Huruf Bahasa Tamil | 10 |
| Jadual 1.5.2: | Senarai Tajuk Puisi dan Nilai Moral | 12 |

SENARAI CARTA HALAMAN


Carta 3.4: Teori Deontologi 78

Carta 3.5: Kerangka Konseptual 81


UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI RAJAH HALAMAN


Rajah 1.5: Potret Thiruvalluvar 10

Rajah 3.4: Immanuel Kant 77


UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Nilai Moral Dalam Puisi Tamil: Kajian Terhadap Teks *Thirukkural*


## ABSTRAK

Zaman *Cankam* terkenal dalam kalangan masyarakat seluruh dunia kerana tempoh ini dikenali sebagai zaman kegemilangan kesusasteraan bahasa Tamil yang mengambil tempoh masa lebih seribu tahun. Perbezaan yang ketara wujud antara karya dengan karya lain yang lahir dalam tempoh tersebut. Teks *Thirukkural* menjadi sebahagian daripada karya-karya sastera ini. Isi yang lahir dalam puisi ini berbentuk kuplet iaitu puisi berbaris dua. Teks asli *Thirukkural* ditulis oleh penulis puisi bernama Thiruvalluvar yang masih mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat terutama di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Teks ini didapati mengandungi norma yang harus dipatuhi oleh manusia dan dipengaruhi oleh situasi serta ada yang diwajibkan untuk berbuat demikian. Namun begitu, penelitian terhadap teks *Thirukkural* ini masih ada kelonggaran dan ini mengambil sebagai peluang kepada kajian ini. Tujuan utama kepada penelitian ini adalah untuk menggali nilai moral serta menyelidiki teks *Thirukkural* berdasarkan teori Deontologi. Bagi memudahkan proses penelitian, sebanyak dua puluh satu tajuk puisi telah dipetik. Penelitian kualitatif naratif digunakan dengan mengaplikasikan kajian kepustakaan serta teks. Pada masa yang sama, teori deontologi Immanuel Kant diaplikasikan bagi meneliti jenis prinsip yang diletakkan dalam kuplet *Thirukkural*. Nilai moral yang dipetik daripada teks *Thirukkural* ini mampu memberikan pendedahan yang mendalam tentang pentingnya amalan moral dalam kehidupan seharian yang patut diamalkan dalam setiap tingkah laku. Dengan ini, keruntuhan sikap moral yang sering menjadi topik hangat dapat dielakkan demi melahirkan kehidupan yang lebih bermakna.



Kata kunci: Teks *Thirukkural*, puisi, nilai moral, teori deontologi Immanuel Kant



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Moral Values in Tamil Poetry: A Study of *Thirukkural* Texts


ABSTRACT

The *Cankam* period is famous among people all over the world because this period is known as the heyday of Tamil language literature which spans over a thousand years. Significant differences exist between the work and other works born in that period. *Thirukkural* texts form part of these literary works. The content born in this poem is in the form of a couplet, which is a two-line poem. The original text of *Thirukkural* written by a poetry named Thiruvalluvar who still gets attention among the community especially at the *Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil (SJKT)*. This text is found to contain norms that must be obeyed by humans and are influenced by the situation and some are obliged to do so. Nevertheless, the research on the *Thirukkural* text is still lax and this is taken as an opportunity for this study. The main purpose of this research is to explore moral values and investigate the *Thirukkural* text based on Deontology theory. To facilitate the research process, as many as twenty one poetry titles have been quoted. Narrative qualitative research is used by applying literature and text studies. At the same time, Immanuel Kant's deontological theory applied to examine the type of principles placed in the *Thirukkural* couplet. The moral values quoted from this *Thirukkural* text are able to provide a deep revelation about the importance of moral practices in daily life that should be practiced in every behavior. With this, the collapse of moral attitudes which is often a hot topic can be avoided in order to give birth to a more meaningful life.



Keywords: *Thirukkural* text, poetry, moral values, Immanuel Kant's deontological theory



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Bahasa Tamil merupakan bahasa klasik dan digunakan dalam keturunan Pandiyan buat kali pertama. Pada era ini, bahasa yang diamalkan bukan semata-mata sebagai bahasa tetapi telah mewujudkan satu persatuan yang dipanggil *Cankam*. Zaman *Cankam* ini telah memberikan peranan penting sebagai zaman kegemilangan kesusasteraan bahasa Tamil. Zaman *Cankam* ini dikelompokkan kepada tiga peringkat iaitu permulaan, pertengahan serta pengakhiran. Apabila melihat ke dalam zaman permulaan *Cankam* ini, masa inilah kerabat Pandiyan memainkan peranan penting didalamnya. Benua Kumari Kandam menjadi tempat pemerintahan kerajaan Pandiyan. Zaman ini berlaku selama 4440 tahun yang turut melahirkan puisi klasik bertempat di Kumari Kandam. Akan tetapi, benua ini sudah tiada dalam peta disebabkan oleh Tsunami.

Bencana ini membawa zaman baharu kepada *Cankam* iaitu zaman pertengahan *Cankam*. Ini berlaku di Kabadapuram selama 3700 tahun. Karya agung yang dipegang oleh masyarakat berbahasa Tamil dicipta pada tahun ini. Kehilangan tanah ini akibat bencana alam menyebabkan kejadian zaman pengakhiran *Cankam*. Ini berlaku di Madurai yang menjadi tempat popular dalam kalangan masyarakat. Zaman ini berlaku selama 1850 tahun. Apabila meringkaskan zaman kegemilangan kesusasteraan bahasa Tamil ini, ia mengambil masa lebih kepada 1000 tahun. Disebabkan inilah dikatakan bahasa Tamil muncul dan tergolong dalam kelompok bahasa yang paling awal di dunia ini. Namun begitu, perbezaan yang ketara berlaku antara sastera *Cankam* dengan sastera yang ditulis pada zaman sekarang.

Sejarah mengenai kesusasteraan Tamil ini telah dibentangkan dalam sebuah karya berjudul Sejarah Sastera Tamil (2020) yang ditulis oleh Soma Ilavarasu. Dalam kesusasteraan Tamil, kategori yang terdapat di dalamnya adalah puisi, muzik, prosa, drama serta novel. Di samping kategori yang dibawa oleh bahasa Tamil, melihat kepada skrip Tamil menjelaskan adanya abjad yang dikategorikan kepada tiga iaitu huruf vokal (12), konsonan (18) dan satu aksara khas (*aytham*). Gabungan fonem vokal dan konsonan membawa kepada 247 aksara dalam bahasa ini.

*Silappatikaram*, *Thirukkural*, *Manimegalai* serta *Sivakacintamani* digolongkan sebagai antara puisi epik yang mendapat tingkat istimewa dalam kesusasteraan Tamil. Pengkaji berhasrat bagi memilih karya *Thirukkural* yang merupakan karya mengandungi puisi pendek (kuplet) yang dikatakan sebagai salah satu jenis kesusasteraan Tamil ini. Perkataan kuplet dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) dimaksudkan sebagai dua baris puisi yang membawa dimensi kerohanian. Ia digelar sebagai mantera yang berbentuk puisi. Ini dikatakan kerana mantera turut mengisahkan tentang kepercayaan yang dipegang oleh sesuatu komuniti seperti ciri yang turut dipegang oleh puisi.

Perkara asas mengenai teks *Thirukkural* ini wajib diketahui sebelum meneruskan pembacaan kajian ini. Walaupun teks yang dipilih merupakan sebuah teks terjemahan, teks asli ditulis oleh Thiruvalluvar. Perkataan *Thiru* inilah dimasukkan dalam judul *Thirukkural*. Manakala *kural* membawa makna suatu kuplet yang telah dinyatakan di atas ini. Ini telah pertama kali dicetak menjelang tahun 1812 dan percetakan dalam bahasa English berlaku pada tahun 1972. Dalam pada itu, tiga bahagian dikatakan ditemui dalam teks ini. Ianya merangkumi *aram*, *porul* dan *inbam*. *Aram* bermaksud kehidupan tanpa kekerasan, *porul* merujuk kepada kebendaan dan *inbam* merujuk kepada nikmat cinta.

Karya *Thirukkural* ini dipercayai dan diamalkan secara turun temurun. Karya ini menjadi satu pegangan kehidupan dalam kalangan masyarakat berbangsa Hindu. Hal ini kerana ia kaya dengan pelbagai nilai, amanat serta teladan yang masih dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Pengkaji telah memilih karya *Thirukkural* ini kerana kaya dengan pelbagai nilai moral dan mempunyai potensi untuk dikaji dari sudut unsur moral. Penelitian secara etimologi ke arah istilah moral ini dapat dikatakan sebagai nilai serta norma. Istilah moral ini merupakan kata asli daripada bahasa Latin iaitu *moralitas*. Etika dikatakan sebagai satu falsafah moral kerana kedua-dua perkataan ini mempunyai makna yang hampir dekat.

Moral merupakan perangai dan watak yang sudah lama berada dalam jiwa individu dan menjadi sumber kepada sesuatu kelakuan (Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali). Menurut Baron pula, moral merupakan segala hal yang dikaitkan dengan tindakan serta larangan. Kajian ini akan berusaha meneliti nilai moral yang wujud dalam karya etika ini. Nilai moral yang dimaksudkan ini tidak sememangnya menceritakan tentang baik malah ia turut berpotensi untuk mengisahkan tentang perkara tidak baik supaya diambil sebagai teladan dalam kehidupan.

Penyataan tersebut dapat disamakan dengan puisi-puisi pendek yang terkandung dalam karya ini. Bukan semuanya ditulis dengan cara baik manakala ada juga yang ditulis tentang keburukannya demi mewujudkan pendedahan. Keadaan ini wujud kerana perlakuan manusia yang berbeza-beza iaitu ada yang berkelakuan baik ataupun sebaliknya. Kelakuan seorang individu mempunyai kaitan yang rapat dengan persekitaran kerana suasana yang baik melahirkan sifat moral yang baik. Akan tetapi, kedua-dua baik dan buruk penting dalam kehidupan individu. Tiada semua yang baik dan sebaliknya. Ini berbeza dengan keadaan yang dihadapi oleh seseorang di suatu tempat.

Tambahan kepada pengaruh situasi, niat atau intensi diberikan tempat dalam menjalankan suatu kerja yang dapat dikategorikan sebagai bermoral. Adakalanya keadaan bersifat sebagai mempengaruhi niat bagi mewajibkan individu untuk berbuat demikian. Bukan itu sahaja, wujud beberapa perkara yang diberi kebebasan agar bertindak mengikut naluri. Perkara ini dapat dikaji secara luas dengan berpegang kepada satu teori etika moden namanya teori deontologi. Immanuel Kant (ahli falsafah Jerman) merupakan pelopor kepada teori ini. Teori deontologi peraturan dan teori deontologi tindakan adalah dua aspek yang lahir didalamnya. Aspek-aspek ini telah mengukuhkan pendapat pengkaji iaitu moral mampu dibahagikan kepada kewajipan dan etika-situasi.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 Penyataan Masalah

Isu penting kepada berlakunya kajian ini adalah untuk mengambil peluang yang ada dalam bidang kajian mengenai puisi Tamil terutamanya dalam sudut nilai moral. Ini telah ditekankan menerusi beberapa kajian yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Antaranya adalah kajian terhadap cerpen Tamil yang ada dalam Malaysia ini dari sudut nilai sosiobudaya *Ramayana* oleh Kavri Krishnasamy (2015), sajak moden Kaliaperumal yang dikaji dari sudut pemikiran rasionalisme oleh Sathiavani Maniam (2017), masalah sosial yang dikaji menerusi sajak Tamil oleh Saraswathy Kuthirakkal Kunhikannan (2017) dan teks *Naladiyar* dalam mengkaji pemikiran kritis oleh Sangar (2020). Lain daripada itu, persatuan penulis Tamil Kavyan (2021) bersetuju bahawa penelitian mengenai puisi Tamil masih berlaku tetapi ianya kurang tertumpu perhatian kepada karya epik seperti *Silapathikaram* dan *Thirukkural*.

Secara tidak langsung, kajian lepas ini telah menunjukkan bahawa adanya peluang bagi mengkaji tentang puisi Tamil. Hal ini kerana kajian lepas ini seringkali berdasarkan cerpen dan sajak sebagai skop kajian mereka. Ini telah membuka idea pengkaji bagi mengkaji teks *Thirukkural* yang bergenre puisi epik dalam kesusasteraan Tamil ini. Kajian mengenai amalan budaya yang diwarisi oleh masyarakat dalam antologi *Akananuru* berdasarkan teks *Thirukkural* oleh Arunasalam Sereenevasan (2015), terjemahan metafora dalam teks *Thirukkural* oleh Anurani Nagarajan (2019) serta penerapan nilai murni dalam kalangan pelajar tingkatan empat menerusi teks *Thirukkural* telah dijalankan oleh Vasantakumaran Sekar dan Suppiah Nachiappan (2021).

Melalui kajian lepas mengenai teks ini mendapati penelitian berlaku daripada pelbagai aspek. Pada masa yang sama, pengkaji mendapati ada peluang bagi mengkaji tentang sudut nilai moral menerusi puisi tamil iaitu *Thirukkural*. Ini kerana

ramai sarjana mengakui bahawa teks ini meliputi unsur yang mengisahkan segala-galanya mengenai kehidupan. Teks *Thirukkural* ini boleh diterapkan dalam kehidupan tiap-tiap individu tanpa batas. Penyataan ini telah disetujui oleh sekumpulan pengkaji yang terdiri daripada Shoveena Priya Thiagu, Ilangkumaran Sivanandhan dan M Sargunavathy dalam artikel berjudul Kemahiran kepimpinan dalam karya *Thirukkural* yang telah dihasilkan pada 2021.

Dalam proses penulisan kajian mengenai teks sastera, teori memainkan peranan yang amat mendalam kerana fungsinya sebagai pengukuhan kepada intipati kajian. Faktor yang mempengaruhi pertimbangan moral keatas kritikan teori moral barat telah dikaji oleh kumpulan pengkaji Jamaluddin Mohd Ali, Azizan Haji Baharuddin dan Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (2017) serta dari sudut sistem hukum nasional mengenai fenomena LGBT telah diteliti menerusi teori deontologi oleh kumpulan pengkaji yang terdiri daripada Dewangga KDPA, Syifa Salsabilla, Ghina Ayu dan Mutiara Puteri (2023).

Kedua-dua kajian diatas telah menjelaskan bahawa nilai moral sesuai dikaji berdasarkan teori deontologi. Hal ini dikatakan kerana teori ini digolongkan dalam teori etika moden. Teori deontologi membantu dalam melihatkan niat perbuatan individu dalam situasi tertentu. Tambahan lagi, perbuatan moral dapat dikategorikan kepada dua iaitu mengikut situasi dan kewajipan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.3 Persoalan Kajian

Setelah meneliti pernyataan masalah kajian ini, pengkaji telah menemui dua persoalan kajian:

1.3.1 Apakah nilai-nilai moral yang terkandung dalam puisi Tamil: teks *Thirukkural*?

1.3.2 Bagaimanakah teks *Thirukkural* dapat dikaji dengan menggunakan teori Deontologi?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.4 Objektif Kajian

Bahagian persoalan kajian akan dijawab dengan kedua-dua objektif kajian ini, iaitu:

1.4.1 Mengenal pasti nilai moral dalam puisi Tamil: teks *Thirukkural*

1.4.2 Menganalisis teks *Thirukkural* berdasarkan teori Deontologi

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1.5 Batasan Kajian

Dalam bahagian batasan kajian ini, bahan-bahan yang digunakan dalam kajian ini dihuraikan dengan meletakkan limitasi sesuatu perkara. Keadaan ini membantu untuk mengelakkan kekeliruan pengkaji serta pembaca. Oleh itu, bahagian ini akan memberikan pendedahan tentang batasan yang diamalkan sepanjang kajian ini.

Sebagai bahan utama, pengkaji telah membataskan kajian ini kepada sebuah karya pilihan iaitu *Thirukkural*. Nama buku menjadi pilihan adalah *Karya etika Tamil: Thirukkural* dan ia telah dicetak pada March 2013 buat kali pertama. Dr Singaravelu Sachithanantham merupakan pengkarya kepada karya ini. Bagi memudahkan fahaman terhadap intipati *Thirukkural*, pengkaji telah memilih karya yang mempunyai terjemahan tiga bahasa iaitu Tamil, Melayu dan English. Buku terjemahan ini telah dicetak oleh *Uma Publication* di Kuala Lumpur. Bilangan halaman yang ada dalam karya ini adalah 572 termasuk xii.

Karya ini dimulakan dengan memberikan penghormatan kepada penulis asli kepada puisi iaitu Thiruvalluvar. Pengkarya meneruskan penulisan dengan menyertakan prakata dalam karya ini. Prakata merupakan perkara penting di mana-mana karya kerana ia mampu mendedahkan tentang kandungan yang teliti tersebut dalam bentuk ringkas dan umum. Ia turut diteruskan dengan bilangan bibliografi yang membantu dalam menyiapkan proses karya terjemahan *Thirukkural* ini. Sebanyak enam belas bibliografi utama telah digunakan sepanjang penulisan karya ini. Dalam halaman akhir, penulis menyertakan angka yang merujuk kepada nombor puisi tertentu dalam proses menjimatkan masa.

Apabila meneliti karya ini, ada beberapa peranan penting karya terjemahan ini kepada kajian pengkaji. Antaranya adalah karya ini mendedahkan tentang penjelasan huruf. Dalam halaman xi, pendedahan huruf-huruf Tamil telah didedahkan kepada pembaca. Dengan memahami karya ini yang merupakan karya

terjemahan, penulis telah menyediakan terjemahan dengan meneliti cara pengucapan huruf tersebut. Ini membantu dalam pembacaan puisi dalam bab-bab tersebut dengan teliti. Huruf-huruf Tamil tersebut dimasukkan ke dalam bentuk jadual bagi memudahkan pemahaman mengenainya.

| Vokal | Konsonan | Aytham |
|---|---|---|
| *அ a, ஆ ā, இ i, ஈ ī, உ u, ஊ ū, எ e, ஏ ē, ஐ ai, ஒ o, ஒ ō, ஔ au* | *க் k, ங் ŋ, ச் c, ஞ் ň, ட் t, ண் ṇ, த் th, ந் ń, ப் p, ம் m, ய் y, ர் r, ல் l, வ் v, ழ் zh, ள் ḷ, ற் ŕ, ன் n* | *ஃ h* |

Jadual 1.5.1: Terjemahan Huruf Bahasa Tamil

Pada masa yang sama, karya ini menggunakan gambar yang menarik dan berkaitan. Dalam halaman kedua, penulis menyediakan potret Thiruvalluvar yang merupakan penulis asli karya ini pada zaman dahulu. Ia turut ditambahkan dengan gambar pohon yang digunakan untuk menulis puisi ini sebelum dibukukan. Ia berperanan untuk menarik perhatian pembaca dan menghilangkan rasa jemu apabila membaca karya ini.



Gambar Rajah 1.5: Potret Thiruvalluvar

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Selain itu, bab yang terkandung dalam karya ini adalah sebanyak 133. Bilangan puisi yang terkandung pula sebanyak 1330 (133x10=1330). Jelas bahawa setiap bab akan mengandungi kuplet sebanyak sepuluh dengan berkonsepkan kepada tema sesuatu bab tersebut. Bab ini dimulakan dengan tema pujian tuhan. Seperti yang dipersetujui oleh alam, tuhan merupakan asas kepada segalanya dalam dunia ini. Manakala karya ini diakhiri dengan bab kesukaan merajuk. Karya *Thirukkural* ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu kesusilaan (*aram*), kekayaan (*porul*) dan juga kesukaan (*inbam*).

Apabila melihat kepada ketiga-tiga bahagian utama karya *Thirukkural* ini, pengkaji dapat merumuskan ia merupakan karya yang memerihalkan tentang nilai moral dalam kehidupan. Hal ini kerana kesusilaan, kekayaan dan juga kesukaan merupakan benda yang harus dijaga dalam kehidupan oleh tiap-tiap individu. Dalam proses menjaganya, pegangan hidup yang bermoral memainkan peranan yang penting. Oleh itu, pengkaji telah memutuskan untuk memilih aspek nilai moral dalam melakukan kajian terhadap teks *Thirukkural* ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

| Bil | Tajuk | Nilai Moral |
|---|---|---|
| 1 | *Virunthombal* (Sanjungan Tetamu) | Hemah Tinggi |
| 2 | *Ozhukkam Udaimai* (Kepunyaan Kelakuan Baik) | Hemah Tinggi |
| 3 | *Kallamai* (Menjauhi Diri Dari Kecurian) | Hemah Tinggi |
| 4 | *Vegulamai* (Menjauhi Diri Dari Kemarahan) | Hemah Tinggi |
| 5 | *Naduvunilaimai* (Kesaksamaan) | Keadilan |
| 6 | *Cengkonmai* (Pemerintahan Cokmar Yang Adil) | Keadilan |
| 7 | *Porai Udaimai* (Kepunyaan Kesabaran) | Rasional |
| 8 | *Thivinai Acham* (Ketakutan Terhadap Perbuatan Jahat) | Rasional |
| 9 | *Cuthu* (Perjudian) | Rasional |
| 10 | *Kuta Ozhukkam* (Kelakuan Yang Tidak Diingini) | Harga Diri |
| 11 | *Vaan Sirappu* (Keluhuran Hujan) | Keharmonian Antara Manusia Dengan Alam Sekitar |
| 12 | *Arivu Udaimai* (Kepunyaan Pengetahuan) | Kebijaksanaan |
| 13 | *Kaalam Arithal* (Mengetahui Masa) | Toleransi |
| 14 | *Idam Arithal* (Mengetahui Tempat) | Toleransi |
| 15 | *Padaimatchi* (Keagungan Bala Tentera) | Cinta Akan Negara |
| 16 | *Naadu* (Negara) | Cinta Akan Negara |
| 17 | *Madi Inmai* (Ketiadaan Kemalasan) | Kerajinan |
| 18 | *Natpu* (Persahabatan) | Setia Kawan |
| 19 | *Thee Natpu* (Persahabatan Yang Jahat) | Setia Kawan |
| 20 | *Kudimai* (Keturunan Keluarga Yang Mulia) | Tanggungjawab Terhadap Keluarga |
| 21 | *Kudicheyal Vagai* (Cara Meninggikan Martabat Keluarga) | Tanggungjawab Terhadap Keluarga |

Jadual 1.5.2: Senarai Tajuk Puisi dan Nilai Moral

Jadual ini telah mengklasifikasikan bab yang ada dalam teks *Thirukkural* ini berdasarkan nilai moral yang berkaitan dengannya. Apabila ditampilkan dalam bentuk jadual, ia lebih mengarah kepada pemahaman pembaca yang mampu memberikan pemahaman mendalam serta memberikan tekanan bahawa sememangnya wujud variasi nilai moral di dalam teks ini. Segala ini akan dihuraikan dengan teliti dalam bab dapatan kajian iaitu bab empat dalam kajian ini dengan menyertai contoh puisi *Thirukkural*.

Teori deontologi diaplikasikan dalam kajian ini. Setiap puisi akan dikaji berdasarkan teori deontologi ini dengan memastikan sama ada ia bersifat bebas ataupun kewajipan. Hal ini kerana bukan semua yang dapat dikategorikan sebagai kewajipan. Tidak terlepas pandang daripada melihatkan situasi berlaku suatu perbuatan. Penjelasan mengenai teori deontologi yang ada dalam puisi *Thirukkural* akan diteliti secara mendalam dalam bab analisis iaitu bab keempat dalam kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam kajian ini yang menggali nilai moral dalam karya *Thirukkural*, pengkaji telah menemui sebab yang dikatakan pentingnya kajian ini. Kepentingan yang dinyatakan dalam kajian ini bukan sahaja bersudut kepada individu tetapi turut kepada masyarakat, institusi pendidikan serta diri pengkaji juga.

Pertamanya, pengkaji mendapati pentingnya kajian ini kepada diri sendiri. Dalam kata lain, kajian ini memainkan peranan penting ke arah pengkaji ini. Hal ini kerana kajian ini merupakan kajian pertama yang dilakukan oleh pengkaji ini dalam bidang akademik. Kajian pertama akan memberikan impak yang besar dalam diri pengkaji. Ia mampu meningkatkan keyakinan diri dalam mengatasi pelbagai rintangan yang dihadapi dalam proses menyiapkan suatu kajian dan sebagai dorongan kepada kajian seterusnya. Penelitian pertama secara bersendirian mampu mengeluarkan idea-idea yang tercetus dalam minda dan diikuti dengan pendapat tokoh dalam menguatkan idea tersebut. Kajian ini turut memainkan peranan yang penting kerana dapat mengeluarkan pendapat pengkaji kerana telah mempelajari karya *Thirukkural* ini dari sejak kecil lagi.

Kajian ini turut memainkan peranan penting sebagai penghayatan dan percintaan terhadap karya *Thirukkural* ini. Hal ini kerana karya ini dipegang secara turun temurun dalam kalangan masyarakat India yang berbahasa Tamil. Begitu juga dengan pengkaji sendiri. Akan tetapi, ada segelintir masyarakat yang merasa susah dan tidak dapat mengikut karya ini dengan menjadikan kekurangan masa sebagai alasan. Dengan menjalankan kajian yang berpegang kepada karya *Thirukkural* ini, pengkaji berharap karya ini tidak akan mengalami kepupusan. Malah akan dicari oleh masyarakat untuk meneliti karya tersebut daripada pelbagai sudut termasuk sistem sosial. Kajian ini turut memainkan peranan penting dalam menanam rasa cinta akan bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil. Hal ini kerana penggunaan ketiga-tiga bahasa

dalam karya terjemahan ini tidak meninggalkan bahasa asli iaitu Tamil daripada pandangannya.

Kajian ini dapat mendidik dan menambahkan sifat moral dalam diri serta kalangan masyarakat. Apabila kajian ini diangkat kepada peringkat lain, ia mampu menghapuskan masalah moral yang berlaku bukan sahaja dalam kalangan pelajar malah kalangan orang ramai. Oleh kerana kajian ini mendalami nilai moral, pembaca kajian ini akan dapat menambahkan sifat-sifat moral yang ada dalam diri. Pada masa yang sama, mereka turut dapat mengambil teladan sekiranya melakukan perbuatan yang tidak baik. Oleh kerana karya ini kaya dengan nilai sebegini, berkemungkinan karya ini akan membantu meningkatkan nilai moral dalam kalangan masyarakat setelah meneliti kajian ini.

Selain itu, kajian ini dapat menambahkan kajian yang mengkaji nilai moral, *Thirukkural* dan juga teori deontologi. Keadaan ini dapat dibandingkan dengan sorotan kajian lepas yang ditemui dalam bahagian sebelum ini. Kajian berkaitan karya *Thirukkural* ini didapati masih belum mengalami perkembangan dari sudut kajian. Kajian ini mampu dijadikan sebagai jalan untuk meneruskan kajian ini ke arah lebih mendalam. Pada masa yang sama, adalah kajian berkaitan sistem sosial serta terjemahan metafora. Akan tetapi, kurangnya pengkaji yang meneliti nilai moral ini. Oleh kerana itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber tambahan yang dapat digunakan dalam bidang institusi pada masa akan datang. Begitu juga dengan kajian yang menceritakan tentang teori deontologi. Kajian ini dapat diambil sebagai sebuah rujukan tambahan kepada kajian yang lebih fokus kepada teori deontologi Immanuel Kant.

Penghargaan kisah masa lalu dan pencapaian yang dicapai oleh masyarakat zaman dahulu dapat ditingkatkan melalui kajian ini. Masyarakat zaman dahulu sememangnya mempunyai kuasa yang luar biasa sehingga dapat memikir ke arah

lebih kreatif berbanding masyarakat zaman ini. Kenyataan ini dapat dikaitkan dengan seluruh kalangan masyarakat yang berbilang bangsa. Sebab itu wujud kitab-kitab suci yang dijadikan sebagai pegangan hidup sejak zaman dahulu. Bukan sahaja karya *Thirukkural*, kajian ini membantu untuk melahirkan rasa berterima kasih terhadap semua karya sastera yang lahir dalam masyarakat zaman dahulu.

## 1.7 Definisi Operasional

Pemberian makna kepada perkataan yang mungkin mengandungi makna yang sama akan dilakukan dalam bahagian definisi operasional ini. Bukan sahaja mengikut pendapat sendiri, pandangan pengkaji lain akan dimasukkan bagi memberikan penjelasan yang mendalam. Menurut Widjono Hs, batasan pengertian yang dilakukan sebagai pedomen dalam proses melakukan sesuatu kerja akan dimaksudkan sebagai definisi operasional ini. Definisi operasional adalah cara kita mengukur variabel dan ia dapat dilakukan dengan dua cara iaitu angka atau atribut tertentu. Tiga konsep yang akan dihuraikan dalam bahagian ini adalah puisi, nilai moral dan juga teori deontologi.

### 1.7.1 Puisi

Puisi merupakan sebuah karangan berangkap yang berbentuk sajak, syair serta pantun. Elemen penting dalam puisi yang dikatakan dalam Mutiara Sastera Melayu Tradisional (2010) adalah pemikiran mendalam serta perasaan yang sensitif. Menurut Zainal Abidin Ahmad, nama ringkasnya Za'ba (1895-1973), puisi merupakan sebuah karangan berangkap yang sering digunakan untuk mengeluarkan fikiran dalam bentuk estetik dan ia disusun mengikut rangkap-rangkap yang ditetapkan.

M. S Hutagalung (1937-2004) pula menggambarkan puisi sebagai suatu yang lebih cenderung dalam menggambarkan sesuatu dan ia tidak akan menerangkan ataupun menceritakan. Peranan puisi adalah menggambarkan sesuatu kepada pembaca yang lahir daripada fikiran seseorang. Ini bersesuaian dengan pandangan yang diberikan oleh seorang lagi dalam bidang ini. Penerangan H. B. Jassin (1917-2000) terhadap puisi adalah ia merupakan pengucapan dengan penuh perasaan yang kaya dengan fikiran dan tanggapan.

Apabila meneliti definisi yang diberikan oleh ketiga-tiga ahli tersebut, pengkaji dapat merumuskan apa itu puisi. Seni yang ditulis dalam bentuk tulisan yang mengandungi pelbagai unsur estetik adalah dikatakan sebagai puisi. Hal ini kerana puisi mengandungi pelbagai estetik seperti gaya bahasa, rima serta diksi. Puisi tradisional turut dapat dikelaskan seperti pantun, syair dan gurindam. Pembacaan yang halus patut digunakan semasa membaca puisi kerana ia tidak dapat dibaca dengan mata kasar. Dengan kata lain, ia mempunyai makna denotasi dan konotasi sebagai kandungan kepada puisi.

### 1.7.2 Moral

Kamus Dewan Edisi Keempat telah menyatakan definisi yang dimaksudkan dengan perkataan moral ini. Moral merujuk kepada ajaran kepada perbuatan yang baik buruk yang dilakukan oleh individu mahupun masyarakat. Pengertian moral menurut Dewey adalah hal yang berkaitan dengan nilai-nilai susila. Agama, adat istiadat dan ideologi merupakan sumber yang dipengaruhi oleh moral ini. Artikel Analisis pesan moral berdasarkan stratifikasi sosial tokoh berdasarkan novel pilihan turut menyatakan tentang definisi kepada perkataan moral ini.

Baik, benar dan patut merupakan konsep asas yang perlu dipegang oleh individu yang bermoral. Dapat dikatakan bahawa individu patut melakukan perkara benar dan haruslah bertingkah laku yang baik. Tahap moral seseorang individu akan dilihat menerusi perbuatan yang dibuat olehnya. Walaupun senang untuk berkelakuan moral, ia turut dipengaruhi dengan beberapa faktor yang menjurus kepadanya.

Dapat dirumuskan bahawa istilah moral dan etika sememangnya mempunyai makna yang sama. Namun begitu, moral ini lebih menjurus kepada perbuatan dan juga perlakuan seseorang individu. Moral ini dapat dilihat dari sudut masyarakat yang hidup bersama-sama dan saling menghormati. Keadaan ini dapat diambil sebagai contoh kepada moral ini. Ini bukan sahaja diterokai dengan baik malah juga dengan

buruk. Akan tetapi, perbuatan buruk tersebut akan diambil sebagai teladan dan pengajaran dalam kehidupan.

### 1.7.3 Teori Deontologi

Istilah 'deon' membawa makna 'yang diharuskan atau diwajibkan'. Suatu sistem etika yang mengukur baik bukannya perbuatan yang semata-mata berdasarkan niat individu melakukan perbuatan moral. Motif suatu kelakuan sememangnya di bawah kawalan kita. Kesan yang diperoleh selepas peristiwa itu tidak akan diambil perhatian dalam teori ini. Hal ini kerana teori deontologi memperlihatkan motif di sebalik suatu perbuatan.

Teori deontologi dipisahkan kepada dua jenis iaitu teori eksistensialisme dan teori prinsip kewajipan. Konsep yang dipegang dalam teori eksistensialisme adalah mengikut situasi, lebih jelas sebagai etika-situasi. Manakala pematuhan peraturan menjadi elemen penting dalam teori prinsip kewajipan. Keadilan, pemikiran serta kebebasan mendasari suatu perbuatan moral. Perbuatan baik yang membawa keburukan tidak sesekali akan dikira sebagai baik.

Sir William David Ross (1877-1940) mempercayai kewajipan prima facie merupakan suatu yang patut diikuti oleh individu. Antara sifat yang terkandung dalam kewajipan prima facie ini adalah menunaikan janji, mengatakan kebenaran, mengamalkan keadilan serta mengakui kebaikan yang dilakukan oleh orang lain terhadap kita. Secara jelasnya, individu diwajibkan membuat kelakuan yang bersifat moral kecuali berhadapan dengan situasi serius yang terpaksa melakukan yang berlainan.

## 1.8 Organisasi Kajian

Dalam bahagian organisasi kajian ini, pengkaji menghuraikan tentang perkara yang akan ditulis dalam seluruh bab bermula dengan bab satu sehingga bab lima. Bahagian ini dapat mengelakkan kekeliruan yang wujud apabila meneliti kajian ini. Ini turut membantu dalam memberikan penjelasan yang mendalam mengenai hal-hal yang dilakukan dalam sesuatu bab.

### Bab Satu

Dalam bab satu, penjelasan yang diberikan oleh pengkaji merupakan penelitian secara konseptual. Hal ini kerana pengkaji menghuraikan bab ini dengan menyatakan pelbagai aspek yang wujud dalam bahagian ini. Aspek-aspek tersebut memainkan peranan penting kepada kajian ini. Turutan bab ini adalah seperti berikut: pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan organisasi kajian. Dengan penggunaan bab ini, pengkaji mendapat gambaran yang jelas mengenai perkara yang akan disampaikan melalui kajian ini.

### Bab Dua

Bab dua ini merupakan bab yang memberikan pendedahan tentang sorotan kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Secara asas kepada istilah sorotan kajian lepas, ia memberikan gambaran mengenai latar belakang kajian yang dibuat. Sorotan kajian lepas yang ditambah dalam bahagian ini adalah menerusi pencarian bahan seperti jurnal, akhbar ataupun artikel yang disediakan sebelum ini. Secara tidak langsung, kajian lepas ini membantu dalam usaha memperkukuhkan lagi kajian ini. Dalam bahagian ini, pengkaji memberikan keutamaan kepada pencarian bahan kajian lepas. Keutamaan diberikan kepada pengajian puisi Tamil di Malaysia dan juga pengapliksian teori deontologi dalam karya-karya sastera. Ini

kerana kajian ini sememangnya bersudutkan kepada puisi Tamil serta teori yang dinyatakan tersebut.

Bab Tiga

Bab tiga dalam kajian adalah metodologi kajian dan ia merupakan bab yang penting dalam suatu kajian. Hal ini kerana pengkaji menghuraikan mengenai langkah-langkah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Beberapa aspek akan dilihat dalam bab ini. Antaranya adalah rekabentuk kajian, kaedah kajian serta kerangka konseptual. Pada masa yang sama, pengkaji memberikan maklumat yang lebih mendalam mengenai teori yang digunakan iaitu teori deontologi. Pengetahuan secara luas tentang kaedah yang diaplikasikan sepanjang kajian dapat dilihat melalui bab ini.

Bab Empat

Secara turutan, bab empat adalah bab yang menghuraikan tentang analisis dan dapatan kajian. Dalam bab inilah, pengkaji menganalisis karya dengan meneliti nilai moral serta teori deontologi dengan mengamalkan metode yang dihuraikan dalam bab sebelumnya iaitu bab tiga. Proses pengamatan akan dimulakan dengan membaca puisi dalam karya dan diteruskan dengan mendalami dengan mata halus untuk mencari nilai moral. Akhirnya akan diteliti menggunakan teori pilihan iaitu teori deontologi. Kesemua dapatan kajian yang dikumpul dihuraikan mengikut susunan yang teratur.

Bab Lima

Sebagai bab terakhir dalam kajian, bab lima mengandungi kesimpulan secara keseluruhan. Pengkaji bukan sahaja menulis kesimpulan kepada kajian malah turut akan memberikan cadangan yang berkaitan. Bab ini turut berperanan sebagai pemberian jawapan kepada kajian ini sama ada objektif tersebut dicapai ataupun

tidak. Dalam bab ini, pengkaji akan mengambil keputusan sama ada objektif dicapai atau tidak. Bab ini mampu menerima dua jawapan iaitu sama ada dicapai atau sebaliknya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.9 Penutup

Ringkasnya, pengkaji telah menjelaskan secara konseptual mengenai kajian ini. Pengertian secara konseptual dikatakan penting dalam bahagian ini. Pemilihan karya etika Tamil yang berjudul *Thirukkural* merupakan bahan utama kepada kajian ini. Dalam pada itu, berlakunya penelitian terhadap nilai moral dalam puisi terpilih. Keadaan ini memudahkan pengkaji kerana karya ini sememangnya memiliki unsur moral yang baik mahupun buruk. Teori deontologi Immanuel Kant amat dipentingkan dalam kajian ini. Bab ini telahpun menjelaskan mengenainya. Bahagian yang terkandung dalam bab ini berperanan penting kepada bab-bab berikutnya. Jelaslah bahawa pengkaji akan berusaha untuk memberikan jawapan kepada objektif yang dibangunkan dalam kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 2

# SOROTAN KAJIAN LEPAS

## 2.1 Pengenalan

Bab kedua ini merupakan bab yang meneliti penemuan sorotan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Kajian lepas ini membantu dalam meneliti tahap penguasaan sesuatu bidang melalui penulisan mereka. Bidang yang dikuasai oleh ramai pengkaji merupakan bidang yang mencapai tahap keunggulan. Dalam erti kata lain, bab ini dapat dikatakan sebagai latar belakang kepada kajian ini. Dalam pada itu, pengkaji meneliti dua perkara asas yang ditulis dalam kajian ini. Puisi Tamil dan teori deontologi adalah perkara asas itu. Pengkaji meneliti kajian secara satu-satu bagi mendapatkan data-data tambahan yang mampu dijadikan sokongan dalam kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 2.2 Pengajian Puisi Tamil

Penelitian mengenai puisi Tamil ini bagi meneliti betapa kedalamannya genre kesusasteraan Tamil ini dalam dunia pelajaran. Mutihah Gopalan (2009) menjalankan penelitian dengan berpegang kepada puisi India yang mengkaji keindahan bahasa yang berlaku dalam antologi puisi Tami Malaysia ini. Ia merangkumi tahun bermula 1971 sehingga 2000. Bahasa dan kesusasteraan mempunyai hubungan yang sangat rapat sehingga wujud keadaan dimana perkembangan hanya akan berlaku sekiranya dua perkara ini serasi. Secara asasnya, kajian ini dilakukan demi menerokai segala unsur yang ada dalam keindahan bahasa dan ia turut mengikut tema yang dilahirkan dalam puisi Tamil di Malaysia. Penelitian kajian ini telah dilakukan dengan kaedah kualitatif deskriptif. Pengkaji ini menerangkan perkembangan puisi tradisional sehingga menyentuh mengenai *venpa*, *kalippa* dan *vanjippa* yang lahir di dalamnya. Kajian ini memainkan peranan penting dalam bidang puisi Tamil di Malaysia kerana ia bukan hanya meneliti puisi malah turut menceritakan tentang perkembangan dari awal.

Kajian diteruskan dengan tulisan Chenroyaperumal (2010) yang menitikberatkan mengenai undang-undang pertama mengenai ekonomi dan dibandingkan dengan pemikiran ekonomi India. Teks yang menjadi pilihannya adalah teks *Thirukkural* terutama bab perniagaan dan ekonomi. Kajian ini menjadi suatu usaha yang menggali hubungan yang sedia ada antara penawaran dan permintaan dalam bidang ekonomi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif naratif dengan bantuan rujukan teks dan kajian kepustakaan. Hasilnya, undang-undang asas yang ada dalam ekonomi moden telah dipetik daripada teks *Thirukkural*. Sebanyak empat penyataan beserta contoh baris puisi telah diberikan. Bekalan berpunca daripada penggunaan, keinginan yang tidak pernah dikatakan puas dan kesakitan kesan daripada keinginan. Undang-undang mengenai permintaan dan penawaran dibawah skop ekonomi turut dibawa kepada pandangan pembaca serta masyarakat.

Pada tahun 2011, Balakrishnan Muniappan dan M. Rajantheran memilih teks *Thirukkural* bagi meneliti etika yang harus dipraktikkan dalam perniagaan kontemporari. Dalam penelitian ini, suasana perdagangan yang dilakukan sebagai sumber ekonomi telah diperincikan. Ini kerana etika perniagaan menjadi topik sampingan yang telah dikisahkan dalam rencana ini. Tekanan penting diberikan zaman perdagangan yang lahir pada zaman India purba dengan mengatakan ia mempunyai kaitan dengan pemimpin. Pada musim peningkatan kesusasteraan, tidak banyak yang memerihalkan tentang perniagaan. *Bhagavadgita, Arthashastra, Ramayana* dan *Thirukkural* wujud pada zaman kegemilangan kesusasteraan ini. *Thirukkural* paling padat dengan konsep kajian ini kerana mempunyai elemen perniagaan. Kaedah hermeneutik dan kualitatif digunapakai oleh kedua-dua pengkaji ini. Hasilnya, karya ini mementingkan tingkah laku bermoral yang harus diikuti oleh segala peniaga tanpa batasan dan ditambahkan sebagai rujukan pemimpin masa akan datang.

Tahun berikutnya iaitu menjelang 2012, Pengkaji bernama Kalaiselvi Shanmugam telah menjalankan penelitian dimana teks *Thirukkural* digunakan dalam media. Media yang ditekankan di sini adalah THR Raaga, saluran radio berbahasa Tamil. Penelitian ini bagi menggali retorik bahasa Tamil dalam pengumuman pemasaran yang sering didengari oleh masyarakat. Bagi menjayakan proses penelitian ini, kedua-dua kualitatif dan kuantitatif digunakan oleh pengkaji rencana ini. Walau tiga kaedah digunakan bagi menyiapkan penulisan ini, tumpuan utama diberikan kepada kajian kepustakaan. Data yang diperoleh daripada pendengar saluran radio itu turut direkodkan sebagai sokongan kajian ini. Setelah menerusi kaedah, pengkaji mendapati adanya kelebihan pengumuman sebegini dibawa kepada masyarakat. Antara yang dapat disenaraikan di sini adalah individu akan mendapat tahu situasi sebenar dan dapat mengikuti perkembangan terkini. Di sinilah datangnya teks *Thirukkural.* Baris puisi yang sesuai diambil dan diucapkan semula. Jelasnya, teks

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

*Thirukkural* bukan digunakan dalam proses penulisan tetapi digunakan dalam setiap bidang yang berkaitan dengannya.

Penglibatan teks *Thirukkural* dalam bidang perniagaan turut dilakukan oleh Alka jain (2012). Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan enam model faktor yang terkandung dalam teks tulisan Thiruvalluvar. Perniagaan yang diamalkan di negara India dan negara lain amat berbeza. Pengkaji ini telah menggariskan perbezaan itu muncul daripada sudut pemikiran dimana negara India lebih menjurus kepada moral dan kerohanian dan negara lain lebih kepada materialistik. Bagi mendapatkan jawapan, kualitatif, kajian kepustakaan serta kajian teks telah digunakan. Analisis ini lebih menjurus kepada perniagaan moden. Teks *Thirukkural* yang diterjemahkan dalam bahasa Sanskrit dan Hindi oleh Govind Rain Jain Shastri menjadi bahan utama. Tokoh, pemimpin, penyokong, penyebar, jurucakap dan peniaga merupakan model faktor yang lahir di dalamnya. Keenam-enam model ini menjadikan tonggak utama dalam meningkatkan taraf perniagaan ke arah lebih baik serta berkesan. Tidak terlepas pandang, pemahaman aspek yang ada dalam tiap bait adalah penting.

Menjelang tahun 2013, kedua-dua pengkaji M Vijayalatchumy dan S Janaki melakukan sebuah wacana yang membawa tajuk koleksi Tamil Malaysia yang tersenarai dalam warisan negara. Ini merupakan wacana yang disampaikan dalam Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia (2013) di Melaka. Koleksi ini merupakan sumber penting kepada pengkaji dan ini ada di bawah fakulti pengajian India, Universiti Malaya. Dalam menyiapkan tugasan ini, kaedah kepustakaan memainkan peranan utama kerana mereka lebih meluangkan detik di perpustakaan UM. Dapat memastikan bahawa penggunaan kualitatif secara luas dalam kajian ini. Ini kerana mereka memuat naik gambar yang menujukkan kewujudan buku berbahasa Tamil secara monografi. Novel pertama bahasa Tamil di tanah air ini ditulis oleh Venkateratnam pada tahun 1917 iaitu sebelum kemerdekaan. Penterjemahan puisi Tamil pula pertama kali dimulakan pada tahun 1977. Beberapa judul buku bergenre

puisi disenaraikan dalam kajian ini termasuk teks *Thirukkural*. Ringkasnya, pengajian puisi dikisahkan oleh pengkaji ini beserta dengan tahun wujudnya dapat membuka idea baru kepada pengkaji akan datang.

Sejarah ringkas mengenai sebuah puisi Tamil iaitu *Bhagavadgita* telah dibentangkan dibawah konsep kanonisasi moden oleh Mani Rao (2013). Puisi ini dipercaya ditulis sebelum 2000 tahun yang lalu. Namun ia ditulis pada zaman purba, tetapi kekal menggambarkan identiti masyarakat kini. Di sini dapat melihat betapa hebatnya kesusasteraan Tamil pada zaman purba. Penelitian ini berfungsi sebagai penggalian sejarah ringkas dan proses mencapai tahap kanonik. Kajian kualitatif dan kaedah rujukan teks serta kajian kepustakaan telah dilakukan oleh pengkaji ini. Asasnya, *Bhagavadgita* mempunyai bentuk yang tidak tetap dan tidak lengkap. Ini kerana teks puisi ini hanyalah sebahagian daripada karya epik *Mahabharata*. Lain daripada *Bible*, teks ini turut dipercayai diterjemahkan dalam kuantiti yang banyak. Bagi mengukuhkan lagi data dalam kajian ini, sejarah 200 tahun terkini diambil dan disertakan dalam kandungannya. Pengajian puisi Tamil akan menjadi lebih kuat dengan adanya sejarah.

Menjelang tahun 2014, dua pengkaji Gerrit De Vylder dan Zubin Mulla telah menjalankan penyelidikan. Kajian ini bagi menggali pertembungan pendapat dua tokoh penting iaitu Kautilya dan Thiruvalluvar. Kedua-dua tokoh ini dikatakan penting dalam sumber klasik India purba. Kautilya terkenal dengan *Arthashastra* dan *Thirukkural* menjadikan Thiruvalluvar paling popular. Tumpuan lebih diberikan kepada aspek etika dalam tadbir urus dan pengurusan. Kajian ini dilakukan dengan berpegang kepada kualitatif naratif. Kajian kepustakaan dan rujukan teks turut digunakan oleh mereka dalam proses pencarian maklumat. Dalam tulisan Kautilya, cadangannya lebih kepada pampasan yang adil kepada penjawat awam. Dalam *Thirukkural*, Thiruvalluvar mengisahkan mengenai panduan yang mengarahkan manusia ke arah kebaikan dan keamanan. Dari sudut pasaran, Thiruvalluvar bertitik



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

tepat mengenai keperluan asas manusia dengan menyumbang sikap positif kepada ekonomi. Kautilya yang berbeza pandangan mengenai karya ini telah menekankan nasihat untuk menangani naluri ekonomi manusia. Jelasnya, dapat dilihat penulisan puisi akan menyumbang variasi makna yang menyumbangkan manusia ke arah kebaikan.

Kajian diteruskan lagi dengan penyelidikan milik Krishnan Maniam (2014) yang meneliti konsep Islam hadhari yang mana telah dikisahkan dalam teks *Thirukkural*. Penyelidikan ini bertujuan untuk menyelidiki konsep Islam hadhari disertakan dengan persamaannya dengan teks *Thirukkural*. Sepertimana kajian lain, kualitatif naratif telah digunakan dalam kajian ini. Sebaik sahaja ia merangkumi teks, maka kajian kepustakaan dan rujukan teks diaplikasikan dalam kajian ini. Sebanyak lapan perkara yang berkaitan dengan pembangunan manusia telah dihuraikan dalam kajian ini. Bukan itu sahaja, lapan gagasan yang berkaitan dengan Islam hadhari telah dibawa ke pandangan pembaca. Dalam pada ini, pandangan Kamil Zvelebil telah diberikan dengan menyatakan *Thirukkural* ini menyumbang kepada pemikiran kreatif dimana karya ini disukai oleh semua masyarakat. Kepercayaan terhadap Tuhan menjadi antara persamaan yang wujud diantara kedua-dua karya ini. Jelasnya, perbandingan puisi Tamil dengan karya lain mampu mendirikan kajian ini di tahap yang tinggi.

Kajian puisi berjenis mantera telah dilakukan oleh Robert Czajkowski menjelang tahun 2014. Mantera yang menjadi pilihan utama adalah *Vaisnava purana* dimana kemunculan di *Narayana mantra* dalam *Bhagavata purana*. *Bhagavata purana* ini dikatakan sebagai karya yang mengandungi pelbagai jenis puisi yang sememangnya melihat kepada kesopanan manusia. Dalam kajian ini, keutamaan lebih kepada penggalian makna *purana* ini dari sudut masyarakat. Kualitatif naratif diikuti dengan kajian kepustakaan dan rujukan teks. Karya sebegini dikait rapat dengan kehidupan manusia yang penuh dengan elemen keagamaan terutamanya dalam masyarakat

berbangsa Tamil. Istilah yang mengaitkan puisi dalam bahasa Tamil diucapkan sebagai *kavya*. Plot penting yang ada dalam puisi ini lebih kepada unsur yang mengisahkan tentang mitos. Mitos inilah lama-lama menjadi pegangan masyarakat. Namun puisi ini berusia tua, tetapi masih berdiri tegak tanpa mengubah makna dan intonasi asalnya.

Seterusnya, penelitian Thanalachime Perumal (2015) mengambil bahagian dalam kajian berkaitan pengajian Tamil. Sisipan wacana yang dicetak dalam surat khabar Tamil iaitu Luahan rasa menarik perhatian pengkaji ini. Dalam pada itu, isu semasa dalam wacana dan perbezaan persamaannya menjadi pegangan kepada kajian ini. Kajian deskriptif kualitatif digunakan bagi menerangkan data-data yang diperoleh daripada keratan itu. Hasilnya, sebanyak lima isu semasa telah berjaya dikeluarkan oleh pengkaji dengan mengamalkan pembacaan yang mendalam sehingga memahami makna benar yang dibawa oleh penulis wacana itu. Kematian dalam lokap, isu Lembah Bujang, perayaan Thaipusam dan pilihan raya menjadi sebahagian daripada isu semasa itu. Tidak ditinggalkan juga dengan isu rintangan pengajian India di Universiti Malaya. Pemikiran kedua turut dijawab dengan membawa pelbagai jenis wacana kepada pandangan pembaca. Penekanan diberikan kepada laras bahasa yang telahpun digunakan oleh penulis wacana iaitu bahasa kiasan dan metafora dipinggirkan. Keadaan ini berlaku kerana wacana itu ditulis berdasarkan bukti yang kukuh. Oleh itu, puisi Tamil tidak sepenuhnya membawa bahasa sebegini. Ada masa puisi ditulis berdasarkan bukti yang benar.

Pengajian puisi berkaitan *Ramayana* telah ditulis dalam artikel hasil Samikanu Jabamony Ishak Samuel (2015). Artikel ini ditulis menggunakan bahasa Tamil iaitu bahasa ibunda pengkaji. *Ramayana, Mahabharata* dan *Silapathikaram* yang merupakan puisi tamil telahpun disenaraikan dalam rencana ini. Dengan memegang penyataan ini, pengkaji berkata puisi baru dalam kesusasteraan Tamil muncul di Malaysia pada tahun 1964. Penelitian ini bertujuan bagi mengenali unsur mistik yang

lahir dalam peristiwa *Ramayana*. Dalam pada ini, pengkaji telah menceritakan kisah-kisah yang mengambil bahagian dalam teks puisi *Ramayana* ini. Dengan memegang kepada kisah pilihan, telah dihuraikan unsur mistik yang hadir di dalamnya. Bait-bait puisi yang ada dalam ini lebih bersifat penceritaan. Unsurnya diceritakan kepada beberapa bahagian seperti tokoh dan alur cerita. Pengajian puisi yang dijalankan oleh penulis ini merupakan suatu yang penting kepada masyarakat berbangsa Tamil.

Kajian berkaitan puisi Tamil turut ditambahkan oleh Ragini Ragavan (2016) dengan mengkaji satu lagi jenis puisi Tamil. Jenis puisi yang dimaknakan tersebut adalah berbentuk peribahasa. Ini berada di bawah tingkat puisi tradisional masyarakat yang dipegang sejak zaman purba lagi. Kajian ini berbentuk bandingan dimana berlakunya antara peribahasa Melayu dan Tamil. Kaedah temu bual dan rujukan teks dijalankan bagi menyelesaikan kajian ini dengan berpegang kepada teori segi tiga makna iaitu merangkumi simbol, fikiran dan rujukan. Leksikal yang ada dalam kedua-dua peribahasa ini dikaji menerusi semantik dan sintaksis. Kedua-dua istilah tersebut suatu konsep yang sentiasa digunakan dalam mencari makna disebalik perkataan. Fokus kepada peribahasa Tamil, banyak mengisahkan tentang norma kehidupan. Antaranya adalah sifat kerajinan, kasih sayang dan lain-lain lagi. Dapat dirumuskan, tingkah laku bermoral yang ada dalam peribahasa jelas menonjolkan kedalaman puisi Tamil.

Kajian yang bersudut pemikiran psikologi dalam karya *Thirukkural* telah dikaji oleh Sebasthi John Baskar (2016). Kajian ini lebih menumpukkan perhatian terhadap gaya yang digunakan dalam penulisan. Nama lain yang dipegang oleh *Thirukkural* turut disenaraikan seperti *Thiruvasagam* dan *Thirumandiram*. Tujuan utama melakukan kajian ini adalah bagi menyelidiki hubungan antara tiga aspek yang ada dalam karya ini iaitu *aram*, *porul* dan *inbam*. Ketiga-tiga mempunyai makna yang sangat dikait rapat. Dapat dikatakan sebagai satu menjadikan selebihnya mempunyai makna yang padat dengan kehidupan manusia. Lima bahagian yang

bersifat psikologi telah dihuraikan dalam kajian ini seperti aspek estetik dan politik. Bukan ini sahaja, hubungan rapat antara kehidupan dan kematian jelas dikatakan dengan membawa kembali baris puisi yang menekankan perkara itu. Apa yang jelas dilihat daripada kajian ini adalah psikologi bukan hanya kepada perasaan individu tetapi turut merangkumi banyak aspek dalam kehidupan yang sebenarnya kita kurang fahami.

Lain daripada itu, Adnan Jusoh (2016) menyertakan puisi Tamil dibawah skop besarnya iaitu penelitian terhadap zaman pra-Islam di Kedah. Kajian zaman ini didasari dengan bukti-bukti arkeologi. Tumpuan utama kepada kajian ini adalah dari sudut tahap pengukuhan bahan arkeologi dan tahap pembuktiannya. Bukan lari daripada kaedah, ini menggunakan kaedah kepustakaan iaitu perpustakaan awam. Bahan rujukan berkaitannya diambil daripada sumber ilmiah yang ada dalam ini. Hasilnya, pengaruh Hindu dan Buddha diperkukuhkan dan ditambahkan lagi dengan amalan animisme. Pengkaji turut menambahkan rujukan tambahan mengenai pengaruh kedua-dua agama ini. Secara tidak langsung, penceritaan mengenai puisi Tamil iaitu *Ramayana* mengambil bahagian di dalamya. Bukan itu sahaja, kitab agama Buddha turut diceritakan bagi mengukuhkan kajian ini. Jelasnya, tapak arkeologi di Lembah Bujang menggambarkan dijadikan faktor penting kedatangan Hindu ke Malaysia tidak ketinggalan bab puisi.

Pada tahun yang sama (2016), Alivelu nagamani telah menghuraikan satu jenis puisi Tamil iaitu mantera. Kajian ini diteliti ke arah aspek etnografi yang wujud di Andhra-Telangana. Penelitian ini menumpukkan perhatian sepenuhnya kepada pemahaman mantera dan pandangan wawasan ke arahnya. Dalam kajian ini, nama-nama dewa dewi Hindu telah disenaraikan iaitu Kali dan Lalita Tripurasundari. Penempatan bagi lapangan kerja berlaku di Devipuram dimana wujudnya sebuah kuil berbentuk tiga dimensi yang kaya dengan unsur sejarah. Nama tempat dan individu bangsa Hindu banyak digunakan dalam kajian ini. Mantera hilang, tersembunyi, tidak aktif, didengar

dan bukan secara sedar. Ini merupakan antara gaya yang digunakan bagi membahaskan mantera pada zaman purba itu. Jelasnya, mantera yang berunsur puisi Tamil dapat dibahagikan kepada pelbagai gaya yang mampu menjadi pedomen kepada masyarakat sehingga hari ini.

Pengkaji Parvati Vellaiccami (2016) menjalankan kajian mengenai perbandingan puisi yang ditulis oleh Bharathidasan. Bharathidasan merupakan seorang individu yang sangat popular dalam topik puisi kesusasteraan Tamil. Penelitian dijalankan bagi menggali pemikiran wanita dalam bidang pendidikan yang ada dalam puisi pilihan dengan bandingan terhadap wanita zaman kini dengan berpegang kepada kualitatif naratif. Wanita menjadi tumpuan dalam tiap-tiap puisi beliau kerana mereka digambarkan sebagai jiwa utama dalam pembangunan dan penjagaan anak ke arah kebaikan. Wanita yang berpengetahuan akan berjalan ke atas landasan keadilan, melahirkan generasi yang bermutu dan membantu mengurangkan beban yang dipikul oleh suaminya. Namun, wanita berani menonjolkan diri sehingga mendapatkan hak menuntut ilmu sehingga tahap yang tinggi. Ini tidak sama dengan keadaan wanita yang berkurung di rumah sahaja semasa zaman purba. Jelasnya, puisi Bharathidasan mempengaruhi wanita agar mendapatkan pelajaran yang penting dalam kehidupan seharian lebih-lebih lagi pada zaman moden ini.

Lebih-lebih lagi, pengkaji Logeswary Arumugam (2017) meneliti tentang kesusasteraan Tamil yang berbentuk lagu. Kajian ini bagi menggali sejarah, trauma dan kesan yang terjadi daripada lagu-lagu rakyat Tamil di Malaysia. Ini hanyalah tertumpu kepada suasana buruh dimana mereka datang ke tanah ini semasa penjajahan British. Kaedah kualitatif naratif telah digunapakai dalam ini. Tidak dapat dielakkan, sebanyak 146 lagu menjadi pilihan utama dimana disenaraikan dalam batasan kajian. Teori yang digunakan oleh pengkaji ini adalah trauma sejarah disertakan dengan tematik. Hasilnya, penderaan fizikal dan kemerosotan ekonomi merupakan antara trauma yang dapat disenaraikan daripada puisi berbentuk lagu ini.

Kesan yang terjadi kepada buruh telah dibahagikan kepada tiga aspek yang seringkali dibawa ke mulut masyarakat iaitu fizikal, sosial dan psikologi. Oleh itu, lagu yang ada dalam puisi menggambarkan situasi yang paling penting menceritakan peristiwa supaya tidak ditelan zaman.

Leelavathi (2017) turut mengkaji mengenai etika yang muncul dalam *Thirukkural* dan digabungkan dengan keserasian dalam perniagaan kontemporari. Kajian ini sepenuhnya daripada konteks India bertepatan dengan karya yang dipilih. Kualitatif naratif menjadi asas dalam pencarian data yang diikuti dengan kajian kepustakaan dan rujukan teks. Pengkaji telah memilih pendekatan yang digelar sebagai hermeneutik. Hasilnya, banyak memerihalkan mengenai konsep perniagaan di India dan juga antarabangsa. Tidak terlepas pandang, individu yang melibatkan diri dalam perniagaan sememangnya akan mendapat pelbagai rintangan. Pandangan lebih diutarakan ke arah cara penyelesaian yang dilakukan oleh mereka. Secara langsung, kajian ini menghidupkan kembali teks ini dengan menyatakan kepentingan dari sudut perniagaan. Hal ini dikatakan kerana zaman ini menjadi masa moden dan jarang melihat kepada karya-karya kuno. Jelasnya, pengajian puisi ini lebih mengutamakan kepada perniagaan yang mampu membuka minda orang yang menduduki tahap tersebut.

Kerjasama antara penulis Ravindran Maraya dan Krishnan Maniam (2017) menyumbang ke arah pengajian puisi Tamil. Apa yang telah dikisahkan oleh mereka adalah mengenai puisi dan epik Tamil Malaysia. Ini bertujuan untuk menggali segala aspek citra wanita yang ada dalam kisah *purana* dalam bentuk puisi. Interpretasi kesusasteraan digunakan oleh mereka dan ditambahkan dengan teori arketaip Carl Gustav Jung (1875-1961). Hasilnya dapat dilihat daripada senarai watak yang disenaraikan dalam wacana ini. Kannagi dan Sita Dewi inilah watak yang ada dalam puisi pilihan itu. Kedua-dua watak ini dikatakan penting dalam meningkatkan pemikiran dan membentuk perwatakan ke arah baik walaupun telah lama mulanya

zaman moden ini. Tidak terlepas pandang, sifat keibuan menjadi satu topik yang hangat dalam kedua-dua *purana* dan epik tamil ini. Dari sudut teori arketaip, wanita klasik yang lahir dalam kisah ini menampakkan norma moral yang tinggi. Jangan salah faham berkaitannya kerana kajian ini menggunakan teks cerpen. Akan tetapi, adanya bait-bait puisi dalam teks ini.

Kedah tua yang menjadi sebahagian daripada punca peningkatan dalam kesusasteraan Tamil telah diambil sebagai kajian oleh Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun dan Mokhtar Saidin (2017). Kajian ini bagi menyelidiki segala cerakinan yang dimasukkan sebagai sumber India. Dalam percakapan Kedah Tua, Lembah Bujang mengambil bahagian yang paling penting. Sumber utama dalam wacana ini adalah berpunca dari India dan Arab. kajian ini dilakukan berdasarkan kaedah kepustakaan dan rujukan teks yang berkaitan dengannya beserta kualitatif. Sepertimana yang diberitahu, info mengenai syair telah dimasukkan dengan menyertakan tahun-tahun yang penting. *Pattinapalai* dan *Silapathikaram* merupakan antara syair. Kerajaan India bernama Chera, Chola dan Pandiya turut disertakan. Kedua-dua syair yang disebut tersebut turut mengukuhkan pernyataan dimana pengaruh India wujud di Kedah Tua dengan penggunaan istilah *besi dari Kataram* (Kataram merujuk kepada negeri Kedah).

Kajian diteruskan lagi dengan pengkaji Kasturi Subramaniam (2017) dengan memilih sebuah puisi Bharathidasan. Penelitian simile yang ada dalam puisi tersebut menjadi fokus utama. Dengan menepati ciri puisi, puisi Bharathidasan turut mengandungi kiasan yang berbentuk simile dan metafora. Tujuan utama bagi berlakunya kajian ini adalah bagi meneliti dan menghuraikan simili yang memiliki keistimewaan yang tersendiri. Teori simili telah diaplikasikan dalam kajian ini. Penelitian ini dijalankan dengan proses kepustakaan dan juga kaedah kualitatif dijadikan penting kepada kajian ini. Dalam puisi ini didapati simili yang berjenis. Hal ini kerana ada simili yang sesuai dengan penulisan serta simili yang digunakan hanya semata-mata untuk

mempertingkatkan keindahan dan juga keunikan. Melalui kajian ini dapat dikatakan penggunaan simili penting tetapi yang berbezanya adalah cara penggunaan dalam puisi tertentu. Kajian ini turut dapat dijadikan sebagai panduan kepada pemuisi yang bakal lahir di tanah yang tercinta ini.

Bukan itu sahaja, pengkaji bernama Kartheges Ponniah (2017) menjalankan kajian dengan berpegang kepada satu puisi. Dengan meletakkan teks *Thirukkural* sebagai tonggak utama, pengkaji berusaha untuk mengeluarkan pemikiran bersifat kritis serta amalan yang dipegang oleh masyarakat India berpendidikan Tamil di negara Malaysia ini. Kajian ini dilakukan dengan memiliki empat objek iaitu mengkaji aspek pemikiran kritis teks, menguji tahap pengaplikasian (sebab dan akibat & penyelesaian masalah) dan juga menggali perbezaan dalam aplikasi. Bukan sahaja kaedah kualitatif, kuantitatif turut diaplikasikan dalam kajian ini. Walaupun masyarakat dikatakan mempunyai pemikiran kritis, ia turut dipengaruhi dengan beberapa faktor. Faktor yang dimaksudkan ini termasuk umur dan juga kerjaya. Walaupun masa berlalu begitu cepat hingga zaman ini dikenali zaman teknologi, isu yang dibangkitkan dalam karya *Thirukkural* ini masih dipakai dan dikira relevan. Teks *Thirukkural* yang digolongkan sebagai puisi kesusasteraan Tamil ini membantu dalam generasi kehidupan zaman ini kerana norma kehidupan.

Karya *Silapathikaram* yang disenaraikan sebagai satu puisi zaman kesusasteraan Tamil kuno telah diangkat sebagai satu kajian oleh Elumalai (2017). Dalam karya ini, ada individu yang berbeza tahap tingkatnya. Sistem sosial ini menjadi tumpuan kepada pengkaji bagi meneliti kedudukan antara pemerintah dan rakyat. Kualitatif menjadi pegangan asas kajian ini dan diikuti dengan kajian kepustakaan dan rujukan teks. Hasilnya, biografi mengenai tiga raja yang terkenal (Raja, Chola dan Pandiya) telah dibawa kepada pandangan pembaca. Dalam zaman pemerintahan ini, rakyat menerima hadiah berbentuk duit apabila mereka menggembirakan raja dengan berita manis. Disini dapat melihat kekayaan yang menjadi milik raja yang masa itu.

Apa yang dikatakan sebagai pemerintahan baik adalah bukannya yang lahir daripada keadaan rakyat melindungi raja. Akan tetapi, raja yang bertanggungjawab menjaga rakyat yang berada dibawahnya. Jelasnya, kajian yang mengandungi tulisan Tamil membantu mengupaskan lagi sistem hierarki yang wujud *Silapathikaram*.

Pada tahun yang sama (2017), Jayanthimala Ramasamy meliputi kajian puisi dengan menyelidiki nilai moral. Kajian ini dijalankan bagi mengasingkan nilai moral yang ada dalam puisi tradisional yang merupakan hasil penulisan Kanimozhi Kuppusamy. Nilai murni dan unsur pengajaran dijadikan sebagai asas kepada kajian ini yang akan digali dalam puisi tradisional ini. Puisi yang dikaji tersebut juga akan menghubungkan dengan sahsiah mulia yang dapat dikembangakan dalam diri pelajar. Hal ini kerana sahsiah mulia yang ada dalam diri pelajar inilah gambaran kepada negara bertahun kemudian. Ini kerana mereka menjadi landasan kepada pemerintahan masa akan datang. Sebanyak tujuh puluh enam puisi telah diambil untuk penelitian kajian ini. Puisi tersebut dikaji dengan memegang kepada kaedah kualitatif dan turut mengandungi kajian kepustakaan. Tidak dapat dinafikan, analisis teks dilaksanakan dengan berdasarkan puisi-puisi. Teori moral telah diaplikasikan bagi mengukuhkan lagi kajian ini. Nilai murni, unsur pengajaran dan sahsiah mulia yang didapati melalui kumpulan puisi tersebut sama-sama memiliki bilangan tujuh belas, dua belas dan lapan. Nilai murni yang didapati melalui puisi ini memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah murid.

Chandran Govindan (2018) merupakan seorang lagi pengkaji yang membuat tesis bagi memenuhi ijazah. Pengkaji ini telah memilih *Kumpulan puisi tradisional Tamil Aruvi* dalam usaha mengeluarkan nilai budaya di dalamnya. Nilai budaya ini turut meliputi protes sosial serta menyelidiki kesedaran yang wujud dalam puisi ini. Kajian ini telah ditulis dengan menggunakan bahasa Tamil. Puisi tradisional ini merupakan hasil karya Kurinji Kumaran. Seperti biasa, kaedah kualitatif dipilih untuk menyelesaikan kajian ini. Kajian kepustakaan yang merupakan sebahagian daripada

kaedah ini telah digunakan. Nilai budaya yang ada dalam puisi ini telah dibahagikan kepada tiga aspek yang dikatakan individu (32), keluarga (36) serta masyarakat (30) dengan bilangan puisi tradisional yang berkaitan. Jujur, hemah tinggi, menghormati terkandung dalam nilai-nilai budaya yang dinyatakan itu. Nilai ini turut memberikan pengajaran dan sebagai pedoman kepada kehidupan harian masyarakat.

Tambahan lagi, Umma Mazhubalan (2018) menjalankan kajian dengan memilih sajak Bharatiyar. Fokus utamanya adalah kepada budaya yang diamalkan oleh masyarakat. Ini dimulakan dengan pemberian maklumat mengenai senarai terjemahan huruf bahasa Tamil supaya senang untuk dibaca oleh orang lain. Kalau meneliti skop tradisional, ia lebih kepada hak milik sama. Setelah meneliti permasalahan dan persoalan, kajian ini telah mengandungi tiga objektif iaitu meneliti unsur budaya Tamil, mengklasifikasikan analisis dan menggali secara mendalam lagi. Kajian kepustakaan dan analisis teks telah diaplikasikan dalam kajian ini. Landasan kepada kajian ini adalah untuk menerokai unsur budaya yang ada dalam sajak yang ditulis oleh Bharatiyar. Penelitian ini telah dijalankan berdasarkan dengan teori sosiologi sastera. Dalam sajak ini, unsur budaya yang wujud adalah ekspresif, kebendaan dan normatif. Penelitian ini telah dikatakan penting kerana ia dapat dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan masyarakat turut kepada bakal penyair.

Maklumat asas mengenai puisi telah dibincangkan dan diterangkan oleh Meidawati Suswandari dan Kenang Tri Hatmo (2018). Ini bagi menggali konsep, dinamik dan teknik yang dipegang oleh puisi. Sebagaimana diketahui, puisi bertugas sebagai mengeluarkan isi hati dengan menggunakan kata-kata puitika dan gramatis. Dalam pada ini, peningkatan pengetahuan budaya memainkan peranan penting. Karya puisi berjudul *Silapathikaram*, *Mahabarata* dan *Thirukkural* menjadi contoh kepada kenyataan ini. Data-data mengenai zaman kesusasteraan turut diberikan mengikut tahun yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dengan bukti yang kukuh. Ini menggunakan kaedah kualitatif naratif dengan bantuan rujukan teks dan kajian

kepustakaan. Tidak terlepas pandang, puisi turut mempunyai unsur intrinsik dan juga ekstrinsik yang memaniskan makna dalam tiap-tiap bait. Jelasnya, penggunaan puisi pada masa lampau dijadikan sebagai pegangan masyarakat kini.

Tambahan pula, N Karapaha D Nagarathinam dan D Nagarathinam P Duraipandian (2018) menyumbang kepada pengajian puisi ini. Apa yang diketengahkan oleh mereka berdua adalah mengenai perbandingan antara perbezaan yang wujud dalam karya puisi dan keadaan sebenar. Kajian ini dilakukan dengan berpegang kepada kualitatif naratif yang turut disertakan dengan kajian kepustakaan dan rujukan teks. Data-data yang diperoleh daripada kajian ini telah dihuraikan dengan menggunakan rujukan tepat yang berkaitan dengannya. Dalam kajian ini, watak perempuan yang ada dalam karya *Silapathikaram* telah dibangkitkan. Hal ini kerana watak ini memberikan impak yang besar terhadap karya itu. Watak kedua yang menjadi perbandingan kepada watak ini adalah pemerintah wanita yang lahir dalam sistem politik India iaitu Indira Gandhi. Kisah yang diceritakan dalam epik *Silapathikaram* dirumuskan dalam kajian ini dengan tayangan peristiwa tersebut dalam bentuk gambar. Tumpuan lebih kepada kajian puisi, watak Kannagi dalam *Silapathikaram* menjadi penting. Kekuatan daya yang menjadi milik watak wanita ini sentiasa menjadi ingatan penting dalam masyarakat Tamil sehingga kini.

Puisi Mahakavi Bharathiyar telah dibincangkan oleh pengkaji Rajantheran Muniandy dan Parvathi Vellachami (2018). Kajian ini dibuat bagi menggali nilai pemikiran yang bermoral dalam puisi-puisi tulisan Mahakavi Bharathiyar. Tujuan utama kepada kajian ini adalah untuk menyelidiki nilai moral kemanusiaan yang lahir daripada *Silapathikaram* mendasari sudut masyarakat dan politik. Kaedah kualitatif naratif dan kajian kepustakaan serta rujukan teks telah dilakukan oleh kedua-dua pengkaji ini bagi mendapatkan maklumat secukupnya. Makna pemikiran bertaraf tinggi diberikan diikuti dengan pemikiran tersebut dalam sistem pendidikan baru. Antara pemikiran yang dikesani daripada baris-baris puisi adalah sikap keberanian dan memberikan

keyakinan kepada orang lain. Bukan itu sahaja, aktiviti yang diadakan dalam sistem pembelajaran baru turut telah dibawa ke pandangan pembaca yang bertepatan dengan pemikiran itu. Bandingan sistem pembelajaran menunjukkan wujudnya perbezaan yang amat ketara. Jelasnya, puisi membawa pemikiran bagi melahirkan generasi yang bermutu tinggi.

Pengajian mengenai puisi bergenre mantera telah dibuat oleh Mani Rao (2018) dalam bentuk buku. Dewa dan pengalaman berwawasan menjadi topik penting dalam mengkaji mantera. Untuk pengetahuan asas, pengkaji ini merupakan seorang pengkaji yang asalnya daripada Karnataka, India. Kajian ini merangkumi kajian lapangan dan rujukan teks. Kaedah kualitatif telah digunapakai dalam penulisan buku ini. Hasilnya, beberapa nama dewa dewi Hindu telah dinamakan. Dewa Bala, Chandi, Kali dan Lalita merupakan nama dewa itu. Jenis-jenis mantera turut dibawa ke pandangan pembaca dan masyarakat seperti ulangan mantera dan disalurkan melalui bunyi-bunyian. Dalam tradisi Tamil, mantera yang sangat popular adalah pengulangan kata *om*. Nama lain yang diberikan kepada mantera ini adalah *pranava* dimana tulisan itu dapat dilihat di mana-mana jua. Jelasnya, ucapan *om* penting dalam kehidupan seharian manusia dan digolongkan dalam puisi Tamil.

Buku mengenai kajian puisi *Thirukkural* ini telah dibuat oleh Venkata Krishnan (2018). Pemikiran kebenaran menjadi tonggak penting dalam penulisan ini. Teks ini telah dimulakan dengan menunjukkan patung Thiruvalluvar yang didirikan di Kanyakumari yang bertempat Tamil Nadu, India. Teori mengenai realisme yang dikaitkan dengan *Thirukkural* telah dibahagikan kepada pecahan yang kecil termasuk subaltern. Walaupun kajian ini lebih menjurus kepada patung Thiruvalluvar, inti pati mengenai puisi *Thirukkural* turut dibawa ke dalam kajian ini. Pembahagian bab-bab yang ada dalam teks ini telah dipecahkan kepada sepuluh bahagian termasuk mengenai kerajaan dan tugasnya. *Thirukkural* ini lebih diharapkan dari sudut politik, sains, hubungan antarabangsa, pengajian diplomatik dan lain-lain lagi. Sebuah negara

diwajibkan untuk meningkatkan dan memenuhi kapasiti masyarakat dan tidak sesekali memberikan tempat kepada orang asing untuk menjajah tanah miliknya. Jelasnya, penulisan buku yang dikait rapat dengan baris puisi dan patung Thiruvalluvar menjadi rujukan sampingan dimana pengaplikasian teori realisme yang mendalam.

Pengkaji Lakshmipriya Soundararajan (2019) meneliti dari aspek sejarah dan peranan wanita yang ada dalam kesusasteraan Tamil. Dalam pada ini, peringkat wanita telah dipisahkan kepada tujuh dimana lingkungannya daripada umur lima hingga umur empat puluh. Namun wanita masa lalu tidak dilayan dengan sopan, mereka lebih menyumbang diri ke arah bidang ini. Apa yang jelas dilihat daripada kajian ini adalah puisi menjadi tempat luahan perasaan wanita pada masa kuno. Hal ini dapat dikukuhkan lagi keadaan dimana golongan lelaki dipandang tinggi. Tetapi, wanita hanya membuat kerja yang disuruh oleh lelaki dan mendirikan rumah tangga. Ini tepat dengan teori feminisme yang berjuang dalam proses mendapatkan hak yang harus diberikan kepada wanita sama seperti lelaki supaya tidak disingkirkan dan dipandang hina. Keadaan ini tidak sama lagi apabila golongan wanita mula bangun dan mempertahankan hak mereka. Puisi ini menjadi alat penting dalam mempertahankan hak mereka. Jelasnya, puisi tamil yang lahir dalam zaman kuno menjadi elemen penting dalam memberikan kesedaran kepada golongan wanita.

*Elachia Payanam* telah diambil sebagai bahan utama dalam kajian Manokaran Rengasamy pada tahun 2019. Metafora yang ada dalam *Elachia payanam* ini menjadi tumpuan asas. Umumnya, kajian ini bertujuan bagi menggali jenis metafora serta perbezaan peginterpretasian maksud itu antara penulis dan pembaca. Kualitatif deskriptif diikuti dengan rujukan teks dan kajian kepustakaan. Sebanyak tiga puluh metafora telah digariskan dalam karya ini. Kesemua metafora itu menggunakan struktural dan ontologi dalam proses menunjukkannya lebih mendalam. Tidak terlepas pandang, unsur flora dan fauna telah digunakan dalam penulisan yang

menjadi sumber dominan. Cara hidup, pemikiran dan kepercayaan yang dipegang dalam kalangan masyarakat Tamil merupakan unsur yang dipetik daripadanya. Bukan semua makna yang dijelaskan oleh guru tepat malah ia hanyalah tepat sebanyak enam puluh peratus. Jelasnya, metafora yang berupaya mengubah makna perkataan harus peka dalam penggunaan dalam puisi.

Kumpulan pengkaji yang terdiri daripada Kartheges Ponniah, Ilangkumaran Sivanadhan, Muniisvaran Kumar dan Pooveneswaran Nadarajan (2019) telah menuliskan kajian mengenai puisi Tamil. Kaedah pengajaran teks *Thirukkural* menjadi fokus penting dalam kajian ini. Pegangan kepada kajian ini adalah bagi menyelidiki tahap pelaksanaan model pembelajaran abad ke-21. Kajian kualitatif telah digunakan bagi mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian ini. Kaedah pemerhatian turut digunakan. Dua Sekolah Rendah Tamil dijadikan sebagai skop lapangan kajian. Pendidikan kualiti standard Malaysia gelombang kedua digunakan bagi melanjutkan dan mendalamkan lagi kajian ini. Hasilnya, keadaan bilik darjah dapat dilihat dimana ia berada dalam tahap kebersihan yang tinggi dan dipenuhi dengan elemen positif. Bagi golongan pengajar, ianya mendapat markah yang pencapaianya di peringkat cemerlang. Apa yang diharapkan melalui kajian ini adalah melaksanakan pembelajaran yang mengikut tatacara yang bersifat etika menepati karya *Thirukkural*. Jelasnya, kajian ini melindungi karya *Thirukkural* di dalam payung model pembelajaran abad ke-21.

Tambahan lagi, sekumpulan pengkaji yang terdiri daripada tiga orang iaitu Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2019) telah memilih peribahasa Tamil. Dalam peribahasa pilihan, mereka berupaya meneliti tentang isu pemakanan sihat. Peranan utama kajian ini adalah bagi menyelidiki isu pemakanan sihat yang ditulis dalam peribahasa pilihan. Panduan piramid makanan telah disertakan bagi meningkatkan pemahaman yang amat mendalam. Kajian ini menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif. Rujukan teks dan lapangan

kajian turut diikuti. Pendekatan yang menjadikan kajian ini kukuh adalah semantik inkuisitif. Seramai empat orang berbangsa India telah dipilih dalam mendapatkan data mengenainya. Hasilnya, sebanyak dua puluh lima peribahasa telah diangkat. Terung dan labu air adalah antara makanan yang ditekankan dalam peribahasa Tamil. Puisi tamil bukan hanya memerihalkan sosial, politik, ekonomi malah turut tentang makanan yang berperanan penting dalam kehidupan masyarakat.

Uthaya Sankar SB dan Krishanan Maniam (2019) telah menjalankan tulisan mengenainya dengan tajuk yang memberikan gambaran tentang peranan penulis India kepada dua aspek iaitu bahasa serta sastera dibawah lingkungan kebangsaan. Pengkaji telah mengambil kesempatan ini untuk memerihalkan tentang tokoh sastera yang berperanan dalam puisi Tamil di Malaysia seperti G Soosai dan Joseph Selvam. Kajian ini bukan sahaja tertumpu pada puisi malah turut menceritakan seluruh bidang yang dipegang oleh penulis India. Rintangan yang seringkali dihadapi dalam kalangan masyarakat Tamil di negara Malaysia ini turut telah dikemukakan. Bertepatan dengan tajuk, kajian ini telah dijalankan bagi menggali sumbangan penulis kaum india di Malaysia ini. Ini bukan hanya terhad kepada pemuisi, malah turut menceritakan tentang penulis, pengkarya dan lain-lain lagi ke arah penulisan bahasa Malaysia. Kaedah soal selidik serta kepustakaan diaplikasikan dalam penelitian ini. Hasilnya, penulis tamil telah didapati turut memberikan sumbangannnya ke arah bahasa Malaysia yang merupakan bahasa kebangsaan.

Anurani Nagarajan (2019) turut menjalankan kajian dalam skop puisi Tamil yang mengkaji tentang terjemahan metafora yang berlaku antara dua bahasa yang berbeza iaitu bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini dikatakan sebagai kajian moden kerana ia bertujuan untuk menyelidiki jenis metafora dalam karya *Thirukkural* dan strategi dalam proses penterjemahan. Sepertimana yang diketahui, *Thirukkural* adalah satu karya yang kaya dengan beberapa puisi pendek. Kualitatif digunakan sebagai kaedah penelitian kajian ini dengan mencari bahan menerusi

deskriptif. Pendekatan yang diaplikasikan pula jenis Taksonomi Newmark (1980). Dalam proses penterjemahan, dua aspek dikatakan penting iaitu kebudayaan dan komunikasi. Hal ini kerana ia mempengaruhi dua bahasa yang berbeza dan bukan lagi sama. Kajian ini perlu digolongkan sebagai sumber yang wajib kerana pengkaji turut menjelaskan tentang suasana sebelum zaman *Cankam*. Walaupun bahasa yang terjemahan mempunyai persamaan yang sangat ketara dengan asalnya, pengkaji berjaya meneliti perbezaan penggunaan metafora sehingga dapat mengubah makna asal dalam proses terjemahan.

Kajian mengenai puisi Tamil diteruskan lagi dengan melihat kepada teks *Thirukkural* dari sudut pelajaran. Kajian ini dimiliki oleh Kartheges Ponniah, Muniisvaran Kumar, Sasigaran Moneyam dan Ilangkumaran Sivandhan (2019). Kajian ini dijalankan dengan berpegang kepada dua gagasan iaitu mengukur penguasaan KBAT dari tingkat keguruan Sekolah Rendah Tamil yang bertempat di Perak serta mengukur penguasaan itu dengan berpegang kepada teknik soalan berdasarkan dengan *taksonomi blooms*. KBAT membawa makna kemahiran berfikiran aras tinggi. Kedua-dua objektif ini lebih kepada pembelajaran teks *Thirukkural*. Kajian ini berpegang kepada kuantitatif yang memilih lapan puluh guru dari sekolah yang berlainan di Perak. Keputusan menunjukkan tahap yang sederhana dan menampakkan kelemahan dalam memahami dan menguasai konsep ini. Pada masa yang sama, keadaan mengajar teks *Thirukkural* kepada pelajar tahun lima dari dua sekolah yang berbeza telah diperhatikan bagi mendapatkan jawapan yang kukuh mengenai kajian ini. Bagi meningkatkan konsep ini dalam pembelajaran mengenai teks *Thirukkural* harus ditingkatkan bagi mengelakkan persefahaman yang mampu lahir daripadanya. Oleh itu, Kementerian Pendidikan harus meningkatkan aktiviti berkesan dalam memupuk KBAT ini dalam kalangan pelajar.

K Demaisuria dan K Muniisvaran (2019) menjalankan kajian dengan memilih sebuah puisi terjemahan. Kajian ini menganalisis struktur luaran bahasa ke atas *Haiku* Na. Patchaibalan. Kajian ini telah dijalankan bagi meneliti struktur luaran yang ada dalam puisi *Haiku* ini. Kaedah kualitatif dan deskriptif telah digunakan dalam kajian ini. Asal puisi *Haiku* ini adalah sebuah puisi pendek wujud di dunia Jepun. Puisi ini lebih mementingkan aspek alam dan kehidupan seharian. Puisi yang diterjemahkan melalui karya asal ini dinamakan sebagai *Jappanea kavithaigal* oleh Subramaniar Barathi. Kewujudan puisi ini meningkatkan semangat kemerdekaan yang dimiliki dalam kalangan masyarakat India. Penelitian yang dilakukan oleh kedua-dua pengkaji ini diharapkan menjadi sebuah sumber rujukan demi mendorong penulis yang bakal lahir dalam penulisan *Haiku* Tamil.

Seterusnya kajian berkenaan puisi Tamil diteruskan oleh G Manivannan Govindan (2020), tajuk kajian ini adalah *Sumbangan Tamil Muslim kepada perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia: kajian terhadap puisi-puisi Tamil tradisional terpilih Mydee Sulthan dan S Seeni Naina Mohamed*. Kajian ini telah bertujuan untuk meneliti bentuk sumbangan yang diperoleh daripada Tamil Muslim, unsur agama Islam (Mydee Sulthan) dan juga unsur budaya Tamil (S Seeni Naina Mohamed). Kajian ini telah dilaksanakan dengan memiliki kaedah kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan serta rujukan teks. Teori sejarah Hyppolite Taine telah diaplikasikan dalam ini. Bidang penulisan dan percetakan merupakan sebuah bidang yang amat terpengaruh melalui puisi-puisi seperti ini. Penelitian ini memberikan gambaran yang cukup hebat dengan mengatakan golongan Tamil Muslim turut memberikan peranan dalam perkembangan kesusasteraan Tamil terutamanya di Malaysia. Tidak dapat dinafikan sejarahnya lebih berusia 130 tahun.

Puisi *Thirukkural* dikaji oleh Krishnamoorthy Karunakaran pada tahun 2020. Kajiannya menjurus kepada nilai materialistik yang dikisahkan dalam kandungan teks *Thirukkural*. Pengkaji meletakkan kepentingan kajian ini kepada menilai nilai

materialistik yang ada dalam *porulathikaram*. *Porulathikaram* adalah salah sebuah bahagian yang ada dalam teks pilihan. Sebanyak 700 baris puisi telah dikenal pasti melalui teks tersebut. Kaedah kualitatif diikuti dengan kajian kepustakaan dan rujukan teks. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini berunsur pemerintahan terhadap negara. Baris puisi yang bersesuaian dengan isi dihuraikan dengan tepat. Sebilangan baris puisi yang ditulis oleh penulis asli seperti bertanya soalan tentang tahap keadilan pemerintah dalam sesebuah negara. Apa yang ditekankan di sini adalah sifat pemerintah dalam pemerintahan. Usaha memenuhi segala keperluan orang berkeupayaan rendah, tidak melengah-lengahkan proses pembangunan negara dan melayani orang dengan hormat merupakan antara yang dapat disenaraikan. Dapat diringkaskan, teks *Thirukkural* ini amat sesuai dengan masyarakat tidak kira zaman apa mereka memijak.

Tambahan lagi, kajian mengenai *Thirukkural* turut dilakukan oleh K Mooneegadoo (2020) yang merupakan pensyarah bahagian pengajian Tamil. Kajian ini lebih kepada keberkesanan inti pati teks dengan mendirikan soalan adakah ia masih bersesuaian dengan zaman moden ini. Di sini ditekankan lagi mengenai falsafah *Thirukkural* yang bukan sahaja kepada kumpulan keluarga malah turut kepada kehidupan manusia dikelilingi masyarakat. Kaedah kualitatif mengambil bahagian dalam kajian ini. Pendapat beberapa tokoh telah diberikan bagi memahami kedalaman teks ini termasuk Mahatma Gandhi, Abraham Lincoln dan Maharishi Suddhananda Bharathi. Dalam pada ini, segala baris puisi yang digunakan adalah dalam bahasa English yang telah diterjemahkan. Sifat kebaikan dan sebaliknya turut dipaparkan dalam hasil dapatan kajian ini. Ini kerana karya bertulis bukannya berunsur moral tetapi ada yang bersifat memberikan pengajaran.

Bukan itu sahaja, Selvajothi Ramalingam (2020) telah memberi sumbangan dengan menganalisis teks *Thirukkural* ini. Dalam kajiannya, struktur puisi intelektual dijadikan sebagai gagasan utama. Data-data yang diperoleh berdasarkan kualitatif dan

analisis dokumen. Teori kognitif puisi turut dipegang oleh pengkaji dalam proses mencapai objektif yang telah ditetapkan. Tsur Rven (2002) merupakan pengasas kepada teori ini. Kajian ini dimulakan dengan mengenali unsur kognitif yang ada dalam baris-baris puisi pilihan. Kecerdasan emosi dan intelek lahir daripada sumber sastera yang penuh dengan unsur moral serta etika. Di sinilah bermulanya pengucapan sastera sebagai seni membentuk manusia. Ini bertepatan dengan teks *Thirukkural*. Ini kerana ia membolehkan manusia membuka minda untuk pemikiran yang inovasi dan jauh. Pemikiran kreatif dan kritis turut dimasukkan di dalamnya. Kenyataan ini dilahirkan sebaik sahaja mendapat tahu tiada satu pun baris puisi yang tidak memakai kata kiasan. Kata kiasan dipegang sebagai sumber utama dalam karya ini. Kita dapat melihat pemikiran jauh yang dimiliki oleh Thiruvalluvar iaitu penulis asli teks ini dalam zaman tersebut lagi.

Metafungsi yang ada dalam teks *Thirukkural* telah dikisahkan dalam kajian Markandan Rubavathanan (2020). Tulisan ini lebih kepada fungsi linguistik yang sistematik. Pengkaji ini telah memberikan perhatian kepada usaha menggali fungsi sistematik linguistik. Micheal Alexander Kirkwood Halliday adalah pengasas kepada sistem ini. Penulisan ini lebih kepada kaedah kualitatif dan kajian kepustakaan yang turut memegang kepada rujukan teks. Kajian ini ditambahkan lagi dengan senarai ciri kepada bahagian fungsi linguistik itu. Bertepatan dengan bidang linguistik, bahagian pendidikan menjadi topik utama dalam kajian ini daripada keseluruhan bab teks ini iaitu 133 bab. Keberkesanan linguistik ataupun bahasa nampak jelas dalam struktur puisi. Ini kerana puisi ini mempunyai potensi yang lebih tinggi dan mampu berdiri sampai hari ini. Kedudukan ideologi yang ada dalam diri penulis nampaknya tinggi kerana pemikirannya lebih kepada masa depan serta berpandangan jauh.

Epik *Silapathikaram* telah dikaji oleh Gunasekaran dan Sargunavathy pada tahun 2020. Perkara yang dikaji dalam epik ini adalah mengenai unsur keagamaan yang lahir dalam kandungan. Kajian ini dilakukan bagi menyelidiki Tuhan yang

disembahyangi oleh masyarakat Tamil, cara pemujaan, kepercayaan, perayaan dan disertakan lagi mengenai keagamaan. Kajian ini mendalami aspek keagamaan yang dianuti oleh masyarakat yang dinyatakan dalam epik ini secara mendalam. Kualitatif naratif digunakan dalam kajian ini dengan berpegang kepada kajian kepustakaan, rujukan teks dan kajian lapangan yang membantu memperoleh maklumat mengenainya. Bukan sahaja dilihat kepada inti pati yang ada dalam epik ini sahaja malah turut melihat kepada masyarakat India di Malaysia yang menganut agama itu. Dapatan kajian ini mengisahkan keadaan dimana masyarakat Tamil di Malaysia sememangnya lebih mempercayai adat keagamaan dan sering mengikuti perayaan yang berdasarkan keagamaan. Adat yang dipegang oleh masyarakat dulu masih kelihatan bersih dengan masyarakat kini dimana adat itu menjadi kewajipan untuk mengikutinya.

Kajian diteruskan lagi oleh Francis X. Clooney (2020). *Nityagrantham* yang diasaskan oleh Ramanuja menjadi topik asas kajian ini. Ramanuja (1017-1137) merupakan seorang yang amat mencintai kepada Tuhan. Sebanyak sembilan kerja yang menggunakan nama dia sebagai pengasas termasuk *Nityagrantham* ataupun dipanggil sebagai *Nithyam*. Kajian ini dilakukan berdasarkan kualitatif dan diikuti dengan kajian kepustakaan dan lapangan kajian. Hasilnya, persediaan yang dilakukan bagi menjalankan ibadah ini. Hal ini kerana setiap perkara harus dilakukan mengikut ketetapan yang telah diperuntukkan. Cara memandikan patung dewa turut diteliti dengan dekat bagi memberikan jawapan yang paling tepat dengan objektif penyelidikan ini. Bukan itu sahaja, pemujaan yang diucapkan dalam ibadah ini turut dinyatakan dalam kajian ini beserta dengan makna yang padat dan ringkas. Jelasnya, puisi yang berbentuk mantra ini digunakan dalam pemujaan sehingga masa kini dalam kalangan masyarakat Tamil.

Tambahan lagi dengan kajian G Karunakaran (2020) yang meneliti epik *Silapathikaram* yang turut merupakan karya puisi Tamil. Kajian ini lebih kepada

istilah *thinai* yang ditekankan dalam karya ini. Kajian ini dijalankan dengan kualitatif dan menggunakan rujukan teks. Masyarakat dahulu seringkali menggunakan tanah yang mereka duduki sebagai alat untuk sumber ekonomi. Masyarakat yang tinggal tepi pantai akan memancing, begitu juga dengan masyarakat yang mendirikan rumah di tanah yang rata. Mantera yang diucapkan dalam karya epik ini seringkali dikaitkan dengan dewa pujaan. Gambar-gambar yang bertepatan dengan lagu pemujaan itu turut dibawa kepada pandangan pembaca. Ada juga tarian dimana mereka menggunakan payung dalam tarian tersebut. Tarian payung itu turut digambarkan dengan menggunakan beberapa baris puisi. Bukan itu sahaja, sebanyak lima kategori telah dikisahkan dalam kajian ini. Jelasnya, kehidupan sosial yang mengikut jenis permukaan tanah telah dibawa dalam bentuk puisi oleh masyarakat Tamil.

Gabungan Kasirajan dan Sankareswari (2021) telah membangunkan satu lagi kajian yang berkonsepkan kepada teks *Silapathikaram*. Kajian ini telah dilakukan bagi mengukuhkan pernyataan dimana menyatakan karya *Silapathikaram* sebagai karya epik yang mengandungi puisi-puisi berkaitan dengan kehidupan manusia. Ini berpegang kepada kualitatif naratif yang dibantu dengan kaedah rujukan teks. Perbandingan wujud dalam kajian ini bagi membandingkan karya ini dengan variasi bahasa. Hasilnya, latar belakang yang dipegang oleh karya ini telah dihuraikan. Teks ini disamakan dengan satu karya yang dimiliki oleh bahasa Latin. Kedua-dua ini menunjukkan persamaan yang ketara. Kepelbagaian agama yang ada dalam karya ini menekankan bahawa penulis mempunyai kepercayaan dan menghormati agama lain yang turut wujud bersama dengan agama masyarakat India. Jelasnya, kajian ini membantu mengeluarkan pandangan penulis berkaitan dengan unsur keagamaan dan turut meneliti baris puisi yang berkaitannya.

Kajian mengenai *Silapathikaram* turut dilakukan oleh pengkaji bernama Little Flower (2021). Kannagi yang merupakan watak wanita dalam karya ini telah diangkat dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan bagi menyelidiki kepentingan watak Kannagi dalam

karya ini. Ini telah dilakukan dengan berpegang kepada kualitatif naratif dan dibantu oleh kajian kepustakaan. Kajian ini dimulakan dengan memberikan keterangan mengenai watak Kovalan dan Kannagi yang menjadi ahli penting dalam epik ini. Hasilnya, perwatakan yang dimiliki oleh Kannagi menggambarkan wanita yang kuat dalam kehidupan yang amat mencabar. Kisah gelang kaki menjadi plot penting dan diingat sehingga kini sebaik sahaja cakap pasal kisah *Silapathikaram* ini. Hal ini kerana perjuangan bagi mendapatkan keadilan daripada kelakuan raja yang tidak menyiasat perkara sebenar dan berani memanggil raja tersebut orang yang tidak berilmu. Jelasnya, pengajian puisi dalam kajian ini menampakkan adanya hak untuk wanita yang mengejar keadilan dalam kehidupan mereka.

Ditambahkan lagi dengan kajian hasil Prasanthi Ilango (2021). Dalam kajian ini, *Silapathikaram* telah diteliti dengan berpegang kepada kepelbagaian tradisi muzik yang hadir dalam kisah ini. Penyelidikan ini menggunakan kualitatif dan diikuti dengan kajian kepustakaan serta rujukan teks. Tidak dapat dinafikan, karya ini pernah mendapat pujian daripada penyair terkenal iaitu Bharathi. Dalam pada ini, bukan sahaja kandungannya dari sudut tulisan tetapi disertakan dan dihiasi dengan bunyi ataupun muzik. Kepelbagaian yang lahir tidak akan melihat kepada status yang berlainan. Semua dianggap sama. Dari sudut puisi, rima yang ada dalam rangkap inilah berupaya membangunkan bunyi dan akhirnya membangunkan lagu yang tersendirinya. *Kaathaikal* yang dimaksudkan sebagai puisi panjang telah dapat dilihat melalui kisah *Silapathikaram* ini. Puisi panjang yang ada dalam teks *Silapathikaram* menggambarkan variasi tradisi yang ada dalam kandungannya.

Kumpulan pengkaji yang terdiri daripada Kartheges Ponniah, Ilangkumaran Sivanandhan, Muniswaran Kumar, Pooveneswaran Nadarajan dan Aigul Akhmetova (2021) telah memilih karya *Thirukkural*. Apa yang dikaji oleh mereka adalah kegunaan ICT dalam teks *Thirukkural* berdasarkan pengajaran dan pemudahcaraan. Kajian ini dilakukan dengan kaedah campuran dimana kedua-dua kualitatif dan

kuantitatif. Ditambahkan lagi dengan kajian kepustakaan dan soal selidik. Temu bual yang dinyatakan ini dilakukan ke atas pengajar bahasa Tamil dalam sekolah yang dipilih. Daripada soal selidik ini, 30% pengajar didapati aktif dalam penggunaan ICT dalam sistem yang dinyatakan dalam penyelidikan ini. Akan tetapi, ada 50% pengajar yang tidak pandai dan cekap dalam penggunaan ini. Ini menimbulkan rasa kerisauan kumpulan pengkaji ini. Perkara yang ditekankan sebagai ICT adalah *powerpoint*. Jelasnya, penggunaan ICT membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan puisi yang digolongkan dalam karya etika *Thirukkural*.

Pada tahun yang sama (2021), Suhail Vij telah menjalankan kajian yang meliputi pengajian puisi Tamil. Kajian ini bersifat terbuka kerana kesemua karya yang ada dalam kesusasteraan Tamil diambil dan ditaburkan dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan dengan berpegang kepada kualitatif naratif dan ditambahkan dengan kajian kepustakaan. Tujuan utama yang membantu melaksanakan kajian ini adalah demi menggali pandangan dan pengajaran mengenai satu sektor yang dipanggil pengurusan dan kepimpinan. Karya yang ada dalam kesusasteraan Tamil sememangnya menceritakan tentang kebijaksanaan yang patut ada dalam diri manusia. Karya yang dapat diambil sebagai contoh adalah *Ramayana* dan *Bhagavadgita*. Apa yang dapat jelas dilihat melalui kajian ini adalah gabungan antara kitab suci dan kepimpinan terserlahkan kepentingan yang tidak terhingga dalam kehidupan. Jelasnya, pemahaman mengenai kedalaman kitab suci membantu melahirkan pemimpin yang ada integriti yang tinggi disamping mendalami puisi.

Pada tahun seterusnya (2022), kajian telah dilakukan dengan gabungan dua pengkaji Geetha Thevarazen dan Rosazman Hussin. Kajian ini merupakan kajian yang memberikan jawapan kepada soalan adat dan amalan yang diikuti oleh masyarakat Tamil. Ini lebih dilihat kepada kawasan yang bernama Sekinchan di Selangor. Apa yang menjadi soalan utama adalah mengenali sama ada adat masih kekal atau telah pudar dan diikuti cara moden. Kajian ini telah dilakukan dengan

kualitatif. Kajian ini telah menggunakan pelbagai cara termasuk soal selidik, pemerhatian dan dibantu dengan sumber sekunder. Segala adat yang dilakukan dalam perkahwinan diteliti dan ditulis mengikut tatacara yang betul. Kedatangan puisi dalam kajian ini jelas nampak dalam bahagian tatacara adat dimana ianya bersifat mantera. Biasanya dalam tiap-tiap adat masyarakat Tamil, mereka seringkali menggunakan mantera. Keadaan ini masih sama tanpa ada perubahan yang lain. Ini dapat dikatakan adat dipelihara dan dipertahankan bagi mengelakkan kemerosotan ataupun kehilangan adat yang asli. Jelasnya, puisi yang bersifat mantera amat mempengaruhi kehidupan masyarakat Tamil dimana jua mereka berada.

Kajian mengenai karya *Seevagacinthamani* telah dilakukan oleh Gayathri V M (2022). Apa yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah melihat kepada variasi *bhedas* yang ada dalam karya pilihan. Hal ini kerana wujud beberapa kategori dalam *bhedas* ini. Yang menarik perhatian pengkaji ini adalah *nayaka* dan *nayika bhedas*. Kajian ini telah dilakukan dengan kualitatif dan dibantu oleh kajian kepustakaan. Bukan ini sahaja, watak yang ada dalam karya ini telah diteliti oleh pengkaji ini. Kajian mengenai watak lelaki dan perempuan turut dikenal pasti dalam karya ini Ini kerana bagi mendalamkan lagi pemahaman mengenai topiknya. Pengaplikasian dan kajian mengenai puisi jelas dilihat dalam kajian ini dimana karya ini menggunakan puisi berbentuk kuatrain. Dalam pada ini, dapat melihat perkataan yang menekankan *akam* dan *puram* puisi. Kedua-dua ini menekankan maknanya sebagai unsur dalaman dan luaran. Jelasnya, kajian ini membantu mengenali *bhedas* yang ada dalam karya *Seevagacinthamani*.

Tambahan lagi dengan kajian hasil Herlina Maysarah Pasaribu, Kumalo Taringan dan Asmyta Surbakth (2022) dengan memilih puisi bersifat *bhajan*. *Bhajan* ini merupakan satu lagu berbentuk puisi yang sering digunakan dalam adat pemujaan masyarakat Tamil. Kajian ini dilakukan bagi menyelidiki aspek tekstual dan muzikal yang ada dalam *bhajan*. Bukan semua *bhajan* dilihat, tetapi keutamaan diberikan

kepada pemujaan Ganesha di Kuil Medan. Tidak terlepas pandang, kajian ini menggunakan kualitatif dan lapangan kajian. Tempat yang menjadi pilihan ialah Shri Sithi Vinayagar Kuil di Medan. Segala yang dikait rapat dengan puisi jenis *bhajan* ini diteliti dengan mendalam. Keadaan ini membantu memberikan jawapan yang tepat kepada persoalan yang bangkit dalam penyelidikan ini. Ini ditambahkan lagi dengan keterangan mengenai paras rupa yang menggambarkan Ganesha. Kajian ini lebih mengukuhkan lagi bahawa *bhajan* yang digolongkan dalam puisi Tamil digunakan dalam pemujaan sehingga kini.

Dua orang pengkaji bertaraf pensyarah N R Aravamudhan dan Avinash Chandra Supkar (2022) melakukan kajian dengan memilih karya *Thirukkural*. Kajian ini dilakukan bagi menguji tahap keberkesanan dalam konteks kepimpinan. Ini telah diselesaikan dengan menggunakan kualitatif dengan memilih kaedah kepustakaan. Tidak dapat dielakkan, karya *Thirukkural* menjadi bahan utama penelitian ini. Daripada 133 bab dan 1330 bait puisi, ada juga yang mengatakan tentang aspek kepimpinan ini. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan kajian lepas yang telahpun disenaraikan di atas ini. Pada masa yang sama, pengkaji turut bersetuju dengan pandangan dimana menyatakan karya ini mempunyai pandangan yang jauh yang mampu melihat ke hadapan. Jelasnya, kajian ini menjadi alat yang mengisahkan kedalaman inti pati puisi dalam kepimpinan.

Menjelang tahun 2023, lahir satu kajian yang berkaitan dengan penulis Thiruvalluvar oleh kumpulan pengkaji yang terdiri daripada S Rohini, K K Raghavi dan C Vallikannu. Mereka menyelidiki tentang istilah cinta  yang mempengaruhi perbezaan pandangan oleh dua tokoh yang berbeza. Shakespare dan Thiruvalluvar. Kajian ini lebih kepada kualitatif dimana kajian kepustakaan dan rujukan teks digunakan. Apabila melihat kepada pandangan puisi Tamil, kajian ini telah mengeluarkan beberapa bait puisi yang berkaitan dengan topik yang telah dibincangkan dalam kajian ini. Kuplet 1216, 1221 dan 1181. Inilah antara baris puisi yang dapat dilihat

melalui penulisan ini. Namun begitu, perbezaan wujud dengan pendapat Shakespare dan Thiruvalluvar mengenai isu cinta ini. Ini kerana Shakespeare lebih berpendapat bahawa istilah ini dapat dikaitkan dengan baik dan buruk. Jelasnya, kajian ini mengukuhkan lagi karya *Thirukkural* dan dapat diketahui karya ini tidak sememangnya hilang daripada pandangan manusia.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 2.3 Pengajian Teori Deontologi dalam Karya Sastera

Pengajian teori deontologi telah ditambahkan bagi meneliti betapa kedalamannya teori ini dalam dunia pelajaran. Penelitian dimulakan dengan pengkaji yang bernama Puriyadi (2010) yang menjalankan penyelidikan keatas teori deontologi ini dengan memilih senaskah buku sastera *Kalilah Wa Dimnah* yang ditulis oleh Ibn al-Muqaffa. Tujuan penyelidikan ini bagi menggali pemikiran etika dan menyelidiki keterkaitan langsung. Bagi menjayakan proses penggalian data, pengkaji memutuskan agar menggunakan teori deontologi. Tambahan lagi, kaedah kualitatif dan kepustakaan telah diguna pakai dalam proses ini. Tema etika dalam karya ini telah dikeluarkan lebih daripada lima yang turut terdiri daripada kewajipan menjauhi gosip, kebebasan dari kezaliman serta bahaya keadaan terburu. Nilai keadilan, keberanian, kasih sayang merupakan antara yang wujud dalam karya sebagai nilai etika. Penelitian ini jelas menunjukkan teori deontologi berupaya membezakan nilai kepada dua prinsip iaitu kewajipan dan eksistensialisme dan kedua-duanya tidak berlari daripada kehidupan manusia.

Tambahan lagi, pengkaji M. Sastrapratedja (2012) telah menjalankan kajian ke atas karya sastera Paul Ricoeur. Tujuan kajian ini dijalankan bagi menggali pendapat Ricoeur dalam karyanya dari sudut hermeneutik dan etika naratif. Pengkaji telah menggunakan kaedah naratif serta teori deontologi bagi mendapatkan maklumat berkaitannya. Naratif seringkali dikaitkan dengan kehidupan manusia. Begitu juga dengan pandangan yang telah dikeluarkan oleh Ricouer. Kehidupan bukan hanya digambarkan tetapi turut mengandungi jalan cerita yang ada huraian jelas seperti evolusi dan penilaian. Istilah *ipse* dan *idem* turut digunakan dalam penyelidikan ini. Pada masa yang sama, persamaan dengan etika naratif dan teori deontologi yang dibawa oleh Immanuel Kant turut dihuraikan dalam penelitian ini. Jelasnya, kajian ini benar membawa teori deontologi dalam meneliti hermeneutik Paul Ricoeur.

Kajian Cahya Buana (2014) turut memberikan sumbangan dengan menggali nilai moral dalam syair pilihan. Pengkaji ini telah memilih pengkarya Zuhair Ibnu Abi Sulma yang menghasilkan syair berjudul *Jahiliyah*. Konsep kepada kajian ini adalah bagi menyelidiki nilai moral serta sudut pandangan Islam terhadapnya. Teori deontologi Immanuel Kant telah digunakan dengan diikuti kajian kepustakaan. Hasilnya, unsur intrinsik, ekstrinsik dan nilai moral telah dikeluarkan. Tema, rasa, nada, tujuan merupakan empat yang wajib dalam sudut intrinsik. Penggunaan bahasa Arab digunakan bagi memberikan gambaran yang jelas mengenainya. Seperti biasa, pengarang, politik dan sosial lahir sebagai unsur ekstrinsik dalam syair ini. Kejujuran, etika pergaulan serta etika sosial telah dikeluarkan sebagai pesan moral. Nilai yang dikeluarkan daripada syair ini menggambarkan penggunaan nilai keyakinan dari pelbagai sudut. Jelasnya, teori deontologi ini sememangnya digunakan dalam karya yang meliputi nilai-nilai moral sebagai konsep kehidupan.

Selain itu, Ni Wayan Sri Prabawati Kusuma Dewi (2015) telah menyumbang ke dalam teori ini dengan sebuah penulisan artikel. Teks yang menjadi pilihan penulis ini adalah *Kakawin Siwaratri Kalpa* yang digunakan dalam pemujaan dewa Siva. Daripada teks ini, pengupasan acara, susila dan tattwa telah dilakukan. Teori deontologi digunapakai dengan ditambahkan konsekuensialis. Kualitatif naratif dan lapangan kerja telah dilakukan bagi membawa kajian ini ke arah yang lebih tinggi. Dewa Yama dikatakan sumber yang dipegang bagi menyelesaikan suatu masalah manakala dewa Siva menjadi sumber kepada pemikiran secara deontologi. Penggunaan istilah Tamil banyak digunakan dalam penulisan bagi memberikan pemahaman yang mendalam berkaitan dengan teks pilihan. Dari perspektif deontologi, cara yang diamalkan dalam pemujaan wajib dipatuhi oleh tiap-tiap penganut tanpa mengubah maknanya. Perdebatan antara dewa Yama dan Siva dikatakan berlaku kerana kedua-duanya mempunyai tugasan yang berbeza iaitu penghapusan dan penjagaan.

Kajian berkenaan dengan Hadis Nabi dilakukan oleh pengkaji Awaludin (2015). Apa yang menjadi topik utama pengkaji ini adalah menyelidiki prinsip manajemen dalam sudut pendidikan. Kajian ini dilakukan dengan memegang kepada kaedah kualitatif. Diteruskan juga dengan rujukan teks. Hal ini kerana prinsip yang dinyatakan ini dipetik daripada sumber primer seperti kitab hadis. Kajian ini meliputi beberapa nilai yang terkandung dalam kitab ini. Dalam penulisan mengenai tatacara pendidikan yang ditekankan dalam kitab ini, ada juga prinsip yang menekankan perkara tersebut. Antaranya adalah prinsip ketepatan dan disiplin. Dalam pada ini, tulisan yang ada dalam kitab hadis turut dibawa ke dalam rencana ini. Ini bagi mengukuhkan lagi fahaman mengenainya. Teori deontologi sesuai dengan kajian ini yang meneliti pelbagai pelbagai yang mana kesemuanya memaparkan tentang etika yang bermoral. Oleh itu, kajian ini yang memetik prinsip bersudutkan pendidikan dalam kitab hadis penting dibaca oleh masyarakat Islam.

Andrawinaning Tyas Raras (2016) melakukan satu lagi kajian yang berkonsepkan kepada nilai atau norma yang baik. Kisah fabel yang dikaryakan oleh Jean De La Fontaine. Kajian ini telah dilakukan bagi menggali cara tokoh utama dan etika ditinjau daripada keutamaan sudut intelektual dan etis. Ini menggunakan kaedah kualitatif dimana dibantu oleh teknik analisis data. Bagi menguatkan kajian ini berdiri tegak, skema akta dan model fungsional yang diasaskan oleh Greimas digunakan. Bukan itu sahaja, ditambahkan juga dengan teori deontologi yang telah diasaskan oleh Immanuel Kant. Hasilnya, dapat menemui enam nilai fabel dalam kisah ini. Antaranya keberanian, persahabatan dan pemurah. Semua nilai ini juga dilapisi menggunakan teori Aristotle. Apabila dibandingkan antara akal dan kebijaksanaan, akal inilah mempunyai kategori yang banyak. Jelasnya, kajian ini berjaya mengutarakan pandangan dimana keberadaan paling dominan dilahirkan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kajian diteruskan lagi oleh pengkaji bernama Nasrullah (2017). Perkara yang dikisahkan oleh pengkaji ini adalah mengenai tradisi tasawuf. Ini telah diberikan tafsir tekstual dan tarekat dimana ianya berikut dengan kaum tua di Minangkabau. Kajian ini lebih berstrukturkan kepada kaedah kualitatif dimana ianya diikuti oleh rujukan teks. Teori deontologi yang berkaitan dengan niat sesuatu perlakuan telah ditekankan dalam kajian ini. Beberapa ayat telah dikeluarkan dan ditulis semula dalam wacana ini bagi menggambarkan situasi sebenar penulisan kitab suci. Penjagaan kalbu dari maksiat batin, memperbanyak zikir dan pandai mengawal nafsu ditulis di dalam pengamalan tarekat. Bahagian sejarah dalam sudut sosial turut diberikan. Jelasnya, kajian ini yang menekankan etika dan tradisi membantu dalam meningkatkan tahap kerohanian individu.

Kajian yang dilakukan oleh Muhammad War'i (2018) menunjukkan keadaan dimana teori deontologi ini wujud secara tersirat. Kalam Ibnu Malik diambil sebagai suatu yang penting dalam penyelidikan ini. Dalam kalam Ibnu Malik, inilah prinsip filsafat bahasa dan etika dipetik. Data-data yang dipetik itu telah dibawa kepada pandangan pembaca rencana ini. Tidak dapat dinafikan, tinjauan hermeneutik menjadi sebahagian besar dalam kajian ini. Hasilnya, prinsip filsafat yang ditemui ini dapat dikatakan sebagai gabungan antara tuturan dan tingkah laku. Disini telah menyatakan bahawa adanya teori etika dalam kajian ini. Unsur materi dan immateri turut telah dikenal pasti melalui kalam Ibnu Malik. Dapat diringkaskan, kajian ini telah ini telah menekankan lagi konsep deontologi dimana ianya berpegang kepada tindakan dan bukannya kesan.

Diteruskan lagi kajian milik Mimi Maolani (2018) yang memetik idea daripada pemikiran Ibn Miskawaih dan Thomas Aquinas. Pemikiran ini bersudut kepada etika. Pengkaji berasa etika semakin turun tahapnya akibat kemodenan global. Inilah menjadi punca kepada perjalanan kajian ini. Dengan menggunakan metode kualitatif, pengkaji turut memilih kepada pendekatan yang dekat dengan manusia iaitu

fenomenologi. Setelah mencari bahan di perpustakaan, dia telah berjumpa dengan satu naskah bertajuk *Tahdib al-Akhlaq* yang telah pun dikaryakan oleh Ibn Miskawaih. Buku *Summa Theologica* karya Thomas Aquinas turut dipilih. Keadilan dan kesaksamaan menjadi sebahagian daripada senarai etika yang telah pun dikisahkan melalui teori deontologi. Jelasnya, kedua-dua bahan bacaan ini membantu pengkaji bagi meneliti sumber terjadinya etika sebegini seperti pengalaman hidup dan lain-lain lagi.

Pada tahun 2018, Rika Novita Kusumaningrum telah memberikan sumbangan melalui kajiannya. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji lebih kepada filologi yang dijumpai dalam *Hikayat Nakhoda Asyik*. Ini merupakan suatu teks yang dipegang oleh masyarakat sehingga masa kini. Dalam pada ini, adanya norma yang bersifat baik membantu meningkatkan jati diri pembaca. Bagi meluaskan kajian ini, deskriptif kualitatif telah digunakan. Tambahan lagi dengan pengapliksian struktural. Namun begitu, adanya teori deontologi dalam kajian ini. Hal ini kerana kesemua data yang diperoleh daripada sudut etika sememangnya membincangkan tentang sifat dan bukannya kesan. Kecapi, perahu dan pengembaraan merupakan antara yang telah dilihat dalam hikayat ini. Jelasnya, kajian mengenai hikayat yang telah lama dipegang oleh masyarakat ini membantu meningkatkan tahap disiplin manusia.

Selain itu, kajian mengenai teori ini diaplikasikan dalam sebuah novel oleh Akhmad Idris (2019). Novel yang menjadi pilihan pengkaji ini adalah *Burlian*. Ini merupakan karya yang ditulis oleh Tere Liye. Penyelidikan ini bertujuan bagi menggambarkan keputusan etis yang dinyatakan dalam novel pilihan. Deskriptif kualitatif menjadi pilihan dalam melaksanakan kajian ini. Ditambahkan lagi dengan kajian kepustakaan dan analisis data. Kajian ini sepenuhnya dijalankan bagi memetik literasi moral yang ada dalam novel pilihan. Hasilnya, sebanyak tiga komponen telah dikenal pasti termasuk kepekaan etika. Sifat peka dalam etika ini jelas bertepatan dengan teori deontologi. Ini kerana dalam teori ini, pandangan tidak sesekali diberikan kepada

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

akibat. Landasan yang mewujudkan tindakan etis ini adalah penalaran etis dan imaginasi moral. Jelasnya, teori deontologi amat membantu dalam mengeluarkan segala aspek kemoralan yang ada dalam suatu teks.

Pengkaji Muh Syaqiq Albilkhi (2019) menjalankan kajian ke atas buku *Kempalan serat-serat* Raden Mas Panji Sosrokartono. Ini bagi menyelidiki tahap filosofi etika yang ada dalam karya ini. Analisis deskriptif telah digunapakai dalam kajian ini dengan memperoleh data daripada kajian kepustakaan. Dalam kajian ini, latar belakang kehidupan yang diamalkan oleh Sosrokartono telah diberikan. Pandangan secara mendalam mengenai konsep kehidupan Raden Mas Panji Sosrokartono menggambarkan kewujudan teori deontologi ini. Hal ini kerana beliau berdasarkan kepada kebenaran dan tekanan kuat kepada kewajipan. Pandangan pengasas teori ini adalah ianya berjalan sekata dengan isi hati. Yang pentingnya menjalankan kehidupan di atas landasan bermoral. Jelasnya, etika ini membantu seseorang bagi melahirkan rasa bakti kepada tiap-tiap perlakuan yang dilakukan dengan hanya memegang kepada amalan bermoral dan bukannya negatif.

Urbanus Ura Weruin (2019) berjaya melukiskan satu rencana yang berpegang kepada teori etika moden ini. Walaupun beberapa karya sastera menjadi pilihan, pandangan filosofi menjadi titik penting dalam kajian ini. Ini dilakukan dengan melihat kepada kajian kepustakaan dimana rujukan penting diambil dalam bentuk nota. Kajian yang menggunakan kualitatif naratif ini melindungi semua teori yang ada dalam skop etika. Dalam erti kata lain, teori deontologi dan teleologi menjadi ajaran dalam kajian ini. Ini bagi mengukuhkan lagi kefahaman pembaca mengenai perkara moral yang turut dibahagikan kepada pelbagai bentuk. Prinsip keadilan menjadi salah satu cabang didalamnya. Kesemua etika yang dibincangkan ini kemudiannya diterapkan dalam sektor perniagaan. Hal ini kerana sektor ini seringkali mendapat perhatian orang ramai dengan gejala yang tidak bermoral. Jelasnya, kajian ini

membantu menghuraikan aspek yang ada dalam perniagaan yang dikait rapat dengan etika moral.

Pengkaji bernama Rohmatul Izad (2019) telah melakukan kajian yang bersudut kepada pidana hukuman mati. Tempat yang menjadi perhatian adalah Indonesia. Tujuan utama berlakunya kajian ini adalah untuk menyelidiki pidana hukum mati dengan melihat menggunakan mata teori deontologi. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan yang dipanggil sebagai deskriptif interpretatif. Setelah melakukan kajian ini, perkara yang dapat dilihat adalah konsep ini bukan terbentuk daripada hukum. Apa yang menjadikan konsep ini berlaku adalah pemikiran secara luar. Keadaan ini dikait rapat dengan hak asasi manusia. Hukuman mati menjadi percanggahan dengan hak ini. Ada juga yang melihat kepada aspek deontologi yang dibahagikan kepada dua iaitu tugas dan kewajipan. Jelasnya, kajian ini membantu menghuraikan mengenai pidana hukum mati yang terjadi di Indonesia dengan bantuan teori deontologi.

Pada tahun 2020, pengkaji Ridwan dan Abdul Rosid menjalankan kajian ke atas buku SMA kelas X pelajaran Bahasa Indonesia. Dalam pada ini, mereka menggali implementasi aksiologi. Kaedah deskriptif kualitatif telah digunakan dan ditambahkan lagi dengan teori etika. Rasa ingin tahu, kreatif dan disiplin menjadi bahagian kecil dalam teori deontologi. Tidak dapat dielakkan, perkara yang ada dalam ini merujuk kepada perbuatan dan bukannya akibat terjadinya. Baris petikan dikeluarkan dan ditulis semula bagi menunjukkan dimana wujudnya situasi itu. Bukan itu sahaja, soalan yang berkaitan dengan etik dan karya ini disenaraikan sebanyak sembilan perkara. Ditambahkan lagi dengan nilai keindahan dan seni dimana merangkumi tipografi, ilustrasi dan tata letak. Jelasnya, teori deontologi dalam teks ini dapat dilihat jelas bahawa ianya berfokus kepada nilai moral yang meluruskan pelajar kepada landasan yang baik.

Gabungan dua pengkaji Andi Kurniawan dan Rahmat Kartolo (2020) membawa satu kajian yang melihat kepada novel. Novel yang menjadi pilihan adalah berjudul *Mengejar impian ayah* karya Abdi Siregar. Kajian ini dijalankan bagi menggali segala gambaran nilai etika dan pendidikan yang ada dalam novel pilihan. Kajian dimulakan dengan metode deskriptif. Hasilnya, dua puluh dua nilai pendidikan berkaitan agama, dua puluh satu nilai berkaitan sosial dan empat puluh nilai berkaitan dengan pendidikan moral. Inilah dapatan yang diperoleh daripada novel ini. Semua nilai yang dipetik ini harus dipegang oleh masyarakat demi menjalani kehidupan yang penuh bermakna. Sisipan nilai ini meluaskan umur pembaca tanpa meletakkan apa-apa batasan. Inilah kekuatan yang sentiasa dimiliki oleh karya bersifat etika. Jelasnya, kajian ini yang berpegang kepada teori deontologi membantu meluaskan tahap pemikiran pembaca.

Ilmu daripada sudut cinta telah diutarakan oleh Hisnuddin (2020) dalam kajiannya. Pandangan mengenai cinta ini dilihat menggunakan mata Jalaluddin Rumi. Tujuan utama kepada kajian ini adalah bagi menggali pendidikan rohani yang digariskan dalam sudut cinta kasih dan ditambahkan dengan sumbangan pemikiran tasawuf tokoh ini. Dalam pada ini, kajian kepustakaan menjadi elemen penting. Secara langsungnya dapat dikatakan kajian ini bersifat kualitatif. Rubaiyat merupakan salah satu rujukan yang digunakan dalam penyelidikan ini. Hasilnya, bait syair, kata dan hikayat diteliti dengan mengambil nilai bersifat konsep cinta ini. Kesemua hasil dapatan ini telah mengatakan mengenai kasih yang terjalin antara individu terutamanya dalam kalangan pelajar ke arah Allah. Jelasnya, kajian ini telah membuka minda pembaca dan membersihkan dirinya dengan pembacaan mengenai karya yang didukung oleh kajian ini.

Pada masa yang sama, pengkaji Irma Kusuma Wardani (2020) melakukan kajian dengan melihat kepada sudut sosial. Karya sastera yang menjadi pilihan adalah *Suluk sunan katong* yang dipanggil sebagai *Serat panitibaya* yang merupakan

sebahagian daripada karya sastera kuno. Kajian ini dilakukan bagi menggali segala etika sosial yang ada dalam karya ini. Metode kualitatif dibantu dengan kajian kepustakaan. Pandangan melalui teori deontologi telah digunakan. Hal ini kerana inti pati karya ini merangkumi dua aspek iaitu boleh diikuti dan tidak boleh diikuti. Karya ini sesuai dengan kehidupan masyarakat sehingga zaman ini. Kandungannya lebih kepada peraturan dan larangan yang harus ditaati oleh masyarakat. Dapat dikukuhkan lagi dengan pernyataan yang mengatakan dalamnya ada prinsip kewajipan dan eksistensialisme. Jelasnya, kesemua etika ini mendorong manusia ke arah kehidupan yang tenteram tanpa mewujudkan peristiwa pertikaian dan pergaduhan.

Novel *Kawin kontrak* telah diambil sebagai bahan utama kajian Heru Supriyadi (2020). Novel ini telah ditulis oleh Saifur Rohman dan telah dikeluarkan pada tahun 2006. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis etika sosial yang ada dalam novel ini. Ditambahkan juga dengan menggali unsur intrinsik dan ekstrinsik yang ada dalam novel ini. Metode kualitatif naratif dilakukan dan ditambahkan lagi dengan rujukan teks. Ringkasan mengenai novel ini diberikan kepada pandangan pembaca bagi mengenali plot dengan betul. Watak yang ada dalam novel ini turut disenaraikan termasuk watak Paina dan Charles. Sosial telah ditunjukkan sebagai masyarakat yang ada pendidikan tinggi, kearifan dan kekuatan. Dari sudut deontologi, ianya lebih bersudut kepada kehidupan watak yang ada dalam novel ini. Pengutamaan diberikan kepada watak wanita kerana mereka tidak pandai melaksanakan kehidupan ke arah kebaikan. Jelasnya, etika yang ada dalam kehidupan menggambarkan tahap deontologi dalam novel ini.

Pengkaji Samsudin (2020) menjalankan kajian dengan mengkaji mengenai kod etika dan pedomen perilaku hakim. Karya sastera yang dipilih adalah kitab berjudul *Abadu Al-qadi*. Ini lebih menjurus kepada negara Indonesia. Kajian ini dijalankan bagi menggali kod etika dan pedomen perilaku hakim berteraskan dengan kitab ini yang

telah dikaryakan oleh al-Mawardi. Penelitian kualitatif dibantu dengan pengumpulan data mengenainya. Namun bukan secara menyeluruh, teori deontologi dapat dikesan dalam rencana ini. Hasilnya, keadilan dan ketentuan undang-undang menjadi titik isi yang ada dalam kitab ini. Hal ini kerana kitab ini menjadi pegangan masyarakat. Keadaan ini mengukuhkan lagi adanya nilai kehidupan dalam kitab ini sebaik sahaja ia menjadi pegangan masyarakat. Jelasnya, rencana yang diselitkan dengan teori deontologi ini membantu mengupaskan etika dalam kitab yang turut membantu membangunkan jati diri masyarakat.

Pengkaji Riska Yanti telah membuat satu kajian yang melihat kepada etika dalam ego materialisme. Kajian ini dilakukan bagi menggali peranan etika bersudut kepada ego materialisme Iqbal dalam karya pilihan. Ini dilakukan dengan berpegang kepada deskriptif kualitatif ditambahkan dengan historis faktual. Dalam bahagian konsep etika, pandangan Immanuel Kant telah diberikan. Ini diikuti dengan teorinya yang bergelar teori deontologi. Pandangan mengenai teori ini telah diberikan dengan mengatakan orang yang berpegang kepada teori ini digelar sebagai penganut rigorisme moral. Pandangan ini telah diucapkan oleh K Bertens. Watak manusia terbentuk melalui tiga tahap. Tahapnya adalah ketaatan kepada hukum, pengendalian diri serta kekhalifahan ilahiah. Jelasnya, kajian ini mengeluarkan tahap yang dilafazkan dalam proses membina manusia yang jati dirinya tinggi.

Seterusnya, pengkaji Hasbun Doya (2021) telah melakukan kajian dengan melihat kepada satu novel. Novel *99 cahaya di langit Eropah*. Inilah karya yang menjadi pilihan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menyelidiki nilai kemanusiaan dan kerelevanan dalam pengembangan Akhlakul Karimah. Kajian ini telah dijalankan dengan bantuan kajian kepustakaan dan metode kualitatif. Kedua-dua data primer dan sekunder digunakan. Pembacaan mengikut tahap simbolik dan semantik telah dijalankan. Daripada pandangan teori deontologi, agama yang bermoral mendesak manusia supaya memahami segala gerak geri yang dilakukan sebagai kewajipan. Ini

menekankan kepada dua aspek deontologi iaitu peraturan dan tindakan. Jelasnya, kajian yang menerapkan teori ini digunakan sebagai acuan membentuk manusia ke arah kebaikan.

Kajian Puspo Renan Joyo (2021) berkaitan dengan kisah kesetiaan Bhisma yang ditunjukkan dalam *Hastinapura*. Kajian ini dilakukan bagi menggali gambaran kesetiaan, latar belakang dan perubahan nilai itu apabila dikritik menggunakan mata etika. Kajian ini menggunakan kualitatif. Penelitian kepustakaan menjadi elemen penting dalam pencarian bahan. Karya sastera yang menjadi pilihan kepada ini adalah kisah *Mahabharata* yang dipegang oleh masyarakat Tamil. Hasilnya, nilai kebenaran menjadi elemen penting yang menekankan kesetiaan Bhisma ini. Pergeseran antara teori deontologi dan teleologi berlaku dalam kisah ini. Hal ini kerana hanya sedikit perubahan dengan kedua-dua teori ini. Teori teleologi ini mementingkan akibat. Sepertimana sudah diketahui, teori deontologi tidak sesekali melihat kepada keadaan itu hanya tumpuan kepada niat. Jelasnya, perbezaan antara teori teleologi dan deontologi ini mendalamkan lagi pemahaman pembaca mengenai teori etika moden ini.

Pengajian mengenai teori deontologi ini turut dilakukan oleh Yoga Ardli Ardetya (2021). Kajiannya berfokuskan kepada dilema moral kasus *Whistleblowing*. Ini telah dilakukan oleh Mordechai Vanunu. Ini diambil sebagai satu kajian bagi menggali dilema moral yang dirasai oleh Mordechai Vanunu disamping diteliti menggunakan teori deontologi ini. Pendekatan kualitatif dibantu dengan kaedah hermeneutika, induksi dan juga interpretasi. Tidak dilupakan dengan kaedah deskripsi. Hasilnya, teori deontologi yang beraspek kewajipan dikenal daripada konsep itu. Ada masanya moral itu tidak diterima dan ditolak. Ini jelas berlaku dalam kategori penerapan imperatif. Tidak hanya memegang kepada satu, malah tiga prinsip telah dikenali melalui kajian ini. Prinsip tersebut merupakan bahagian dalam kategori imperatif.

Jelasnya, kajian ini membenarkan tindakan itu secara bermoral dalam pandangan Immanuel Kant.

Teori deontologi telah diaplikasikan dalam kisah dongeng dimana kajian ini telah dilakukan oleh Mohammad Fafa Rasiawan (2021). Tajuk kisah dongeng itu adalah *Frau holle*, *Die sterntaler* dan *Hans im gluck*. Ini merupakan satu karya hasil penulisan Bruder Grimm. Melalui kisah ini, nilai moral dan kesamaan antara tiga kisah itu telah dihuraikan. Penelitian kualitatif telah digunakan. Kajian kepustakaan dilakukan bagi mencari data yang secukupnya. Yang penting, teori deontologi diaplikasikan dalam kajian ini. Hasilnya, ketiga-tiga kisah dongeng itu mempunyai nilai moral dengan bilangan yang tersendiri. Kesemua data yang dihuraikan datang dengan mempunyai ayat-ayat yang mengukuhkan penyataan itu. Dimasukkan juga dengan bilangan halaman bagi memudahkan pencarian. Dari sudut persamaan, amalan menolong dikatakan lahir daripada kesedaran manusia terhadap prinsip kewajipan. Jelasnya, kedatangan teori moral deontologi yang turut dilihat kepada aspek otonomi dan objek material dikukuhkan lagi melalui kajian ini.

Kajian diteruskan lagi pada tahun 2022 hasil kajian milik Sindi Dwi Rahayu dan Rahmat Kartolo. Karya sastera yang dipilih dalam kajian ini adalah sebuah novel bertajuk *3600 detik*. Karya ini merupakan hasil tangan Charon. Tujuan utama terjadinya kajian ini adalah demi menggali nilai etika, moral dan melihat kedalaman moral ini dalam kehidupan watak utama. Dengan memilih deskriptif kualitatif, data diperoleh melalui pembacaan teks yang menggunakan teknik pembacaan simak dan memindai. Hasilnya, etika normatif, teleologi dan deontologi dijumpai dalam novel ini. Tolong menolong, kepedulian serta memotivasi merupakan antara dalam etika deontologi. Nilai yang dijumpai dalam hubungan manusia adalah teguh dengan pendirian sendiri, jujur dan bersyukur. Jelasnya, kajian ini menekankan lagi kenyataan dimana hubungan manusia bukan hanya dengan diri sendiri sahaja, malah turut kepada manusia lain yang saling memenuhi.

Gabungan dua pengkaji iaitu Teguh Tri Fauzi dan Zaky Mubarok (2022) membawa satu lagi kajian mengenai teori deontologi ini. Kajian ini melihat kepada novel yang berjudul *Para penjahat dan kesunyiannya masing-masing*. Ini telah ditulis oleh Eko Triono. Kepelbagaian fenomenalisme moral menjadi konsep penting kajian ini. Ini turut dikaji menggunakan dua perspektif iaitu akal budi praktis (2005) disertakan dengan dasar-dasar filsafat moral (2003). Ini menggunakan kualitatif deskriptif yang dibantu dengan kehadiran rujukan teks. Teori sosiologi menjadi tonggak penting. Hasilnya, sebanyak enam dituntut sebagai bentuk dalam fenomenalisme moral. Inilah akan menjadi karya itu bermutu tinggi. Ditekankan lagi dengan kenyataan ianya saling berkaitan dengan dunia nyata di luar cerita. Jelasnya, pengaplikasian teori deontologi dalam pada ini membantu mengupas bentuk fenomenalisme yang menyelidiki mengenai manusia.

Pengkaji Jepi Melandari (2022) telah memberikan sumbangan dengan menyelidiki satu kajian yang terarah kepada etika *nikomachea*. Etika ini merupakan satu pandangan yang keluar dari minda Aristotle. Kajian ini penting kerana mendalami tahap etika manusia dalam kedalaman kebahagiaan manusia. Ini menggunakan deskriptif kualitatif dan kajian kepustakaan. Bukan secara langsung, teori etika moden ini dibawa kepada pembacaan masyarakat. Hasilnya, perolehan sesuatu perkara yang dikehendaki oleh individu dijadikan sebagai elemen kebahagiaan. Hal ini kerana sebaik sahaja dia menerimanya, akan berasa gembira. Ini ditambahkan lagi dengan unsur batin dan zahir. Dalam konsep ini, manusia belum mencapai tahap kebahagian kerana ada lagi yang belum dicapai. Aspek yang seringkali dilihat adalah persahabatan dan hidup kekeluargaan. Jelasnya, kajian ini menekankan tentang etika nikomachea yang turut menjadikan teori deontologi ini meluas.

Pengkaji Nurul Hidayatuloh (2022) turut melakukan kajian mengenai teori ini dengan memilih satu kitab bernama *Ta'limul Muta'alim*. Kitab ini merupakan hasil pemikiran Syaikh Az Zarnuji. Objektif kepada terjadinya kajian ini adalah demi menggali kaedah

etika belajar dalam kitab ini. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian kepustakaan turut dijadikan sebagai kaedah penting. Ini lebih kepada etika yang bermakna moral. Hasilnya, kaedah yang didapati adalah niat di waktu belajar. Ini jelas dengan konsep teori deontologi. Hal ini kerana ia lebih merujuk kepada niat dan bukannya kesan. Ditambahkan lagi dengan tawakal, kasih sayang, sedia menerima nasihat dan penyebab lupa. Kajian ini memberikan sumbangan ke arah mengupas etika yang ada disebalik kitab yang menjadi pegangan masyarakat dari masa dulu lagi.

Pengkaji Ahmad Ali Affifudin (2022) menjalankan satu lagi kajian kajian mengenai isu ini. Ianya lebih kepada pandangan Hamka mengenai konsep etika dan kebahagiaan. Kedua-dua menjadi elemen penting dalam kehidupan manusia. Kajian ini penting kerana mendalami cara penyusunan etika ini. Ini menggunakan deskriptif analisis. Bahan yang diperlukan dalam kajian ini diperoleh melalui kajian kepustakaan. Hasilnya, rintangan yang terjadi kepada isu kebahagian ini telah dipaparkan. Ini kerana individu tidak berupaya mengubah tingkah laku dan hanya menginginkan kebahagian tanpa usaha. Kebahagian tidak akan datang dengan mudah. Orang yang mendapat kebahagian ini lebih kepada individu yang taat kepada Tuhan tanpa meninggalkan ibadah dan tidak mempedulikan perkara yang tidak membawa kebaikan. Jelasnya, kajian ini telah memetik pandangan Hamka yang secara tidak langsungnya memerihalkan mengenai teori ini.

Sekumpulan pengkaji yang terdiri daripada Fakhri Putra Tanoto, Nurul Hidayatun Nisa dan Laili Attiyatul Faiziyyah (2022) melakukan kajian dengan melihat kepada dua orang tokoh. Ini dipetik dan dirujuk kepada *Surah Al-kahfi* yang tumpuannya kepada Nabi Musa dan Nabi Khidir. Kajian ini dilakukan bagi menggali nilai moral yang ada dalam surah mengenai kisahnya. Ini menggunakan metode tafsir maudhui. Kajian ini dilakukan dengan melihat kepada metode kualitatif dengan merujuk kepada kajian kepustakaan. Hasilnya, intipati yang sesuai dengan nilai moral dan

ditambahkan dalam kajian ini. Ini termasuk tulisan yang ada dalam surah itu. Dapat diketahui ia merupakan satu penceritaan mengenai pengembaraan ke arah kematangan. Ini lebih kepada bidang keilmuan. Kepuasaan dalam tempoh pendek, taat, tawakal, kesungguhan dan tekun beribadah. Inilah antara nilai yang dapat diperoleh melalui kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir. Jelasnya, teori deontologi dalam kajian ini sesuai kerana ia tidak menceritakan akibat tetapi lebih kepada niat.

Pengkaji bernama Syamsul Maarip (2022) telah menjalankan satu kajian. Ini lebih kepada konsep etika daripada pemikiran Murthadha Muthahhari. Disini berlaku kritikan antara teori deontologi dan teleologi. Penulisan ini bagi memahami penegangan pemikiran mengenai Murtadha Muthahhari, memetik cabang rasional mengikut teori deontologi dan teleologi beserta mendalamkan lagi kritikan mengenainya menggunakan dua teori ini. Kajian ini menggunakan kualitatif deskriptif. Tambahan lagi dengan penggunaan kajian kepustakaan. Hasilnya, tindakan yang harus dilakukan dengan mengendalikan istilah ego telah diberikan. Hal ini kerana kedua-dua teori deontologi dan teleologi menggambarkan perkara yang berbeza dalam skop yang sama iaitu moral. Jelanya, kajian yang mengkritik kedua-dua teori ini membuka jalan ke arah kajian yang mendalaminya lagi.

Pengkaji Rasyid Runo (2022) telah melakukan satu lagi kajian mengenai teori deontologi ini dengan memilih satu novel. Novel ini berjudul *Semusim dan semusim lagi* yang telah dikaryakan oleh Andina Dwifatma. Tujuan kepada penyelidikan ini adalah untuk memetik aspek keperibadian yang mempengaruhi watak dalam novel ini. Deskriptif kualitatif digunakan dengan kaedah kepustakaan. Hasilnya menunjukkan sepuluh data ketidaksedaran peribadi, lima data kesedaran dan dua puluh data mengenai ketidaksedaran kolektif. Ditambahkan lagi, watak utama yang ada dalam novel ini mempunyai empat bahagian arketaip yang dipanggil sebagai bayangan, persona, animi dan diri. Seorang gadis sederhana yang menghidap

penyakit kejiwaan dengan nama *skizofrenia*. Jelasnya, kajian ini diharapkan supaya membawa kearah lebih tinggi dalam proses mencapai keunggulan.

Pengkaji Rilliandi Arindra Putawa (2022) telah menjalankan kajian dengan melihat kepada ajaran kebaikan yang dikisahkan dalam Islam. Ini bagi menggali kritik yang ada antara kuantiti nilai kebaikan. Kajian ini menggunakan penelitian historis faktual. Ini menjadi gabungan reka bentuk iaitu kedua-dua kualitatif dan kuantitatif digunakan. Kajian kepustakaan dilakukan. Hasilnya, nilai kebaikan terhadap etika telah diberikan. Beberapa ayat surah telah dikeluarkan bagi mendalamkan lagi kajian ini. Namun kajian ini melihat melihat kepada kuantiti angka yang wujud dasar kualiti nilai, bukan semuanya dapat dilihat dengan mata kasar. Dapat melihat contoh kepada nilai keikhlasan. Tidak dapat menjangka angka kerana ia bersifat maya ataupun tidak kelihatan yang muncul daripada kedalaman niat. Jelasnya, kajian ini membantu untuk merujuk nilai yang ada dalam lingkungan angka.

Pada tahun seterusnya (2023), Muhamad Fiqhan Salim menjalankan kajian mengenai hukum adat. Ini bagi menyelidiki filsafat hukum melalui pandangan hukum adat. Adat menjadi elemen penting dalam kehidupan manusia. Ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan bantuan kajian kepustakaan. Dalam pada ini, maklumat mengenai hukum adat dibawa kepada pembacaan masyarakat. Hukum adat tidak bermaksud hukuman penjara dan seksaan. Tetapi apa yang dimaksudkan dengan hukum adat adalah aturan dan norma dalam sesebuah masyarakat yang harus diikuti. Rantaian sosial dan keharmonian antara manusia menjadi elemen yang amat penting dalam sistem hukum adat. Dasarnya lebih kepada konseptual yang melihat lebih kepada tingkah laku. Ini selari dengan teori deontologi yang melihat kepada konsep peraturan yang wajib diikuti oleh setiap masyarakat. Jelasnya, kajian ini membantu dalam mengupas akta adat yang bertepatan dengan isu penyelidikan ini yang turut selari dengan teori deontologi kewajipan.

Kumpulan pengkaji yang terdiri daripada lima orang iaitu Hendy Juni Ar Rasyid, Hariman Juni Ar Rahman, Ahmad Fatihul Azzam, Bantar Febrian Sabila dan Denny Oktavina Radianto (2023). Kajian ini lebih kepada unsur etika. Penelitian kualitatif digunakan dalam kajian ini dan ditambahkan lagi dengan rujukan teks. Hasilnya, prinsip yang ada dalam lingkungan kehidupan kontemporer telah dikenal melalui kajian ini. Deontologi merupakan salah satu cabang yang ada di dalamnya. Tidak dapat dinafikan, kehidupan manusia tidak boleh berlari daripada konflik yang wujud di sekolah, kerja dan lain-lain lagi. Keadaan yang berbeza menimbulkan konflik yang berbeza. Hal ini berpunca daripada persekitaran kehidupan yang dijalankan oleh seseorang individu itu. Pemahaman mendalam mengenai perkara ini dapat membentuk manusia yang peka dengan keadaan. Jelasnya, kajian ini mengupas mengenai persekitaran yang mampu mengubah konflik kehidupan yang menekankan peristiwa yang sifatnya berubah seperti teori deontologi tindakan.

Ade Nia Regita Cahyani (2023) menjalankan kajian dengan melihat kepada karya sastera bersifat verbal. Kajian ini dilakukan bagi menggali kod etika di radio Rajamuni Fm yang dipasangkan seluruh Surabaya. Ini menggunakan penelitian deskriptif kualitatif dibantu dengan dua teori. Teori deontologi Immanuel Kant dan teori tindakan komunikatif Habermas. Ditambahkan lagi dengan lapangan kajian dimana pengkaji ini pergi dan merasai situasi itu. Hasilnya, ada banyak etika yang digunakan dalam skop ini. Etika berbicara, berbahasa, membaca maklumat dan komunikasi antara pendengar dengan penyiar. Kesemua ini dijaga rapi bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Semua ahli yang ada dalam bidang ini diwajibkan mengikuti ketetapan yang telah pun diperuntukkan. Keadaan ini dikukuhkan dengan teori deontologi peraturan. Ini kerana ia bersifat wajib dan tiada perundingan dan hak untuk mengubahnya. Jelasnya, siaran FM bersifat etika sesuai dengan masyarakat bagi meningkatkan sifat moral mereka.

Dua pengkaji Ninda Damayanti dan Sutayno (2023) telah menjalankan kajian dengan memilih satu novel. Novel *My sweet dream* dan *menari di pelangi* yang merupakan karya Yunda. Tujuannya untuk menggali nilai kejujuran kepada Tuhan, diri sendiri serta kepada orang lain. Kajian ini menggunakan penelitian kualitatif deskriptif. Ini turut menggunakan kajian kepustakaan. Pengaplikasian teori deontologi Immanuel kant turut telah dikesan. Hasilnya, sebanyak nilai kejujuran dilihat dalam novel pilihan iaitu terhadap Tuhan, diri sendiri, orang lain dan tidak terlupa kepada alam. Sifat keempat-empat nilai ini dikatakan tampak. Ini kerana dapat dilihat melalui tindakan. Patuh kepada orang tua, jujur dan pantang menyerah merupakan senarainya. Kajian ini dikatakan penting kerana ia merangkumi acuan yang membentuk manusia ke tahap yang tinggi pemikirannya. Jelasnya, kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan oleh ibubapa dalam proses pembentukan anaknya ke arah memiliki lebih kualiti bermoral.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.4 Penutup

Kajian-kajian lepas yang bermula dari tahun 2009 membantu dalam mengenali intipati yang ada dalam puisi Tamil dan teori deontologi dengan jelas. Hal ini kerana bukan satu aspek sahaja yang dikaji, tetapi kebanyakan meliputi segala aspek yang ada dalam satu skop. Dalam pengajian lepas mengenai puisi Tamil, pelbagai karya dipilih, dihuraikan dan membawa pelbagai aspek kepada pembaca termasuk aspek kehidupan dan kerohanian. Ada juga yang berbentuk perbandingan. Begitu juga dengan teori deontologi ini yang diasaskan oleh Immanuel kant (1724-1804). Penekanan mengenai dua aspek (kewajipan dan tindakan) ini membawa pemahaman yang amat mendalam. Ringkasnya, bahagian ini telah menunjukkan tahap penguasaan kedua-dua istilah puisi dan teori deontologi ini dalam kalangan pengkaji. Kenyataan ini bertepatan dengan bilangan kajian lepas yang berjaya dikumpul.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Pengenalan

Bab metodologi kajian ini menghuraikan elemen penting yang dapat menerangkan tentang tindakan yang dibuat dalam proses penyelidikan ini. Kaedah kajian yang dipilih bagi mendalami proses penyelidikan yang tertumpu kepada subjek kajian khusus dipanggil sebagai metodologi kajian ini. Pernyataan ini turut disetujui oleh Hornby (1985). Kehilangan bahagian ini dalam suatu kajian akan mengelirukan pembaca mengenai kaedah yang diaplikasikan didalamnya. Dalam bab metodologi kajian ini, beberapa perkara akan dijelaskan seperti rekabentuk kajian, kaedah kajian, teori deontologi serta kerangka konseptual.

## 3.2 Rekabentuk Kajian

Bahagian rekabentuk kajian membantu dalam proses pemilihan sumber serta jenis maklumat yang ingin digunakan sepanjang kajian ini. Rekabentuk kajian dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu kuantitatif, kualitatif serta gabungan. Penelitian kualitatif lebih menekankan kepada kedalaman pemahaman manakala kuantitatif lebih kepada keluasan cakupan. Dalam usaha mencari jalan penyelesaian kepada objektif kajian ini, pengkaji telah memilih kualitatif sebagai rekabentuk kajian ini. Dalam penelitian kualitatif ini, pengkaji akan berusaha mencari jawapan kepada persoalan yang dibangunkan dalam kajian ini iaitu bagaimana dan juga kenapa.

## 3.3 Kaedah Kajian

Dengan menepati rekabentuk kajian kualitatif, pengkaji menggunakan penelitian naratif. Penelitian naratif ini memiliki beberapa sifat tersendiri iaitu pengalaman individu, kronologi pengalaman, pengumpulan cerita serta pemulihan semula. Pendapat Ahmad Mazhab Ayob (penulis) terhadap istilah kaedah kajian telah ditemui dalam artikel yang disediakan oleh kumpulan pengkaji dibawah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Menurut beliau, kaedah kajian merupakan jawapan kepada soalan yang dinyatakan dalam persoalan kajian serta cara menyelesaikan persoalannya dalam kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih dua kaedah yang akan digunakan dalam usaha mencari penyelesaian. Kaedah-kaedah yang dimaksudkan tersebut adalah kajian kepustakaan dan teks.

### 3.3.1 Kajian Kepustakaan

Data-data yang ditemui melalui kajian kepustakaan ini dikenali sebagai sumber sekunder ataupun kedua. Artikel, jurnal, keratan akhbar, buku, bahan ilmiah dan juga majalah merupakan antara sumber pada kajian ini. Perpustakaan yang menjadi pilihan pengkaji ini adalah perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai

tempat untuk mencari bahan berkaitannya. Hal ini kerana perpustakaan ini merupakan salah satu perpustakaan yang berdekatan dengan pengkaji. Tambahan pula perkhidmatan perpustakaan dalam talian turut digunakan dalam kajian ini. Pengkaji mencari bahan-bahan ilmiah yang dapat membantu dalam proses meneliti puisi pendek yang telah dihuraikan dalam bab analisis kajian iaitu bab empat.

3.3.2 Teks

Pada masa yang sama, pengkaji turut menggunakan kaedah teks. Kaedah teks penting dalam kajian Nilai moral dalam puisi Tamil: kajian terhadap teks *Thirukkural* ini yang menggunakan teori deontologi. Teks utama yang dijadikan sebagai rujukan adalah karya etika Tamil iaitu *Thirukkural* oleh Dr Singaravelu Sachithanantham. Kaedah rujukan teks ini dimulakan dengan pembacaan teks *Thirukkural* dan menganalisis puisi-puisi pendek yang terkandung dalam tajuk bab terpilih yang mengandungi nilai moral. Seterusnya, pengkaji menerokai puisi pendek pilihan bersesuaian dengan skop kajian yang dianalisis menggunakan teori deontologi.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 3.4 Teori Deontologi

Etika merupakan satu istilah yang menggambarkan suatu falsafah yang merangkumi perbuatan manusia sama ada baik mahupun buruk. Dalam cabang falsafah etika ini, ia mempunyai dua teori yang dinamakan sebagai teori teleologi dan deontologi. Namun kedua-dua teori ini mengenai teori etika, tetapi adanya perbezaan yang amat ketara. Hal ini dikatakan kerana teori teleologi memberikan perhatian kepada kesan ataupun nilai sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu mahupun masyarakat. Ini bertentangan dengan teori deontologi yang mementingkan perbuatan, bukannya berfokus kepada akibat dan kesan.

Teori deontologi ini dipercayai digagaskan oleh Immanuel Kant yang dikenali sebagai ahli falsafah Jerman. Beliau dilahirkan pada tahun 22 April 1724 bertempat di Prusia Timur yang terletak di Rusia. Kedua-dua ibu bapa Kant merupakan pasangan yang amat taat kepada agama dengan mengikuti aliran *The Pietist*. Ini telah memberikan kesan yang mendalam dalam diri beliau. Namun begitu, pekerjaan pertama yang dikendalikan oleh beliau adalah sebagai seorang guru swasta. Beliau menggunakan pengetahuannya dengan menghasilkan beberapa karya yang penting bermula tahun 1755 dan berterusan hinggalah 1798. Apabila melihat kepada tahun-tahun ini, jelas dapat mengatakan bahawa Kant merupakan seorang individu yang hidup pada era zaman pencerahan.



Gambar Rajah 3.4: Immanuel Kant

Menurut Immanuel Kant, apa yang memberi nilai moral kepada suatu tindakan bukan akibatnya kerana akibat-akibat tindakan tidak sepenuhnya berada di bawah kawalan manusia. Akan tetapi, niat yang mendorong kepada tindakan adalah di bawah kawalan dan individu tersebut dikatakan mempunyai tanggungjawab secara moral dalam membuat keputusan sama ada mendorong kepada kebaikan ataupun sebaliknya. Nama deontologi merupakan kata yang berasal dari Yunani iaitu *'deon'* yang membawa erti sesuatu yang diharuskan ataupun diwajibkan. Bertepatan dengan huraian yang diberikan oleh Kant, teori deontologi ini memberikan kepentingan dari sudut perbuatan dan kelakuan. Jelas menunjukkan bahawa teori ini tidak memberikan perhatian kepada akibat dan kesan.




Carta 3.4: Teori Deontologi

### 3.4.1 Jenis-jenis Teori Deontologi

Adanya dua jenis teori deontologi iaitu teori deontologi peraturan dan teori deontologi tindakan. Teori deontologi peraturan mementingkan sekatan undang-undang. Ini dikatakan demikian kerana peraturan merupakan suatu perkara yang asas. Jenis peraturan ini tidak mengalami perbezaan kerana ia bersifat mutlak yang harus diikuti dan dipatuhi oleh manusia. Teori kedua adalah teori deontologi tindakan. Bertepatan dengan gelaran teori deontologi tindakan, ia lebih memberikan perhatian dari sudut kelakuan dan ianya mengikut situasi. Hal ini kerana jenis ini menitikberatkan nilai moral yang terbuka dan mengalami perubahan mengikut masa.

### 3.4.2 Prinsip-prinsip Teori Deontologi

Teori deontologi mempunyai prinsip yang dikatakan penting bagi menilai perbuatan dan kelakuan manusia. Prinsip-prinsip ini mempunyai persamaan dengan jenis teori deontologi yang telah dikemukakan di atas ini. Prinsip eksistensialisme dan prinsip kewajipan adalah prinsip yang lahir dalam teori deontologi yang menjadi fokus kepada kajian ini.

#### 3.4.2.1 Prinsip Eksistensialisme

Prinsip eksistensialisme ini dibawah teori deontologi tindakan. Suatu tindakan manusia yang mengikut situasi dan masa yang tertentu dapat dijelaskan dibawah prinsip ini. Nilai moral yang tersembunyi sebalik tindakan individu terbuka kepada perubahan. Hal ini kerana ini tidak mempunyai sifat mutlak seperti prinsip kewajipan. Apabila seorang individu harus bertindak jahat demi menyelamatkan diri dari masalah dapat diambil sebagai contoh kepada prinsip ini. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun perbuatan individu itu bersifat jahat, namun ia hanyalah bertujuan baik dan bukan lagi dikategorikan jahat.

#### 3.4.2.2 Prinsip Kewajipan

Dibawah teori deontologi peraturan, lahirlah prinsip kedua iaitu prinsip kewajipan. Apabila mendengar istilah kewajipan, sudah tentu kita mengetahui bahawa ini adalah suatu yang harus diikuti oleh manusia. Kalau tidak mengikutinya, akan dianggap sebagai penderhaka dan sebagainya. Dalam pada ini, undang-undang yang telah diaturkan harus diikuti oleh masyarakat sejagat. Hal ini dikatakan demikian kerana ia bersifat mutlak. Menurut Sir William David Ross (1877-1940), kewajipan prime facie yang ditemukan olehnya dipisahkan kepada tujuh kewajipan. Kewajipan yang ditegaskan oleh Ross adalah seperti kewajipan kesetiaan, ganti rugi, keadilan,

berbuat baik, terima kasih, mengembangkan dirinya serta kewajipan untuk tidak merugikan orang lain.

Dapat diringkaskan, dua jenis teori deontologi diikuti dengan dua prinsip utama dalam teori ini (prinsip eksistensialisme dan prinsip kewajipan). Dalam kajian ini, pengkaji memberikan perhatian kepada kedua-dua prinsip yang lahir dalam teori ini. Hal ini kerana walaupun nilai moral berbentuk baik dan buruk, ia dapat dipisahkan kepada kewajipan dan bebas. Pembacaan puisi pendek yang ada dalam teks *Thirukkural* terutamanya bab yang menjadi pilihan iaitu dua puluh satu tajuk akan diikuti dengan teori deontologi ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 3.5 Kerangka Konseptual




Carta 3.5: Kerangka Konseptual

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 3.6 Penutup

Dalam bahagian ini, kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian telah dihuraikan oleh pengkaji. Kajian ini berpegang kepada penelitian kualitatif sebagai rekabentuk kajian. Ini kerana kajian sepenuhnya meneliti bahan-bahan ilmiah yang dikatakan sebagai sumber sekunder. Dengan menepati penyataan ini, pengkaji telah menggunakan dua kaedah dalam proses mencari bahan yang berkenaan dengan *Nilai moral dalam puisi Tamil: kajian terhadap teks Thirukkural*. Kaedah kajian yang dimaksudkan tersebut adalah kepustakaan serta teks. Maklumat mengenai teori deontologi turut diberikan dalam bahagian ini secara terperinci. Selain itu, kerangka konseptual telah disertakan. Kegunaan carta kerangka konseptual ini membantu memberikan gambaran yang jelas mengenai kajian ini tanpa membangunkan rasa kekeliruan. Secara ringkasnya, pengkaji telah meneliti bahagian ini dengan menjelaskan kaedah yang digunakan dalam sepanjang kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 4

# ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

## 4.1 Pengenalan

Hasil daripada penelitian yang berpegang kepada kualitatif dan dua aplikasi kaedah. Kajian kepustakaan dan teks. Sebanyak dua puluh satu kuplet telah dipetik daripada teks *Thirukkural* iaitu naskhah terjemahan oleh Dr Singaravelu Sachithanantham. Data-data yang diperoleh melalui penelitian nilai moral dan teori deontologi telah dihuraikan beserta dengan baris puisi yang menekankannya. Sejumlah sebelas nilai moral menjadi tarikan perbincangan sepertimana dikatakan dalam batasan kajian (bab pertama). Segala nilai yang dikisarkan daripada baris puisi terpilih kemudiannya diletakkan dalam lingkungan teori deontologi yang dipelopori oleh Immanuel Kant. Teori deontologi tindakan dan ditambahkan dengan teori deontologi peraturan telah dikenalpasti dalam baris puisi bersesuaian. Segala maklumat yang telah diperoleh dan hasilnya dituangkan dalam bahagian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 4.2 Nilai Hemah Tinggi

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menekankan makna yang dibawa istilah 'hemah' iaitu budi pekerti yang mulia. Nilai ini sama makna dengan budi pekerti, kesopanan serta adab. Dalam percakapan nilai, hemah tinggi sering mendapat tempat istimewa kerana unsur keutamaan terhadapnya. Pernyataan ini dikukuhkan dengan pendapat Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang mengatakan sikap berbudi pekerti, lemah lembut serta tingkah laku mulia menonjolkan individu yang berpegang kepada nilai ini. Ini diambil sebagai sorotan daripada tinjauan yang dihasilkan oleh Tajul Ariffin Nordin dan Nor'aini Dan (1992). Dalam pada ini, lahir satu kajian yang meneliti kedalaman penghayatan norma ini dalam kalangan pelajar. Tahap penghayatan terhadap nilai murni dalam lingkungan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang menghitungkan norma ini mendapat tahu ia berada di bawah tingkat interpretasi sederhana tinggi (Asmawati Suhid & Samsilah Roslan, 2015).

Nilai ini penting dipupuk dalam diri individu kerana tanpanya individu tersebut akan dipandang remeh oleh orang lain. Dalam erti kata lain, individu yang bergaul mesra dengan orang lain walaupun tidak pernah ditemui olehnya dijadikan cerminan kepada nilai ini. Hal ini bukan semuanya kita mengenali tetapi dapat dikenali melalui pertemuan pertama. Begitu juga dengan tokoh dan pemimpin yang menjadi pedomen kehidupan. Mereka dikumpulkan di bawah kategori individu berhemah tinggi. Tidak dapat dinafikan, berjiwa rakyat melahirkan individu bersifat hemah tinggi. Pernyataan ini sesuai dengan negara Malaysia yang diduduki berbilang bangsa. Tanpa adanya nilai ini dalam jiwa maka wujudlah perbalahan. Demi menjaga keamanan, lahir tulisan yang mengarahkan mementingkan nilai hemah tinggi. Begitu juga dengan teks *Thirukkural*. Penghormatan terhadap tetamu, jalan di atas landasan kebaikan serta menjauhi diri dari hal-hal tidak baik seperti kecurian dan kemarahan telah menjadi intipati dalam teks etika *Thirukkural* bertepatan dengan norma ini.

Nilai hemah tinggi diterapkan dalam tajuk *‘virunthombal’* iaitu sanjungan tetamu. Di bawah berikut adalah puisi 1 yang memperlihatkan nilai tersebut.

Puisi 1
*பரிந்துஓம்பிப் பற்றற்றேம் என்பர் விருந்தோம்பி*
*Parinthuompip Pararrem Enpar Virunthompi*
*வேள்வித் தலைப்படா தார்.*
*Velivith thalaipata thar.*

*(Orang yang tidak menjaga tetamu dengan menyediakan hidangan akan merasa sedih dan tiada apa-apa sandaran untuknya pada masa kini.)*

*(Virunthombal,88)*

*Virunthombal* merupakan kata yang membawa erti sanjungan terhadap tetamu. Makna yang dikatakan melalui baris ini adalah mengenai nasib melayan tetamu. Individu yang tidak melayan tetamu yang datang ke kediamannya dengan baik dipercayai akan ditimpa nasib malang. Orang itu akan derita pada masa hadapan kerana tidak melayan tetamu dengan penuh kasih sayang. Perasaan derita yang ditekankan disini bukannya daripada kehilangan harta benda seperti kewangan tetapi ketenangan jiwa serta pahala yang dibawa oleh tetamu itu. Jangan sesekali suka menonjolkan harta hak miliknya kepada tetamu malah berikan mereka senyuman yang manis dan memenuhi keperluannya semasa berada di kediaman.

Dari perspektif teori, prinsip eksistensialisme dibawah teori deontologi tindakan sesuai dengan baris puisi yang mengisahkan tentang layanan tetamu ini. Ia sentiasa tertakluk kepada situasi yang dihadapi oleh individu yang hidup dalam kediaman tersebut. Dalam tradisi Tamil, tetamu yang meletak tapak kaki di rumah dianggap sebagai dewi Letchumi yang membawa pahala dan keuntungan dalam kehidupan. Walaupun tiada makanan di rumah, mereka sekurang-kurangnya akan memberikan segelas air kepada tetamu. Ini masih berdiri sebagai gagasan dalam lingkungan masyarakat Tamil dari zaman purba lagi.

Walau bagaimanapun, masalah pecah rumah melahirkan rasa ketakutan dalam diri masyarakat. Pada 2 Jun 2023, Berita Harian (dalam talian) telah menyiarkan berita dengan judulnya Pecah rumah, samun warga emas di Bercham, tiga tahan. Ini telah ditulis oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri. Berita sebegini melahirkan ketakutan yang amat mendalam untuk melayan individu yang tidak dikenali serta mula bertanggapan bahawa sikap berpeka dengan keadaan dapat menyelamatkan diri daripada situasi sebegini. Ini telah mengubah pandangan masyarakat dengan hanya melayan tetamu yang dikenali sahaja dan bukan lagi sama dengan konsep yang dipegang oleh masyarakat dahulu.

Selain itu, nilai hemah tinggi diterapkan dalam tajuk '*ozhukkam udaimai*' iaitu kepunyaan kelakuan baik. Di bawah berikut adalah puisi 2 yang menerapkan nilai tersebut.

Puisi 2

*உலகத்தோடு ஒட்ட ஒழுகல் பலகற்றும்*
*Ulakaththotu otta ozhukal palakkarum*
*கல்லார் அறிவிலா தார்.*
*Kallar arivila thar.*

*(Orang yang belum belajar tentang hidup harmoni bersama para penghuni akan digelar bodoh biarpun mempelajari banyak karya.)*

*(Ozhukkam Udaimai,140)*

Keterangan yang dibawa oleh baris kuplet ini adalah mengenai sifat berkelakuan baik seseorang individu. Apabila membincangkan isu kelakuan, ia berpunca daripada pelbagai sumber. Sumber utama yang menjadi percakapan dalam puisi ini adalah mengenai pergaulan masyarakat yang dibandingkan dengan karya. Pembacaan ribuan karya tidak akan menjadikan seorang insan itu pintar sepenuhnya. Namun dikatakan karya itu berunsur etika mengenai cara percakapan, pergaulan dan aspek lain-lain. Ilmu yang diperolehi daripada karya tersebut tidak semua orang mengaplikasikan dalam kehidupan. Oleh itu, orang yang tidak belajar hidup harmoni bersama masyarakat dianggap sama dengan istilah bodoh. Persoalan yang lahir di

sini adalah apakah kegunaan belajar beribu-ribu karya jika tidak pandai menyesuaikan diri dengan masyarakat.

Pengamatan teori deontologi peraturan jelas dilihat melalui baris puisi ini yang menyatakan kepentingan hidup kemasyarakatan. Apabila ia berada dibawah prinsip kewajipan, tentu akan mempunyai akta yang menyokongnya. Ada tiga akta yang dapat diambil sebagai rujukan iaitu Akta ketua pengarah kebajikan masyarakat 1948, Akta keganasan rumah tangga 2017 dan Akta kanak-kanak 2016. Pada masa yang sama, kita tidak dapat menafikan hidup kemasyarakatan ini satu elemen yang menjadi sumber pertolongan apabila dilanda kesusahan.

Fenomena Covid19 dapat diambil sebagai contoh kepada isu hidup kemasyarakatan ini. Adanya satu agensi yang bernama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Bagi mengurangkan beban kehidupan semasa dikenakan perintah pengawasan kontak rapat penyakit ini, kerajaan telah menyumbangkan RM100 sehari dengan syarat tertentu terutamanya bagi individu yang bekerja. Ini telah dibentangkan oleh Badra (2022) dalam laman sesawang khasnya. Bukan itu sahaja, beribu-ribu bantuan telah disalurkan kepada individu yang ada dalam kesusahan bagi mengurangkan bebanan mereka. Jelasnya, individu tidak boleh lari daripada konsep hidup kemasyarakatan kerana saling bergantung kepada satu sama lain dalam sifat ingin hidup gembira dan aman.

Daripada perspektif yang berbeza, kelakuan hemah tinggi diterapkan dalam tajuk *‘kallamai’* iaitu menjauhi diri dari kecurian. Di bawah berikut adalah puisi 3 yang mengisahkan nilai ini.

Puisi 3

*களவினால் ஆகிய ஆக்கம் அளவுஇறந்து*
*Kalavinal akiya akkam alavuiranthu*
*ஆவது போலக் கெடும்.*
*Avathu polak ketum.*

*(Kekayaan yang diperoleh daripada kecurian akan kelihatan seolah-olah bertambah, tetapi ia berkurangan dari jumlah asal dan akan musnah.)*

*(Kallamai,283)*

Namun baris ini bertentangan dengan norma baik, adalah penting untuk mengetahui makna dalam usaha menjauhinya. Ini memerihalkan tentang pencuri yang tidak kasih kepada manusia lain. Kekayaan milik orang lain akan dirasakan seolah-olah menambah dari masa ke semasa dalam pencurian. Sebenarnya, ia makin berkurang berbanding dengan jumlah harta yang dipegang oleh si pencuri itu. Pada akhirnya, segala harta yang dikumpul secara halal mahupun haram akan ditimpa kemusnahan. Maksudnya sama dengan kisah pencuri yang ditangkap oleh pihak berkuasa sepeti polis. Pihak polis jarang mempercayai si pencuri yang mengatakan sebahagian harta adalah sememangnya hak dia. Ini berpunca daripada sikap buruk pencuri selama ini.

Kecurian yang dimaksudkan disini bukan sahaja kehilangan harta benda tetapi juga dengan kecurian identiti. Pertimbangan yang dihujahkan oleh *Manitoba Justice Victim Service* telah direkodkan dalam artikel hasil Asiah Bidin, Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad dan Akmal Mohamad (2015), kelakuan mengintip melalui platform teknologi komunikasi menerima gelaran intipan siber. Akta jenayah komputer 1997, Akta komunikasi dan multimedia 1998 serta Akta tandatangan digital 1997. Inilah antara akta-akta yang digunakan dalam isu pengintipan siber. Akan tetapi, masyarakat masih tidak sedar dengan jenayah siber ini dan sering menjadi mangsa kepada penjenayah siber.

Ketidaksedaran individu menjadi topik hangat sehingga dikeluarkan sebagai satu berita oleh Astro Awani. Tajuknya Kesedaran keselamatan siber rakyat Malaysia masih rendah (2021). Keadaan ini telah dibentangkan oleh Datuk Zahidi Zainul

Abidin yang merupakan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia (KKMM). Jelasnya, dapat dilihat baris puisi ini berada dibawah tingkat teori deontologi peraturan. Ketakutan terhadap undang-undang dapat menjadi punca kekurangan jenayah ini. Manusia dinasihatkan supaya bekerja keras sekiranya ingin mendapatkan kejayaan yang diingini dan bukannya mendapatkan benda yang diidami melalui perbuatan sebegini.

Nilai hemah tinggi turut diaplikasikan dalam tajuk *‘vegulamai’* iaitu menjauhi diri dari kemarahan. Di bawah berikut adalah puisi 4 yang memperlihatkan nilai tersebut.

Puisi 4
*நகையும் உவகையும் கொல்லும் சினத்தின்*
*Nakaiyum uvakaiyum kollum cinaththin*
*பகையும் உளவோ பிற?*
*Pakaiyum ulavo pira?*

*(Adakah permusuhan lain melainkan kemarahan yang menghancur senyuman manis pada muka dan kegembiraan yang muncul dalam hati orang?)*

*(Vegulamai,304)*

Baris puisi ini mengetengahkan isu kemarahan dalam bentuk persoalan dengan membawa kepada pandangan masyarakat. Manusia sentiasa berdoa supaya kehidupan sehariannya merangkumi aspek kegembiraan dengan menonjolkan senyuman manis. Akan tetapi, kemarahan ini berkuasa untuk membunuh segala kegembiraan dalam detik sekelip mata. Disinilah timbulnya persoalan yang menanyakan adakah permusuhan lain mempunyai kuasa seperti api kemarahan ini. Persoalan ini lahir kerana kuasa yang dimiliki oleh istilah marah sangat bahaya sehingga meninggalkan luka dalam hati. Kemarahan ini tidak akan menonjolkan nilai hemah tinggi dalam dirinya. Ini kerana orang yang berada dalam tahap kemarahan tidak akan memperdulikan tentang perlakuan ataupun percakapan yang dilontarkan kepada orang lain. Mereka hanya terikat dengan perasaan itu sehingga dipadam sendiri.

Prinsip eksistensialisme yang lahir dalam teori deontologi tindakan bersesuaian dengan baris kuplet ini. Kemarahan dikatakan sikap individu yang sememangnya dimiliki dalam jiwa tiap-tiap orang. Isu mengawal emosi telahpun dibentangkan oleh Daniel Goleman (Kecerdasan emosi; 1995). Pengaruh kecerdasan emosi ini dapat dibahagikan kepada dua faktor iaitu faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman dipengaruhi oleh diri individu manakala faktor luaran lebih kepada sesuatu rangsangan dan persekitaran. Terdapat lima dasar yang membantu merangsangkan kecerdasan emosi iaitu mengenali emosi diri, mengelola emosi, memotivasi diri sendiri, mengenali emosi orang lain serta membina hubungan.

Kepandaian dalam mengawal kemarahan menjadikan seseorang itu mahir dalam mengawal emosinya. Akan tetapi, wujud juga peristiwa dimana kemarahan ini berbara tanpa sedar mengikut situasi yang dihadapi olehnya. Namun sifat ini menjadi suatu tingkah laku yang wajib dijaga, tetapi ia masih dibawah kawalan emosi seseorang individu. Individu harus belajar untuk meminta maaf sekiranya menyakiti orang lain tanpa ego. Adalah lebih baik jika manusia pandai mengawalnya dalam kehidupan yang penuh dengan norma moral.

4.3 Nilai Keadilan

Kesamarataan dalam sastera dapat dikatakan sebagai suatu sikap ataupun karakter yang membuat seseorang individu mementingkan kebahagiaan yang terhasil dalam kalangan masyarakat. Ini telah diketengahkan oleh Inge Dwisvimiar menjelang tahun 2011. Pandangan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) mengenai nilai keadilan ini yang membawa makna perlakuan, pertuturan dan keputusan bersifat saksama dan tidak berat sebelah telah diungkapkan semula dalam sebuah artikel dimiliki oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdullah (2017). Hakikatnya, keadilan dipisahkan kepada dua iaitu keadilan umum dan khusus. Keadilan umum ini suatu yang mengikut kehendak undang-undang manakala keadilan khusus ialah suatu yang

diamalkan atas dasar kesamaan. Dalam keadilan khusus, ada lagi tiga pecahan yang menjadikan skop secara dalam iaitu *distributif*, *komutatif* dan *indikatif*. Kategori-kategori ini telah dikisahkan oleh Thomas Aquinas (1225 - 1274) dan ditulis semula dalam sebuah artikel penulisan Muhammad Tahir Laming (2021).

Sebagaimana kita kenali, individu yang berkeadilan akan mengikuti gagasan yang bermoral. Individu yang mengamalkan nilai keadilan akan membuat tindakan dan mengambil keputusan yang bersifat saksama dan tidak berpegang kepada pihak kesukaannya. Sekiranya berpegang kepada mana-mana pihak, dia akan disingkirkan daripada konsep nilai ini. Hal ini kerana sikap berat sebelah tidak akan muncul dalam norma ini. Ini menjadi satu norma yang wajib ditanam dalam diri individu sejak umur kecil-kecilan. Ibubapa, kumpulan pendidik dan golongan masyarakat memainkan peranan penting dalam proses pengamatan nilai ini. Kepentingan utama diberikan kepada pihak ibubapa. Ini kerana mereka merupakan insan pertama yang diambil sebagai contoh oleh anak-anak. Situasi yang menggambarkan nilai ini adalah berkawan dengan semua orang tanpa melihat perbezaan. Mungkin ini akan dilihat sebagai perkara remeh, tetapi disinilah mulanya pegangan keadilan.

Nilai keadilan diterapkan dalam tajuk *'naduvunilaimai'* iaitu kesaksamaan. Di bawah berikut adalah puisi 5 yang memperlihatkan nilai ini.

Puisi 5
*தகுதி எனஒன்று நன்றே பகுதியால்*
*Thakuthi enaonru nanre pakuthiyal*
*பாற்பட்டு ஒழுக்கப் பெறின்.*
*Parpathu ozhukkap perin.*

*(Jika orang berkelakuan tanpa menyimpang daripada kelurusan terhadap pihak musuh, kawan dan orang asing akan disifatkan sebagai kesaksamaan.)*

*(Cengkonmai;111)*

Pengertian yang dibawa oleh baris puisi ini menjadi topik perbincangan masyarakat sehingga hari ini. Individu senang untuk mendapatkan gelaran individu kesaksamaan

hanya dengan tingkah laku yang adil. Individu harus berkelakuan adil tanpa melihat kepada musuh, kawan dan orang asing. Sikap ini akan lebih menonjolkan kepada sifat individu yang tidak menyimpang daripada kelurusan. Tanggapan buruk terhadap seseorang akan mula berkembang sekiranya orang itu tidak mengikut keadilan serta menyokong kepada pihak kesukaan tanpa menyiasat. Bak kata peribahasa Melayu, bolehkah matahari dilindungi dengan nyiru. Makna yang dibawa oleh kata mutiara ini adalah kebenaran yang tidak dapat disembunyikan walaupun diliputi tipu muslihat. Kebenaran itu akan muncul di hadapan mata pengadil tidak kira berapa lama ia disembunyikan. Apa yang ingin diketengahkan di sini adalah membuang sikap berat sebelah bagi mengelakkan kesan yang buruk pada masa hadapan. Individu yang suka berpihak akan kehilangan imej diri serta merosotkan tingkat martabat keluarga.

Individu diwajibkan berlaku adil dalam melaksanakan hak serta kewajipan dimana jua mereka berada. Prinsip kebenaran menjadi tonggak utama kepada keputusan yang diambil oleh individu sebagai pengadil. Bukan sahaja dalam aspek politik, aspek lain seperti pendidikan, sosial, ekonomi dan permainan turut mementingkan elemen keadilan ini. Hal ini kerana prinsip kebenaran inilah yang bantu menggali kesahihan disebalik suatu masalah dengan adil. Tanpa nilai keadilan ini, tidak mungkin manusia hidup dalam keadaan aman dan tenteram kerana ketiadaan nilai dalam kehidupan mampu mengubah nasib individu kearah kepedihan dan dikelilingi dengan kesedihan.

Berbalik kepada teori deontologi, baris puisi ini menggambarkan teori deontologi peraturan. Akta keadilan jenayah 2007 dan Akta perancangan bandar dan desa 1976. Kedua-dua ini merupakan akta kebenaran ataupun keadilan dalam bidang yang berbeza iaitu jenayah dan pembangunan negara. Tidak terlepas pandang, tujuh peraturan dalam tingkat kewajipan yang diasaskan oleh William David Ross. Prinsip keadilan berada dalam tingkat keempat. Dalam pada ini, William mengatakan suatu barang harus dibahagikan sama rata mengikut jumlah yang patut diterima oleh orang

lain. Secara langsung, keadaan ini mengarahkan individu berkelakuan diatas landasan keadilan tanpa menyimpang kepada mana-mana pihak.

Sementara itu, nilai keadilan turut diterapkan dalam tajuk ‘cengkonmai’ iaitu pemerintahan cokmar yang adil. Di bawah berikut adalah puisi 6 yang merakamkan nilai ini.

Puisi 6
*இயல்புளிக் கோல்ஓச்சும் மன்னவன் நாட்ட*
*Iyalpulik koloccum mannavan natta*
*பெயலும் விளையுலும் தொக்கு.*
*Peyalum vilaiyulum thokku.*

*(Sebuah negara yang diperintah raja yang adil akan mendapatkan sumber hujan tanpa gagal dan hasil tanaman padi-padian matang.)*

*(Cengkonmai;545)*

Puisi ini membawa makna musim hujan yang tidak terhenti-henti dan hasil tanaman yang bermutu serta berkualiti tinggi. Kedua-dua sumber ini akan diterima oleh negara yang diperintah oleh raja yang adil. Tidak dapat dinafikan, istilah ‘bersama’ turut digunakan bagi menggambarkan keadaan saling bekerjasama dalam hal-hal yang dilakukan tanpa menyingkirkan siapapun. Semua masyarakat diberikan peranan yang sama rata dimana perbezaan wujud dari segi kerjaya. Bagi negara yang maju dan kuat, tiga perkara menjadi asas kepadanya. Perkara asas yang dikatakan itu adalah keadilan dari sudut undang-undang, politik dan tidak terlepas pandang daripada sosial. Dalam undang-undang, penjenayah atau pesalah menerima hukuman yang setimpal dengan perbuatan. Bidang politik memberikan khidmat kepada seluruh masyarakat tanpa melihat batasan. Dalam sosial pula, masyarakat hidup dengan menghidupkan amalan kesamarataan dalam kehidupan seharian.

Kita seringkali didengari kepada realiti tersebut kerana membawa manfaat yang berpuluh-puluhan. Antaranya menjamin keamanan dan kestabilan negara. Ini kerana cokmar yang adil menjadi alat menyelesaikan rintangan dengan mengawal taraf

rakyat dan pemerintah. Dalam Islam, raja berperanan penting sebagai menjunjung hukum Allah dimana ia mengatakan nasib malang akan berlaku sekiranya perintah Allah tidak dipatuhi dan memerintah mengikut nafsu. Kenyataan ini telah dibawa kepada pandangan orang ramai oleh Mohd Annuar Zaini pada tahun 2021. Sinar Harian menjadi platform dalam mengisahkan berita ini dengan tajuk Raja pemerintah tonggak keadilan.

Apabila dilihat melalui mata teori, teori deontologi peraturan bersesuaian dengan baris puisi ini. Prinsip kewajipan ini merupakan suatu yang membawa undang-undang yang harus diikuti oleh manusia tanpa melihat had. Begitu juga dalam hal pentadbiran. Pemimpin diwajibkan memerintah negara dengan penuh kebijaksanaan dan adil. Sekatan undang-undang yang dapat dirujuk adalah Akta kesalahan pilihan raya 1954 dan Akta kerajaan tempatan 1976. Tambahan lagi, tujuh kewajipan yang dibawa oleh William menekankan tentang perkara ini iaitu keadilan. Ianya berada dalam peringkat keempat dalam tujuh peraturan berkaitan kewajipan manusia. Sekali lagi ini menjadikan baris puisi tersebut kukuh dengan teori deontologi peraturan.

4.4 Nilai Rasional

Pengertian nilai rasional telah diterangkan oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015) dengan mengatakan masyarakat masa lampau berfikiran panjang demi membuat keputusan. Keputusan yang diambil ini sememangnya akan bersifat sistematik dalam usaha mencapai sesuatu dalam kehidupan. Sebab itulah mereka mengambil masa lama untuk mengambil keputusan. Bukan itu sahaja, pendapat Herlan Firmansyah (2021) memberikan pendefinisian mengenai norma ini. Hujah yang logik dan diterima akal akan dianggap sebagai sebahagian daripada ekspresi rasional. ditambahkan lagi dengan definisi ringkas yang telah diberikan oleh Maksum (2011) dan ditulis semula dalam artikel penulisan Cut Hanifah Fardhany, Sudjarwo dan Muhammad

Nurwahidin (2022). Makna yang ditekankan di sini adalah mengenai elemen nilai rasional iaitu berfikiran kritis, sistematik dan logik.

Setelah melihat kepada segala pandangan yang diutarakan oleh kumpulan penulis ini, rasional dapat diertikan sebagai tingkah laku manusia yang dapat berfikir melihat kepada bukti yang kukuh dan munasabah. Setelah melihat kepada alasan kukuh, baru tindakan yang wajar diambil dengan pertimbangan yang tidak menyebelahi. Jika keputusan diambil menyebelahi kepada mana-mana pihak, tapak rasional akan hilang. Pemikiran sebegini mendorong insan supaya tidak berfikiran negatif dan hanya mementingkan pemikiran bersifat realistik. Keadaan ini membantu individu berkelakuan ke arah menjamin kesejahteraan serta kesihatan mental dijaga baik. Sekiranya sikap-sikap ini tidak dipraktikkan, akan mengundang kepada pergaduhan dan mendorong kepada situasi menyakiti perasaan orang lain.

Misalnya, nilai rasional diterapkan dalam tajuk *'porai udaimai'* iaitu kepunyaan kesaksamaan. Di bawah berikut adalah puisi 7 yang menggambarkan nilai tersebut.

> Puisi 7
> *பொறுத்தல் இறப்பினை என்றும்; அதனாய்*
> *Poruththal irappinai enrum; athanai*
> *மறத்தல் அதனினும் நன்று.*
> *Maraththal athanium nanru.*
>
> *(Bersabar hati dengan kejahatan; adalah lebih baik melupakannya.)*
>
> *(Porai udaimai;152)*

Baris puisi ini mengisahkan tentang titik tambah kepada kesabaran. Individu dinasihatkan supaya bersabar dengan individu yang membuat keburukan terhadap dirinya. Kesabaran di sini dibandingkan dengan situasi melupakan perbuatan buruk. Hal ini kerana masa yang tidak menjadi pertolongan kebaikan. Adakalanya masa tidak menjurus ke arah kebaikan dan meninggalkan kesan jika bertindak secara terburu-buru. Secara jelas, melupakan perbuatan buruk lebih baik daripada bersabar

hati dengan suatu perbuatan yang dilakukan terhadapnya. Pada detik inilah ketegangan fizikal seringkali diperingatkan kepada semua individu. Hal ini kerana ketegangan fizikal melihat kepada cara badan bertindak balas apabila berlaku keadaan seperti kemarahan, kebimbangan serta kekecewaan. Tindakan yang harus diambil oleh individu hanyalah tarik nafas perlahan-lahan dan cuba kembali bertenang apabila dikelilingi dengan keadaan sebegini.

Dilihat melalui perspektif teori deontologi, deontologi tindakan memainkan peranan dalam situasi sebegini. Bertepatan dengan definisi yang menyatakan ia berdasarkan pertimbangan moral, emosi yang ditunjukkan oleh manusia sememangnya keluar dilapisi keputusan moral jiwanya. Apa yang ingin diketengahkan di sini adalah kawalan tindak balas emosi. Hidup ini bukan hanya mementingkan diri sendiri sahaja malah memberikan keutamaan kepada perasaan orang lain. Oleh itu, kawalan tindak balas emosi dikatakan penting. Contoh yang paling ketara adalah mendengar serta menghormati pendapat tiap-tiap ahli dalam kerja sepasukan.

Sementara itu, perlakuan rasional turut diterapkan dalam tajuk '*thivinai acham*' iaitu ketakutan terhadap perbuatan jahat. Di bawah berikut adalah puisi 8 yang menerapkan nilai tersebut.

Puisi 8
*எனைப்பகை உற்றாரும் உய்வர் வினைப்பகை*
*Enaipakkai urrarum uyvar vinaipakkai*
*வியாது பின்சென்று அதும்.*
*Viyathu pincenru atum.*

*(Orang selamat daripada apa-apa permusuhan besar tetapi perbuatan jahat akan menyusul ke mana-mana.)*
*(Thivinai acham;207)*

Baris puisi ini menceritakan mengenai perbuatan jahat yang dilakukan oleh individu secara sedar ataupun sebaliknya. Baris ini menyatakan individu akan terlepas daripada musuh yang berkeliaran di hadapannya. Musuh yang ditekankan di sini adalah seorang yang tidak suka olehnya dan sering menjadi gangguan kepada orang

lain. Namun, dia tidak akan sesekali terlepas daripada genggaman perbuatan jahatnya. Contohnya, mencuri, merompak dan merampaskan hak orang lain. Hal ini kerana perbuatan jahat memiliki nilai yang amat bahaya bagai gunung berapi. Segala perbuatan jahat yang dilakukan olehnya akan mengikut ke mana-mana dia bergerak. Inilah yang digelarkan dengan istilah hukum karma. Dalam istilah karma turut dipisahkan kepada karma ekoran perbuatan baik dan juga perbuatan buruk. Karma baik memberikan fenomena kebahagiaan tetapi yang bahayanya adalah karma perbuatan jahat.

Sebelum bertahun-tahun lagi, kuplet mengenai tingkah laku jahat telah direkodkan oleh Thiruvalluvar. Teori deontologi kewajipan amat jelas nampak dalam baris puisi ini. Ini dikatakan kerana penglibatan secara tidak langsung dalam senarai kewajipan manusia prima facie. Dalam pada itu, berbuat baik diletakkan dalam peringkat keempat dalam senarai itu. Lain-lain lagi, segala perbuatan jahat dirakamkan dalam buku perlembagaan negara. Akta kesalahan-kesalahan kecil 1955, akta perlindungan wanita dan gadis 1973 dan akta keganasan rumah tangga 1994. Demi menjamin kebahagiaan masyarakat di Malaysia, tingkah laku jahat yang dikesan sentiasa dihukum tanpa melengahkan masa. Keutamaan lebih diberikan kepada kedalaman kebenaran.

Ajaran mengenai rasional turut dimasukkan dalam tajuk *'cuthu'* iaitu perjudian. Di bawah berikut adalah puisi 9 yang menerapkan nilai ini.

Puisi 9
*அகடுஅரார் அல்லல் உழப்பர் சூதுஎன்னும்*
*Akatuarar allal uzhappar cuthuennum*
*முகடியால் மூடப்பட் டார்.*
*Mukatiyal mutappat tar.*

*(Orang ditelan hantu perjudian akan menderita sehingga tidak mendapat makanan yang secukupnya.)*
*(Cuthu;936)*

Baris puisi ini jelas menggambarkan tentang keburukan yang bakal berlaku apabila terlibat dengan permainan haram iaitu perjudian. Kegiatan ini seringkali dikatakan sebagai hantu kerana mampu memberikan rasa gelisah dan ketakutan akibat penglibatan. Seseorang yang berjudi akan menderita teruk daripada orang yang berada dalam kesusahan. Hal ini dikatakan kerana individu tersebut akan kehilangan semua hartanya. Ini berpunca daripada perjudian yang meminta wang dan harta sebagai alat pertaruhan. Akibat daripada ini, dia akan mengalami keadaan susah bagi mendapatkan bekalan makanan yang secukup dalam rutin seharian. Ada masa juga perjudian ini mengakibatkan berlakunya pembunuhan dan keganasan dalam rumah tangga serta dalam lingkungan masyarakat. Bukan penjudi sahaja akan merasakan kesakitan itu tetapi setiap individu yang berada di persekitarannya turut akan menyesal.

Teori deontologi peraturan amat sesuai dengan baris puisi ini. Hal ini kerana prinsip kewajipan ditegaskan melalui puisi ini kepada individu yang gemar menjalankan kegiatan haram ini. Dapat dikatakan juga lahirnya peraturan dan undang-undang mengenai perjudian ini dalam naskah perlembagaan Malaysia. Sebagai contoh, ianya mempunyai dua akta berkenaan perjudian iaitu akta rumah perjudian terbuka (1953) serta akta cukai perjudian (1972). Walaupun wujud akta mengenai kegiatan ini, golongan atasan masih gemar dalam skop ini. Adalah dinasihatkan supaya menjauhi diri daripada perjudian ini.

### 4.5 Nilai Harga Diri

Pada tahun 1999, Steimberg mengeluarkan pendapat mengenai nilai harga diri. Harga diri dikategorikan sebagai formula yang penting dalam kehidupan seharian yang memberikan sumbangan dalam menentukan perlakuan seseorang (Anis Rosidah, 2012). Pandangan Sarwono dan Meinarno (2009) mengenai nilai harga diri telah ditulis dalam artikel hasil Margaretha Bertiutami (2016) sebagai sumber yang sahih. Pengukuran bersifat positif ataupun negatif terhadap diri sendiri dikatakan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

sebagai harga diri. Pengkaji telah menemui satu blog yang memaparkan tentang makna yang dibawa oleh nilai ini. *‘On my own to feet: Identity and self-esteem’* yang dicipta pada tahun 1997 telah menarik perhatian dalam skop nilai ini. Dalam pada ini, kekurangan kasih sayang dan pengabaian keunikan yang dimiliki oleh diri seseorang akan melahirkan harga diri yang rendah. Adalah pentingnya bagi memberikan fokus dari segi perhatian kasih sayang dan keunikan bagi mengelakkan situasi sebegini.

Nilai ini dapat dimaknakan sebagai suatu sifat yang dimiliki oleh jiwa individu yang menekankan tentang keupayaan dan keyakinan diri. Kedua-dua sifat ini mampu memuliakan dan menjaga maruah diri dalam kehidupan tiap-tiap hari. Wujud empat aspek yang ditekankan dalam meningkatkan harga diri iaitu kekuatan, keberatan, kebajikan serta kemampuan. Lain daripada itu, tahap harga diri yang rendah mampu ditingkatkan dengan mengamalkan beberapa cara. Cara-cara yang dimaksudkan tersebut adalah dengan mengenali kelebihan dan kekurangan diri sendiri serta mengatur taktik dalam proses mencapai kejayaan. Cara ini membantu individu untuk lebih mengenali perkara mengenai diri sendiri.

Nilai harga diri telah diterapkan dalam tajuk ‘*kuta ozhukkam*’ iaitu kelakuan yang tidak diingini. Di bawah berikut adalah puisi 10 yang menerapkan nilai tersebut.

Puisi 10
*கணைகொடிது யாழ்கோடு செவ்விதுஆங் கண்ண*
*Kanaikotithu yazhkotu cevvithuan kanna*
*வினைபடு பாலால் கொளல்.*
*Vinaipatu palal kolal.*

*(Anak panah berbentuk lurus kejam perbuatannya, leher yazh bercangkuk manis perbuatan. Ketahuilah sifat seorang daripada perbuatan bukannya rupa.)*

*(Kuta ozhukkam;279)*

Melihat kepada erti disebalik baris puisi, ia mempertikaikan tentang tingkah laku yang tidak sesekali diingini oleh masyarakat. Bukan semua yang nampak baik bermaksud akan memberikan kesan yang baik dan bermoral. Ia lebih kepada cara kelakuan itu

dijalankan. Pertimbangan dengan akal memainkan peranan yang paling penting bagi mengetahui rupa sebenarnya. Apa yang ditegaskan dalam baris puisi ini adalah pemikiran disebalik perbuatan. Perbandingan antara anak panah dan leher *yazh* telah dilakukan oleh penulis asli. Biarpun anak panah berbentuk lurus, akan tetapi ia bersifat ganas dari sudut perbuatan. Leher *yazh* yang digelar sebagai kecapi memberikan perbuatan yang baik walaupun ianya berbentuk cangkuk. Dapat diringkaskan, rupa seseorang ataupun sesuatu benda tidak akan menampakkan fikiran secara mendalam mengenainya.

Daripada mata teori, prinsip kewajipan yang ada dalam teori deontologi peraturan amat sesuai dengan baris puisi ini. Lebih-lebih lagi, ia disenaraikan di bawah tujuh kewajipan prima facie William David Ross. Tingkat ketujuh dalam peraturan berkenaan kewajipan manusia. Apa yang ditegaskan dalam tingkat ini adalah individu tidak patut mengamalkan sifat yang merugikan orang lain. Bak kata mutiara, jangan melihat buku dari sampulnya. Sampul tidak membawa kandungan yang ada dalam sebuah buku. Kita tidak mampu mengenali intipati hanya dengan melihat kepada muka depan sahaja. Oleh itu, pentingnya mengenali orang dengan perbuatan dan bukannya rupa.

## 4.6 Nilai Keharmonian Antara Manusia Dengan Alam Sekitar

Secara tidak langsung, alam sekitar yang bersih dipengaruhi oleh kualiti udara. Kualiti udara yang baik memberikan kehidupan yang sihat kepada tiap-tiap individu yang hidup di tanah ini. Ini telah ditegaskan dalam penulisan artikel hasil sekumpulan penulis termasuk Farrah Wahida Mustafar (2020). Mereka menegaskan bahawa persekitaran semulajadi penting dalam aspek kesihatan manusia dan ianya turut dapat dijadikan sebagai sumber ekonomi kepadanya. Alam semulajadi bukan hanya merangkumi benda hidup ataupun sebaliknya tetapi turut melibatkan unsur-unsur lain yang gabung dengan udara. Unsur yang dimaksudkan tersebut adalah panas, sejuk,

angin dan hujan yang ada dalam sumber alam sekitar ini (Khairul Azhar bin Meerangani, 2018). Fahaman mengenai khazanah alam yang pupus telah diberikan oleh Mohd Faizal (2008). Ini telah ditulis semula dalam artikel Tan Pei San dan Norzaini Azman (2011) dengan mengatakan kepupusan berlaku akibat daripada keuntungan dan sikap tamak yang dipegang oleh sesetengah individu.

Setelah meneliti semua pandangan yang diberikan oleh beberapa individu, dapat kita mengetahui makna yang dimiliki oleh nilai keharmonian antara manusia dengan alam sekitar. Ia merujuk kepada suatu keadaan dimana saling memerlukan hubungan mesra antara manusia dengan alam sekeliling. Ini bertujuan untuk memastikan kualiti nyawa manusia dan alam terpelihara. Pada tahun 2 Disember 2000, Program Kitar Semula Kebangsaan telah dimulakan secara rasmi oleh Yb Menteri Perumahan dan kerajaan tempatan. Alam sekitar penting dalam kehidupan seharian masyarakat. Namun begitu, sikap kurang peka terhadapnya mengakibatkan kepupusan yang tidak terkawal oleh pihak-pihak tertentu. Bagi mengawal serta mengelakkan kepupusan alam sekitar, beberapa aktiviti telah dijalankan oleh pihak berkuasa. Antaranya adalah mengadakan gotong-royong bagi membersihkan kawasan persekitaran, menanamkan taman herba serta mengurangkan pemakaian sumber asli.

Nilai keharmonian antara manusia dengan alam sekitar telah diterapkan dalam tajuk *‘vaan sirappu’* iaitu keluhuran hujan. Di bawah berikut adalah puisi 11 yang memperlihatkan nilai ini.

Puisi 11
*ஏறின் உழாஅர் உழவர் புயல்என்னும்*
*Erin uzhaar uzhavar puyalennum*
*வாரி வளங்குன்றிக் கால்.*
*Vari valankunrik kal.*

*(Jika sumber hujan kekeringan, petani tidak akan membajak tanah menggunakan tenggala.)*

*(Vaan sirappu;14)*

Nasihat yang ingin disampaikan melalui baris puisi ini adalah menjaga alam yang menurunkan hujan. Sumber hujan penting kepada manusia terutama kepada golongan petani. Sekiranya hujan tidak turun, tiada seorang pun petani yang akan turun ke sawah untuk membajak. Perkara yang diringkaskan melalui baris puisi ini adalah sumber hujan yang kering akan mengakibatkan petani tidak membajak dengan tenggala. Tenggala, cangkul, tajak dan sisir besi merupakan antara alat yang digunakan dalam kerja persawahan. Adapun berbagai jenis alat yang digunakan, tetapi musim hujan memainkan peranan yang paling penting. Hal ini kerana petani hanya turun membajak pada musim hujan. Dalam tradisi negeri Kedah, alat persawahan yang popular adalah tenggala. Kayu halban yang bercirikan kayu yang senang dibentuk seringkali menjadi pilihan dalam pembuatan tenggala ini.

Mengenai alam sekitar, ia bukan sahaja dihargai tetapi turut mempunyai akta yang mampu meningkatkan tahap pemeliharaan dan pemuliharaan. Pada 29 Januari 2022, terjadinya satu berita yang berlaku di Pasir Puteh. Petani mengalami kerugian lebih sebanyak RM500,000 kerana kejadian sawah kering. Ini telah diterbitkan oleh Berita Harian. Akta yang dikait rapat dengan alam sekitar adalah Akta kualiti alam sekeliling 2012 dan Akta bekalan elektrik 1990. Ini jelas membuktikan prinsip kewajipan digunakan dalam baris puisi ini.

Teori deontologi peraturan ini menekankan nilai yang sememangnya patut diikuti oleh masyarakat. Oleh itu, pemeliharaan terhadap alam sekitar memang perkara yang harus diikuti oleh tiap-tiap individu. Ketiadaan hujan seperti yang dinyatakan dalam baris puisi ini mampu merosakkan tahap kehidupan manusia bukannya sahaja petani. Hal ini kerana sumber air menjadi keperluan asas kepada manusia. Ini dikatakan kerana tiap-tiap manusia bergantung kepada sumber air dalam kehidupan seharian. Begitu juga dengan makanan yang turut digolongkan sebagai keperluan asas.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 4.7 Nilai Kebijaksanaan

Tulisan mengenai nilai kebijaksanaan telah dilakukan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady (2010) diselitkan dalam artikel gabungan penulis Muhd Norizam Jamian dan Zubir Idris (2019). Apa yang dihuraikan oleh beliau adalah kebijaksanaan lebih berfokus kepada nilai, perkataan, perbuatan yang lebih menjurus kepada kebenaran serta kebaikan bukannya pembohongan. Ditambahkan juga dengan fikiran Adler (2007) dalam hasil penulisan pasukan penyelidik di bawah Kumaravelu Ramasamy (2014). Tiap-tiap pasukan mempunyai carta organisasi bagi memberikan gambaran yang luas mengenainya. Dari segi nilai ini, sikap kebijaksanaan pemimpin memberikan sumbangan yang penting dalam proses organisasi yang mampu menangani cabaran yang bakal dihadapi. Setahun sebelum 2023, Ahmad Badruddin Abdullah turut menyumbang dengan memberikan erti yang dipegang oleh kebijaksanaan emosi. Goleman memainkan peranan yang penting dalam skop ini. Seseorang yang mempunyai daya mengawal diri dan orang lain akan dilihat sebagai individu yang pandai dalam isu ini.

Pemaknaan jelas yang dipegang oleh nilai kebijaksanaan ini adalah kepandaian menggunakan akal fikiran. Nilai ini dapat dilihat dalam diri seseorang menerusi tingkah laku mereka yang bijak mengambil keputusan, tidak takut belajar dari kesilapan, tidak berpegang kepada sifat ego serta jiwa yang mampu menerima fakta. Tidak dapat dinafikan, seluruh pemimpin dan idola memiliki sifat-sifat yang dikategorikan dalam bijak pandai ini. Tanpa sifat ini, mereka tidak mampu berjaya sehingga ke mata-mata bumi ini. Situasi yang dapat dijadikan contoh dalam pada ini adalah situasi mempersaudarakan kaum Aus dan Khazraj oleh Nabi Muhammad SAW. Begitu juga dengan pahlawan Hang Tuah, Mahatma Gandhi dan Abdul Rahman bin Tuanku Imam Nuh. Lain daripada itu, kebijaksanaan turut berpaksikan kepada amalan bertabung. Sekiranya tidak mempraktikkan sifat berhemat ini,

individu tersebut akan suka membazir serta memperagakan kehebatan serta kemewahan tanpa melihat nilai tabungnya.

Nilai kebijaksanaan telah diterapkan dalam tajuk '*arivu udaimai*' iaitu kepunyaan pengetahuan. Di bawah berikut adalah puisi 12 yang memperlihatkan nilai ini.

Puisi 12
*என்பொருள வாகச் செலச்சொல்லித் தான்பிறர்வாய்*
*Enporula vakac celaccollith thanpirarvay*
*நுண்பொருள் காண்பது அறிவு.*
*Nunporul kanpathu arivu.*

*(Pengetahuan membolehkan orang menerangkan suatu perkara yang sukar difahami dengan mudah menggunakan erti kata halus.)*

*(Arivu udaimai;424)*

Baris puisi 12 ini membawa makna yang menegaskan mengenai pengetahuan yang dimiliki oleh individu. Pengetahuan adalah umum dan harus dimiliki oleh tiap-tiap orang. Ilmu yang digunakan bagi menerangkan suatu topik kepada individu lain secara mudah akan melihat kepada tahap fikirannya dalam skop tersebut. Ini kerana penguasaan kata-kata yang halus membolehkan individu lain memahami makna yang sukar difahaminya. Perkara pertama yang hadir dalam minda pembaca adalah situasi memahami konteks yang ada dalam pembelajaran. Walaupun ajaran yang diberikan oleh kumpulan pengajar sukar difahami, maknanya lebih faham oleh individu itu apabila dibaca ataupun diajar semula oleh pihak lain. Dalam erti kata lain, penguasaan kata-kata halus bertahap tinggi memenuhi tugas penting dalam memahami suatu perkara. Kedalaman kajian mengenai suatu perkara membolehkan seseorang mendapatkan ilmu mengenainya.

Dari mata filosofi, ia lebih kepada prinsip eksistensialisme yang tergolong dalam teori deontologi tindakan. Individu dinasihatkan supaya menguasai segala bahasa yang ada dalam ilmu iaitu sebanyak tujuh belas bahasa termasuk bahasa basahan, dialek daerah dan bahasa halus. Penerangan dengan menggunakan bahasa yang sesuai memberikan penjelasan yang mendalam. Sumber pengetahuan wujud daripada

beberapa cabang termasuk kepercayaan didasari tradisi, agama, pengalaman, akal fikiran serta individual. Kefahaman mengenai semua sektor ini membantu mengelakkan perselisihan fahaman. Hal ini kerana negara ini dipenuhi dengan variasi agama dan kepercayaan. Pendidikan, media dan informasi disenaraikan dalam faktor penting yang mempengaruhi pengetahuan. Individu seringkali dinasihatkan supaya mahir dalam perkara sebegini jika ingin kehidupan dilindungi keamanan.

4.8 Nilai Toleransi

Barisan UNESCO telah memilih tahun 1995 sebagai tahun toleransi. Ini kerana tempoh tersebut wujud pelbagai rintangan dan konflik sehingga membawa kepada kekerasan antara masyarakat. Pernyataan ini diingatkan semula oleh Ni Luh Drajati Ekaningtyas (2020) dalam sebuah artikel. Makna yang didukung oleh nilai toleransi ini telah diberikan. Sikap dan gerak geri yang menghormati kelainan agama, etnik, pendapat serta perwatakan orang lain dapat dimaksudkan sebagai nilai toleransi (Mujahidil Mustaqim, 2019). Risalah tulisan Purwati, Dede Darisman dan Aiman Faiz (2022) turut menyelitkan tentang nilai toleransi ini. Sifat-sifat yang menonjolkan toleransi rendah adalah apabila mereka bersikap tidak peduli serta menghormati keyakinan orang lain tanpa persetujuannya. Kata-kata asli ini telah dikeluarkan dari minda Safrilsyah dan Mauliana menjelang tahun 2015.

Setelah meneliti semua pandangan yang diberikan oleh penulis tersebut, dapat kita memahami erti disebalik nilai toleransi ini. Maknanya adalah kesanggupan bertolak ansur, sabar serta mengawal diri. Ini bertujuan ke arah kebaikan iaitu mengelakkan pertelingkahan antara individu. Ini dapat menjanjikan kehidupan yang sejahtera. Apabila ibubapa dinasihatkan untuk memupuk nilai ini dalam diri anak mereka, dapat mereka mengikutinya sehingga akhir nyawa. Penggunaan media dengan seeloknya dapat dijadikan sebagai taktik kepada ibubapa disamping menjaga penggunaan

kata-kata dan juga sering memberikan pendedahan mengenai suatu perkara. Bertepatan dengan nilai ini, wujud satu dasar di negara Malaysia ini yang dinamakan Dasar Kebudayaan kebangsaan. Tujuan dasar ini adalah bagi mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara serta meningkatkan tahap kehidupan manusia.

Negara yang dipenuhi dengan pelbagai kaum ini turut meraikan pelbagai festival dengan pegangan dan kepercayaan agama dan bangsa masing-masing. Maklumat asas mengenai segala perayaan yang disambut oleh pelbagai kaum wajib dikenali oleh tiap-tiap individu. Sambutan maulidur rasul (Islam), good friday (Kristian), perayaan ponggal (Hindu), hari wesak (Buddha) serta perayaan vaisakhi (Sikh). Di sini telah melihat bahawa negara Malaysia merangkumi pelbagai agama dan kaum yang turut menyambut pelbagai perayaan istimewa mereka. Sekiranya nilai toleransi tiada dalam diri masyarakat, maka wujudlah permasalahan yang mampu menyakiti perasaan orang lain. Bukan itu sahaja, prasangka buruk antara kaum dan keadaan huru hara akan dihadapi oleh negara. Jelas kita memahami makna yang dibawa oleh nilai toleransi ini.

Nilai toleransi telah diterapkan dalam tajuk '*kaalam arithal*' iaitu mengetahui masa. Di bawah berikut adalah puisi 13 yang menerapkan nilai tersebut.

Puisi 13
*பொள்ளென ஆங்கே புறம்வேறார் காலம்பார்த்து*
*Pollena anke puramverar kalamparththu*
*உள்வேர்ப்பர் ஒல்லி யாவர்.*
*Ulverppar olli yavar.*

*(Orang berakal jernih tidak akan naik marah secara terbuka dengan musuhnya, tetapi menahan marah sehingga sampai masa mengalahkan musuh.)*

*(Kaalam arithal;487)*

Masa merupakan benda yang indah dan seringkali dibandingkan dengan emas. Maksud yang dibawa oleh baris puisi ini adalah reaksi individu dalam suatu keadaan. Individu yang berakal budi yang tinggi akan mengenali masa yang hendak bertindak.

Dalam erti kata lain, individu tidak akan menunjukkan perasaan marah sekiranya benda yang tidak disukai berlaku di depan mata. Hal ini kerana mungkin waktu tersebut tidak berarah kepada diri individu tersebut. Sikap terburu-buru tanpa melihat kepada masa akan mengakibatkan kesan yang amat mendalam. Sehinggalah keadaan sebegini akan mengundang kepada masalah seperti pergaduhan dan perselisihan fahaman. Ada segelintir individu yang kurang mahir dalam mengawal emosi yang dihadapi olehnya.

Teori deontologi tindakan yang dikelompokkan dalam prinsip eksistensialisme sesuai dengan baris puisi ini. Hal ini kerana emosi tidak dapat diramal oleh sesiapapun dan ianya bersifat semulajadi. Kawalan emosi sentiasa ditekankan sebagai perkara penting. Hal ini demi menjaga keharmonian dan keamanan dalam kehidupan individu. Istilah masa dapat dikaitkan dengan situasi yang dapat dikatakan sebagai keadaan. Individu yang berjaya gemar menggunakan masa dengan teratur dalam proses menjayakan sesuatu perkara yang diidami olehnya. Situasi yang dapat diambil sebagai rujukan adalah melukiskan satu jadual yang khas untuk belajar. Kelapangan masa dengan ilmu dan pengamalan ibadah kepada Allah SWT tidak patut dilupakan oleh tiap-tiap individu.

Tambahan lagi, ajaran toleransi telah digunakan dalam tajuk '*idam arithal*' iaitu mengetahui tempat. Di bawah berikut adalah puisi 14 yang menerapkan ilmu tersebut.

Puisi 14
*கடல்ஓடா கால்வல் நெடுந்தேர்; கடல்ஓடும்*
*Katalota kalval netunther; katalotum*
*நாவாயும் ஓடா நிலத்து.*
*Navayum ota nilaththu.*

*(Kereta besar (ratha/ther) beroda kuat tidak akan berlari di laut;*
*kapal di laut tidak akan berlari di atas tanah.)*
*(Idam arithal;496)*

Baris puisi ini telah mengeluarkan nasihat mengenai perbuatan mengikut tempat. Benda yang diambil sebagai cerminan kepada pernyataan tersebut adalah *ratha* iaitu kereta besar yang mempunyai roda kuat. *Ratha* yang dikatakan di sini dapat dilihat dalam perayaan Thaipusam dan juga segelintir masyarakat cina menggunakan kereta besar ini dalam perayaan tertentu mereka. Kereta besar beroda kuat ini hanya ditarik ataupun berlari di atas tanah dan bukannya laut. Kapal yang berada dan berfungsi di atas laut tidak pernah berfungsi di atas tanah. Tidak akan ada kemungkinan kedua-dua benda ini terbalik fungsinya. Perkara yang ditegaskan melalui baris puisi 14 ini adalah ketahuilah tempat sebelum bertindak.

Dari perspektif teori, ia lebih menjurus kepada teori deontologi tindakan. Ini dapat dilihat kepada perbandingan keadaan tersebut. Akan tetapi, beberapa individu sering melupakan tempat berdiri sebelum bertindak. Secara langsung, ini memberikan kesan yang tidak baik kepada diri dan juga masyarakat yang berada di sekelilingnya. Namun ia bersifat semulajadi dan bukannya perkara wajib, individu dinasihatkan supaya bertindak dengan melihat kepada tempat yang berdiri. Ini mampu mengelakkan kesan yang tidak diingini.

4.9 Nilai Cinta Akan Negara

Tiga syarat telah dikemukakan oleh Kennedy bagi melahirkan sebuah negara yang maju. Ini telah ditulis dalam rencana tulisan Hashim Musa dan Rozita Che Rodzi pada tahun 2014. Syarat-syarat yang dikatakan tersebut adalah sumber pendidikan dan teknik bertahap baik, pusaka tabungan berada level mencukupi serta kesatuan budaya yang harmonis. Pendefinisian mengenai patriotisme telahpun dijelaskan dalam artikel sekumpulan penulis yang terdiri daripada Selvi Anjani (2023) dengan mengatakan ia merujuk kepada sikap berani, tidak mudah menyerah dan sanggup mengabdi demi negara. Cerita rakyat pahlawan prawatasai dikatakan cerita yang menjadi pegangan masyarakat Jawa barat. Dalam pada ini, ada tiga aspek yang

ditekankan iaitu kesetiaan, kepedulian dan penghargaan supaya dimiliki oleh seorang pahlawan mahupun manusia biasa yang mempunyai rasa cinta kepada negaranya (Siti Uswatun Hasanah, Syarip Hidayat & Ahmad Mulyadi Pranana, 2022).

Secara jelasnya, makna yang didukung oleh nilai cinta akan negara adalah rasa sayang dan bangga dengan negara yang didiami serta mementingkan negara disamping meletakkan kepentingan diri. Walaupun dalaman negara dipenuhi dengan rintangan kehidupan, tidak seharusnya individu membongkarkan rahsia kepada pihak luar. Ini seringkali dijadikan sebagai pegangan asas masyarakat dan pemimpin bagi menjamin kedaulatan negara. Sebagai rakyat tanah air, masyarakat harus meletakkan negara Malaysia sebagai tempat pertama. Kemodernan dan keunggulan negara dapat dilihat daripada kejayaan masyarakat dalam pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan, sains dan teknologi serta sosial. Kecintaan terhadap negara dapat ditunjukkan dengan pengamalan membeli barang buatan Malaysia dan memberikan sokongan penuh kepada dasar sains dan teknologi.

Nilai cinta akan negara telah diaplikasikan dalam tajuk *'padaimatchi'* iaitu keagungan bala tentera. Di bawah berikut adalah puisi 15 yang menerapkan nilai ini.

Puisi 15
*தார்தாங்கிச் செல்வது தானை தலைவந்த*
*Tharthankic celvathu thanai thalaivantha*
*போர்தாங்கும் தன்மை அறிந்து.*
*Porthankum thanmai arinthu.*

*(Hanya pasukan tentera yang mengetahui cara menghalang serangan musuh, sesuai dengan menyekat dan menyerang pasukan tentera musuh adalah pasukan tentera cemerlang.)*
*(Padaimatchi;767)*

Bait puisi ini merujuk kepada kekuatan tentera dalam proses mempertahankan negaranya sendiri. Keagungan bala tentera sebuah negara akan menampakkan betapa kuatnya negara itu. Dalam medan peperangan, banyak taktik digunakan bagi memastikan kejayaan berada di bawah laungannya. Pasukan yang lebih pakar

membaca tindakan pasukan musuh akan digelar sebagai pasukan tentera yang cemerlang. Bukan sahaja dari sudut taktik, penyesuain diri dalam menyekat pasukan musuh penting dalam perjuangan. Pasukan tentera yang memenuhi syarat ini digelar sebagai pasukan yang cemerlang. Inilah erti yang dibawa oleh intipati baris puisi ini.

Setelah meneliti makna yang dibawa oleh baris puisi 15 tersebut dapat dijelaskan bahawa ianya tergolong dalam prinsip kewajipan. Teori deontologi peraturan merangkumi segala hal berkaitan moral yang terlindung di bawah payung undang-undang. Namun individu diberi kebebasan memilih parti pilihan raya tetapi tidak berlari daripada konsep kepatuhan kepada negara. Berbalik kepada konsep pasukan tentera, wujud akta yang menyatakan tentang pasukan itu. Akta angkatan tentera 1972 dan Akta agensi penguatkuasaan maritim Malaysia 2004. Lain daripada pasukan tentera, masyarakat diharapkan dan dinasihatkan supaya sentiasa memberikan kehormatan kepada pasukan tentera sebagai pasukan yang menjaga keamanan negara dan keluarganya.

Pada masa yang sama, tajuk *'naadu'* iaitu negara turut melihat kepada nilai cinta akan negara ini. Di bawah berikut merupakan puisi 16 yang menerapkan nilai tersebut.

Puisi 16
*பொறைஒருங்கு மேல்வருங்கால் தாங்கி இறைவற்கு*
*Poraiorunku melvarunkal thanki iraivarku*
*இறைஒருங்கு நேர்வது நாடு.*
*Iraiorunku nervathu natu.*

*(Negara adalah suatu perwujudan diperkayai sumber-sumber kemakmuran sehingga rakyat dapat menunaikan cukai untuk menanggung pelbagai jenis bebanan serentak (kerana kemasukan penduduk negara lain.)*

*(Naadu;733)*

Baris puisi di atas membahaskan tentang negara yang makmur. Negara merupakan sebuah tanah yang mempunyai berlebih-lebihan sumber yang berdaya meningkatkan ke tahap makmur. Sumber tersebut akan membolehkan penduduk

tanah melangsungkan kepelbagaian cukai kepada kerajaan. Angka yang dimasukkan sebagai cukai akan menghalang bebanan yang bakal muncul pada masa akan datang yang barangkali berpunca daripada kemasukan imigrasi. Antara sumber kemakmuran yang digariskan adalah kestabilan fizikal, modal kewangan, keabdian dan lain-lain lagi. Apabila kesemua sumber tersebut dipenuhi padat oleh sebuah negara maka negara tersebut akan menerima gelaran negara makmur.

Tidak dapat dinafikan, ini merupakan suatu yang harus dipatuhi oleh tiap-tiap masyarakat yang hidup di sebuah negara. Secara tidak langsung, mereka menyumbang wang berbentuk cukai bagi memastikan negaranya terjamin keamanan. Lebih berfokus kepada prinsip kewajipan, ini memenuhi syarat yang dinyatakan dalam teori deontologi peraturan. Wujud dasar mengenai cukai dan kemasukan orang lain yang turut digelar imigrasi. Akta cukai pendapatan 1967, Akta cukai perkhidmatan 2018, Akta imigresen 1959 dan Akta pemerdagangan orang dan antipenyeludupan migran 2007. Segala akta tersebut mengingatkan semua penduduk supaya jangan sesekali cuba untuk mengingkari peraturan yang telah pun didoktrinkan oleh kerajaan melalui persetujuan yang kuat.

4.10 Nilai Kerajinan

Lain daripada itu, teks *Thirukkural* memberikan penekanan kepada nilai kerajinan. Menurut Haidi Mod Kasran (2017), nilai ini merupakan suatu yang memberikan keutamaan kepada aspek ketekunan, kerajinan serta daya usaha individu dalam menyelesaikan suatu tugasan yang dipikul olehnya. Turut menambah bahawa amalan ini memberikan kesan yang paling positif. Semangat yang bercirikan tekun, gigih dan dedikasi tinggi membolehkan suatu usaha yang dijalankan akan ke arah kejayaan (Kadjim, 2011). Tanpa usaha yang gigih, tiada satu pun organisasi akan berjaya di masa kelak. Pandangan Widyadi (1991) lebih terarah kepada sikap kerajinan yang dimiliki oleh pekerja kilang pembuatan barang. Sikap rajin tersebut

dicerminkan dalam kerja yang kreatif dalam usaha proses pencapaian. Jika tidak memiliki sikap kerajinan, maka tiadalah perkembangan dalam pencapaian serta mundur industri tersebut. Bukan sahaja industri dinyatakan, tetapi amat sesuai dengan segala bidang yang wujud.

Rajin dan ketekunan merupakan elemen yang seringkali menarik perhatian masyarakat sebaik sahaja mengungkapkan istilah nilai kerajinan ini. Ini turut disertakan dalam kandungan Kamus dewan edisi keempat (2005). Makna terdekat yang didukung oleh nilai kerajinan ini adalah usaha berterusan yang penuh dengan beberapa kriteria dalam melakukan suatu perkara. Kriteria-kriteria tersebut adalah semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi serta berdaya maju. Bak kata orang-orang tua, kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagu. Individu harus bersusah payah sebelum mendapatkan suatu yang menjadi idamannya. Kesannya kasar jika tidak ingin mengamalkan norma ini iaitu termasuk hidup dalam kemalasan dan tiada perkembangan dalam dirinya sendiri. Begitu juga dengan bidang-bidang lain. Ketiadaan kerajinan mengakibatkan kemunduran serta kemerosotan dalam bidang-bidang tertentu.

Kelakuan kerajinan ini telah dimasukkan juga dalam tajuk '*madi inmai*' iaitu ketiadaan kemalasan. Di bawah berikut merupakan puisi 17 yang menerapkan nilai tersebut.

Puisi 17
*நெடுநீர் மறவி மதிதுயில் நான்கும்*
*Netunir maravi matithuyil nankum*
*கெடுநீரார் காமக் கலன்.*
*Ketunirar kamak kalan.*

*(Kelewatan, kelupaan, kemalasan dan tidur berlebih-lebihan merupakan empat jenis perahu kayu yang dinaiki secara sukarela oleh seorang akan runtuh.)*

*(Madi inmai;605)*

Walaupun kerajinan tidak menyukai kata kemalasan, ia tetap berada dalam jiwa segelintir individu. Apa yang ingin ditegaskan melalui baris puisi ini adalah ada empat

elemen individu yang tidak harus dipegang sekiranya inginkan kemajuan. Elemen tersebut bergelar sebagai kelewatan, kelupaan, kemalasan dan juga tidur berlebih-lebihan. Keempat-empat ini mampu merosotkan kedudukan seseorang dari atas ke bawah. Contoh yang seringkali dapat dilihat dalam kalangan pelajar tidak kisah tarafnya adalah kelewatan hadir ke kuliah serta kelupaan dalam membuat kerja rumah yang telahpun diamanahkan oleh para pengajar. Individu yang ingin berjaya harus berpegang kepada konsep kerajinan kunci kejayaan.

Dari sudut prinsip, ia lebih kepada teori deontologi tindakan. Hal ini kerana ia bersifat semulajadi. Namun begitu, menjauhi diri daripada kemalasan jauh lebih baik kepada kehidupan. Sepertimana yang dilihat dalam contoh di atas, jiwa bersifat malas sememangnya wujud dalam tanah ini. Ini dapat dielakkan dengan pelbagai cara. Ia harus dimulakan daripada ibubapa di rumah. Hal ini kerana mereka pengajar pertama yang berada bersama sejak kelahiran. Sebagai anak, bantuan dari segi mengemas, membersihkan kawasan rumah dan menjaga adik beradik cukup memadai kepada individu yang menonjolkan dia sentiasa berpegang kepada norma kerajinan ini. Sikap kerajinan yang diamalkan di rumah ini akan ditampilkan oleh diri apabila diletakkan dalam tingkat pelajar dan diikuti dengan kerjaya.

### 4.11 Nilai Setia Kawan

Sahabat ataupun lebih gemar dipanggil kawan telah menjadi satu lagi nilai moral yang tersenarai dalam teks ini. Nilai setia kawan akan mempunyai mutu yang tinggi apabila kedua-duanya menerima jiwa ketinggian dan rendah dalam perjuangan ke arah masa depan. Ini bukan sahaja diberi tumpuan kepada kenangan manis tetapi turut kenangan pahit yang dialami ataupun bakal dihadapi bersama-sama. Ini merupakan pandangan penulis artikel yang terdiri daripada Susiati pada tahun 2020. Adalah pentingnya bagi mengenali sifat yang wajib dipetik daripada diri seseorang apabila ingin mencari rakan. Kepercayaan, keperibadian mulia, menjaga keaiban,

susah senang bersama dan sifat berterus terang menjadi lima sifat tersebut (Nur Mohammad Hadi Zahalan, 2020). Kelima-lima sifat ini akan menggambarkan setia kawan individu itu. Kekurangan kriteria ini dapat meresahkan tentang betapa kukuhnya persahabatan itu.

Di dalam perut Kamus dewan edisi keempat (2005), kawan dituturkan sebagai tenaga penggalak dalam ketabahan dan ketekunan dalam pertarungan yang hebat. Hal ini dikatakan kerana galakkan daripada seorang sahabat amat mempengaruhi minda individu. Sahabat harus bersatu serta bersepakat dalam proses mengusahakan suatu perkara. Walaupun zaman ini lebih kepada kecanggihan digital, individu masih memerlukan sahabat yang berjiwa bagi berkongsi masalah dan meraikan kejayaan. Adalah lebih berkesan apabila kedua-duanya mempunyai gagasan yang sama. Bukan sahaja membantu mengelakkan pergaduhan tetapi lebih banyak yang bakal terjadi sebagai rintangan antara mereka. Tidak dapat dilupakan, kawan haruslah mempunyai akur pada janji dan bukannya membongkarkan.

Nilai setia kawan dimasukkan dalam tajuk *'natpu'* iaitu persahabatan. Di bawah berikut adalah puisi 18 yang memperlihatkan nilai tersebut.

Puisi 18
*நகுதல் பொருட்டன்று நட்டல்; மிகுதிக்கண்*
*Nakuthal poruttanru nattal; mikuthikkan*
*மேற்சென்று இடித்தல் பொருட்டு.*
*Mercenru ititthal poruttu.*

*(Tujuan seorang menjadi sahabat bukanlah untuk bergembira dengan gelak ketawa; sebaliknya adalah untuk tampil hadapan dan menegurnya.)*

*(Natpu;784)*

Baris puisi ini menekankan tentang kepentingan sahabat kepada tiap-tiap manusia. Ia bukan untuk gelak ketawa sepanjang hari. Ianya lebih cenderung kepada kebaikan bersama-sama. Kebaikan bersama yang ingin ditekankan oleh penulis puisi iaitu Thiruvalluvar adalah tidak berasa bosan untuk menegur kawan yang membuat

kesilapan berulang kali. Hak untuk menegur apabila mewujudkan situasi yang melampaui batasan turut diberikan kepada pasukan bernama kawan. Ini dapat membantu individu yang berbuat salah tersebut memahami kesilapan dan belajar daripada kesalahan tersebut. “Adakah kegunaan sekiranya berkawan dengan ingin gelak ketawa sepanjang hari tanpa menegurnya?”. Jawapan yang sepatutnya dilafazkan adalah tidak. Apalah kegunaan bersahabat tanpa menegur.

Teori deontologi peraturan digunakan dalam baris puisi ini. Hal ini kerana ia menjadi kewajipan sebaik sahaja dirinya menjadi rakan kepada orang lain. Teguran yang diberikan juga harus bersifat positif dan bukannya ke arah kemerosotan. Adanya hak yang digelar Hak persaudaraan dan persahabatan. Hak ini jelas menggambarkan mengenai persahabatan antara individu dengan individu yang lain. Tambahan lagi dengan peraturan berkenaan kewajipan manusia. Dalam tingkat kewajipan prima facie, William David Ross menasihatkan supaya berbuat baik dalam apa jua keadaan dan siapapun. Ianya ditulis di bawah tingkat kewajipan yang kelima.

Sementara itu, tajuk ‘*thee natpu*’ iaitu persahabatan yang jahat menekankan nilai setia kawan. Di bawah berikut adalah puisi 19 yang menerapkan nilai ini.

Puisi 19
*அமரகத்து ஆற்றுஅறுக்கும் கல்லாமா அன்னார்*
*Amarakaththu arruarukkum kallama annar*
*தமரின் தனிமை தலை.*
*Thamarin thanimai thalai.*

*(Adalah lebih baik jika seorang bersendirian berbanding bersahabat dengan orang seperti kuda dalam medan perang yang melemparnya ke bawah dan melarikan diri.)*
*(Thee natpu;814)*

Dalam medan peperangan, kuda yang kurang perhatian akan cuba melarikan diri dengan menjatuhkan tuannya sebaik sahaja alatan senjata dilemparkan. Ini bertepatan dengan situasi yang muncul dalam minda berkenaan peristiwa yang dinyatakan. Keadaan ini diambil dan dikritik sebagai rujukan kepada persahabatan

yang jahat. Puisi ini cuba mengatakan supaya berdiri seorang diri lebih baik daripada sahabat yang bertindak tidak sepatutnya. Ini kerana sahabat bersifat seperti kuda ini tidak pernah akan berada di sampingnya dalam masa duka. Mereka hanya akan lebih suka apabila suatu kebaikan berlaku kepadanya. Sahabat sebegini jarang memberikan kebaikan bersama-sama sepertimana dilafazkan dalam baris puisi sembilan belas ini.

Kesetiaan seorang sahabat mampu mempengaruhi kehidupan seseorang sahabat lainnya. Tambahan lagi, kesetiaan telah dirakamkan dalam tingkat kewajipan prima facie William David Ross. Ini berada dalam tingkat pertama dalam prima facie. Kesetiaan yang menekankan kehidupan ke arah pegangan janji serta percakapan yang dipenuhi kebenaran. Apabila berada di tingkat pertama, secara langsungnya ia menjadi kewajipan yang harus diikuti oleh individu. Maka prinsip kewajipan yang berada di bawah payung teori deontologi peraturan amat sesuai dengan puisi di atas. Pengorbanan besar diperlukan bagi mencerminkan kesetiaan dan kehormatan dalam skop sahabat sejati ataupun kawan karib.

4.12 Nilai Tanggungjawab Terhadap Keluarga

Kehidupan manusia tidak sesekali tanpa keluarga sama ada keluarga kandung ataupun keluarga angkatan. Mursafitri (2015) telah menerangkan istilah keluarga dengan berkata keluarga merupakan sekumpulan individu yang mendiami sebuah rumah dengan mempunyai ikatan yang dikategorikan kepada tiga. Perkahwinan, hubungan darah dan tidak mempunyai jalinan darah. Ketiga-tiga ini mengamalkan sebuah budaya yang konvensional bagi menaik tarafkan perkembangan emosi, fizikal, mental serta sosial. Inspirasi utama yang harus dijadikan apabila ingin mendapatkan keluarga yang bahagia adalah Rasulullah S.A.W. Pada tahun 2022, Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa turut bertambah bahawa penjagaan keimanan

dan ketakwaan akan mengurangkan konflik antara ahli keluarga dengan membantu melahirkan kebahagiaan.

Pendefinisan yang dibawa oleh nilai tanggungjawab terhadap keluarga ini adalah kewajipan tingkah laku tiap-tiap individu bagi melahirkan keluarga bahagia disamping meningkatkan imej serta menjaga maruah daripada dicemari. Tata susila yang seringkali dibawa sebagai nasihat kepada individu adalah menghormati kedua-dua ibubapa dan memberikan kasih sayang kepada ahli keluarga. Namun demikian, keluarga yang bahagia tidak semudah yang terlintas di dalam buah fikiran. Perjuangan dan pengorbanan amat diperlukan bagi mendapatkan keadaan sebegini. Ketiadaan ilmu yang secukupnya dalam urusan rumah tangga, sentiasa berfikiran dekat dan ketidakpedulian perintah agama telah dikenalpasti sebagai faktor yang menjadi tiang penghalang bagi membina keluarga bahagia.

Nilai tanggungjawab terhadap keluarga telah diterapkan dalam tajuk ‘kudimai’ iaitu keturunan keluarga yang mulia. Di bawah berikut adalah puisi 20 yang menunjukkan nilai ini.

Puisi 20
*அடுக்கிய கோடி பெறினும் குடிப்பிறந்தார்*
*Atukkiya koti perinum kutippiranthar*
*குன்றுவ செய்தல் இலார்.*
*Kunruva ceythal ilar.*

*(Biarpun dia memperoleh kekayaan bernilai juta-jutaan, orang berketurunan keluarga mulia tidak akan melakukan perbuatan yang akan menyebabkan kemunduran keagungan keluarga.)*
*(Kudimai;954)*

Baris di atas menekankan tentang keturunan keluarga yang mulia. Keluarga mulia mahir dalam mendidik anak-anak mereka ke arah kebaikan dan sentiasa memantau supaya memastikan mereka berada di tahap baik. Oleh itu, mereka jarang terpesong ke arah negatif yang menghina keturunan itu. Hal ini kerana mereka tahu bahawa keluarganya akan mundur keagungan apabila dilakukan perbuatan yang tidak

sepatutnya. Walaupun orang di luar cuba memberikan rasuah demi mendapatkan sesuatu, individu tersebut kekal tidak akan melakukanya. Bagi mereka keagungan keluarga lebih penting daripada kekayaan yang bernilai berjuta-juta.

Prinsip kewajipan mengambil bahagian dalam baris puisi ini. Ini kerana istilah tanggungjawab berada di bawah teori deontologi peraturan. Sekiranya memungkiri tanggungjawab, ia akan dianggap sebagai kesalahan yang besar. Perbuatan baik haruslah dilakukan bagi meningkatkan nama baik keluarga dan dinasihatkan supaya jangan sesekali melakukan perbuatan jahat. Hal ini kerana segala perbuatan yang dilakukan oleh individu akan diikat rapat dengan keturunan keluarga. Di sini ajaran yang diberikan oleh ibubapa sejak kecil memainkan peranan dengan melihat tahap penguasaannya.

Sekali gus, tajuk '*kudicheyal vagai*' iaitu cara meninggikan martabat keluarga dimasukkan dalam karya etika ini. Di bawah berikut adalah puisi 21 yang menerapkan nilai tanggungjawab terhadap keluarga.

Puisi 21
*இடுக்கண்கால் கொன்றிட வீழும் அடுத்துஊன்றும்*
*Itukkankal konrita vizhum atuththunrum*
*நல்ஆள் இலாத குடி.*
*Nalal ilatha kuti.*

*(Sebuah keluarga akan jatuh dalam penderitaan sekiranya tiada anggota keluarga yang berkebolehan melindungi keluarganya dengan berada di sisi pada waktu menghidapi penderitaan.)*

*(Kudicheyal vagai;1030)*

Makna yang dibawa oleh baris puisi ini amatlah sesuai dengan zaman komunikasi digital ini. Sebuah keluarga haruslah memiliki sokongan daripada ahli keluarga mahupun seorang. Jika tiadanya sokongan dari ahli keluarga, mereka dikatakan akan menghadapi rintangan dalam kehidupannya. Rintangan ataupun masalah yang wujud dari luar akan sukar diselesaikan oleh keluarga tersebut. Ini kerana tiada

siapapun dalam rumah tersebut berkebolehan untuk melindungi anggota-anggota keluarga. Inilah erti yang dibawa oleh baris puisi tersebut. Bukan sahaja dalam situasi terdesak, ahli keluarga diwajibkan untuk menyertai dalam segala aktiviti yang bersifat kekeluargaan seperti rumah terbuka, aktiviti bergotong-royong dan lain-lain lagi. Pada masa inilah, mereka dapat mengenali sifat-sifat yang tersembunyi daripada ahli keluarga dan berpeluang mengetahui sifatnya dengan lebih terdekat.

Dengan pandangan mata teori, prinsip kewajipan di bawah teori deontologi peraturan amat berkait dengannya. Dengan berada di sisi keluarga, maka keluarga tersebut akan mendapatkan mutu bernilai yang dinamakan ketenangan dan kedamaian. Akta undang-undang keluarga Islam (wilayah-wilayah persekutuan) 1984 dan Undang-undang syariah wilayah-wilayah persekutuan. Kedua-dua ini merupakan akta yang memelihara kedamaian dan keamanan keluarga. Orang yang memungkiri akta ini diberikan hukuman yang setimpal dengannya. Hal ini kerana keluarga menjadi titik permulaan setiap individu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 4.13 Penutup

Kesemua data yang diperolehi telah dihuraikan dalam bab analisis ini. Hasilnya, tekanan yang banyak diberikan kepada teori deontologi peraturan dibandingkan dengan teori deontologi tindakan. Hal ini kerana sebanyak 14 bait puisi menepati teori deontologi peraturan. Yang selebihnya mengisahkan melalui prinsip eksistensialisme iaitu sebanyak 7. Dapat dikatakan juga kebanyakkan nilai moral berada dibawah tingkat wajib diikuti. Tingkah laku yang dibahagikan dalam teori deontologi tindakan merupakan norma yang bersifat kepada perasaan dan pemilihan individu. Melalui dapatan kajian ini, semua masyarakat harus mengikuti akta yang diperuntukkan dalam perkara yang terlibat dengan tingkah laku. Prinsip kewajipan menjadi satu perkara yang membutuhkan prinsip eksistensialisme yang dilakukan sesuai pemberian penghormatan kepada hukum moral yang telah lama diterapkan dalam jiwa masyarakat. Ditekankan lagi, bait puisi ini tidak sesekali melihat kepada akibat daripada sesuatu kelakuan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 5

# KESIMPULAN

## 5.1 Pengenalan

Bab kelima ini merupakan bab penutup kajian ini. Dengan mengambil kesempatan, pengkaji meringkaskan segala maklumat yang diutarakan dalam bab-bab sebelum ini. Ringkasan mengenai tajuk *Nilai moral dalam puisi tamil: kajian terhadap teks Thirukkural* memainkan peranan utama dalam pemahaman pembaca. Data-data yang diperolehi dalam bab empat dibawa semula dalam bahagian ini dalam menitikberatkan unsur yang penting. Tujuannya memberikan peringatan semula tujuan utama kepada perjalanan kajian ini. Selain itu, kefahaman mengenai puisi tamil, nilai moral dan pengaplikasian teori turut dipaparkan dalam bahagian ini. Bukan itu sahaja, cadangan pengkaji mengenai kajian ini telah diberikan dalam bahagian ini. Hal ini bagi memberikan manfaat kepada pembaca, menjana idea kepada pengkaji akan datang serta meningkatkan tahap kritikan menggunakan teori pilihan iaitu teori deontologi. Bahagian ini ditutupi dengan penutup secara ringkas dan padat.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 5.2 Rumusan

Makna yang didukung oleh puisi adalah penulisan yang mengandungi unsur estetik dengan menggunakan kata-kata halus. Dengan memegang kepada kenyataan ini, dapat melihat kepentingan puisi ini dalam kehidupan manusia. Antaranya puisi dapat membentuk manusia ke arah individu yang berdisiplin tinggi.

Dalam puisi epik Tamil, pilihan pengkaji adalah kepada teks Thirukkural. Teks yang digunakan oleh pengkaji adalah teks terjemahan oleh Dr Singaravelu Sachithananntham (2013). Bentuk puisi yang ada dalam teks ini adalah dua baris dipanggil kuplet. Kamus dewan edisi keempat (2005) telah menyatakan makna kuplet iaitu bait puisi yang mempunyai dua baris yang membawa aspek kerohanian. Sebanyak 21 tajuk telah diangkat daripada 133 tajuk keseluruhan. Tiap-tiap tajuk merangkumi rangkap baris sebanyak sepuluh. Jelasnya, 210 rangkap puisi menjadi pilihan dalam kajian ini. Bukan semua yang diangkat dalam kajian kerana pilihannya melalui tapisan oleh pengkaji. Hal ini membantu dalam memilih rangkap puisi yang sesuai dengan isu yang ingin disampaikan.

Teks yang memenuhi dengan unsur perniagaan, pendidikan dan sosial tidak terlepas pandang daripada nilai moral. Apabila melihat kepada pendapat Redfield (1953), nilai adalah suatu konsep yang mempengaruhi masyarakat yang turut mempunyai makna tersurat serta tersirat di dalamnya. Nilai hemah tinggi, keadilan, rasional, harga diri, keharmonian antara manusia dengan alam sekitar, kebijaksanaan, toleransi, cinta akan negara, kerajinan, setia kawan dan tanggungjawab terhadap keluarga. Inilah nilai-nilai moral yang dipetik daripada pilihan tajuk. Kesemua nilai ini dihuraikan dengan menampilkan baris puisi yang bertepatan dengan nilai itu. Melalui pembacaan nilai moral, pengkaji dapat merumuskan bahawa perjalanan kehidupan ke arah kebaikan bukan sahaja terarah kepada diri sendiri malah turut kepada masyarakat.

Kajian ini telah diteruskan lagi dengan pengaplikasian satu teori yang berkaitan dengan nilai moral. Pengaplikasian teori membantu mengukuhkan lagi kajian ini. Hal ini kerana suatu penyelidikan tidak dapat berdiri kukuh tanpa pegangan yang kuat. Dalam kajian ini, teori deontologi menjadi landasan kekuatan. Percakapan mengenai nilai moral, ramai yang berfikiran ia hanya berdasarkan tingkah laku seseorang. Dalam teori deontologi, kelakuan didalami dengan memegang kepada dua aspek yang berlainan. Teori deontologi peraturan dan teori deontologi tindakan. Pandangan *Stanford Encyclopedia of Philosophy* mengenai teori deontologi ini mengatakan ianya berada dalam domain teori moral yang memandu dan mempengaruhi pilihan mengenai perkara yang harus dilakukan oleh seseorang individu. Apa yang telah ditegaskan dalam undang-undang secara langsungnya akan berada dibawah teori deontologi peraturan. Niat yang berubah-ubah mengikut situasi akan digolongkan dalam teori deontologi tindakan.

Kaedah ini telah digunakan dalam mengenalpasti aspek teori yang ingin diterangkan melalui rangkap puisi pilihan. Teori deontologi yang ada dalam rangkap puisi telah mendalamkan lagi perbuatan manusia bersifat moral. Bukan semua perbuatan manusia mengikut niat bersifat berubah. Ada juga yang harus dipraktikkan dalam kehidupan seperti yang digolongkan dalam teori deontologi peraturan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

5.3 Cadangan

Pengkaji ingin mengutarakan beberapa cadangan yang berkenaan dengan kajian ini. Cadangan yang diberikan ini bukan hanya kepada pengkaji masa hadapan malah turut disenaraikan kepada masyarakat dan pihak sekolah.

Pertamanya, pengkaji akan datang disarankan bagi memilih teks Thirukkural sebagai skop kajian. Ini kerana kepupusan teks etika ini dapat dilihat dengan mata jelas. Tidak semua orang masih berpegang kepada teks ini. Dulu teks ini dibacakan satu per satu dalam kehidupan seharian. Keadaan tersebut bukan sama lagi. Kini ada yang tidak mengenal teks ini. Dengan mengambil teks ini sebagai skop kajian, pengkaji akan datang dapat merasai keindahan yang tersembunyi dalam penulisan Thiruvalluvar. Pembaca kajian tersebut juga akan mula mencari teks asli. Dengan ini, wujud keadaan dimana pencarian teks etika *Thirukkural* bangkit semula. Keadaan ini mempunyai daya pertahanan yang mampu mempertahankan teks ini. Pada masa yang sama, bakal pengkaji turut dinasihatkan supaya mengambil kajian ini sebagai rujukan mereka. Hal ini kerana kajian ini dirangkumi dengan sebelas nilai yang telah pun ditulis dalam teks tersebut. Mereka turut dapat melihat struktur ataupun cara penulisan baris-baris puisi dimana baris pertama mempunyai empat perkataan diikuti dengan tiga perkataan dibawahnya.

Pengaplikasian teori etika moden dapat diambil dan dijadikan sebagai rujukan. Teori etika moden yang ditekankan disini adalah teori deontologi yang digagaskan oleh Immanuel Kant (tahun tidak dikenali). Kajian ini telah dibahagikan kepada dua prinsip yang berbeza iaitu prinsip kewajipan dan eksistensialisme. Kedua-dua ini dapat dijadikan sebagai rujukan tambahan dalam proses penulisan pengkaji akan muncul. Tidak dapat dinafikan, teori ini dapat digunakan dalam mana-mana karya tidak berkira bahasa apa yang digunakan dalam percetakan. Kepentingan diberikan kepada unsur nilai yang ada dalam kisah-kisah pilihan itu. Pengkaji harus

memastikan bahawa ia mengisahkan mengenai niat perbuatan dan bukannya melihat kepada akibat dan kesan daripada tingkah laku itu. Jika tumpuan diberikan kepada akibat, maka secara langsungnya karya itu dimasukkan dalam teori teleologi.

Saranan seterusnya adalah kepada pihak pengurusan penerbitan karya. Pengkaji sendiri mandapat rintangan dalam mendapatkan karya etika *Thirukkural* yang diterjemahkan itu. Oleh itu, pihak pengurusan penerbitan karya dicadangkan untuk meningkatkan kuantiti buku yang dihasilkan mengenai *Thirukkural* ini. Bukan sahaja nilai moral, penelitian mengenai sistem sosial, politik dan ekonomi dapat dikenali melalui karya ini. Pihak ini harus membuat buku-buku yang meliputi elemen-elemen sebegini. Dapat ditambahkan lagi dengan penghasilan teks berkaitan maklumat mengenai teori deontologi. Ini disebabkan oleh kekurangan buku mengenai teori ini. Secara tidak langsung, keadaan ini akan menjadi masalah kepada pengkaji yang ingin mendalami falsafah Immanuel kant ini.

Selain itu, pengkaji memberikan cadangan mengenai sistem pendidikan terutama dalam pendidikan sekolah bahasa tamil dan mata pelajaran tamil. Dalam sistem pembelajaran, penglibatan karya ini semakin kurang. Ketinggalan zaman merupakan antara sebab yang sering dapat didengarkan oleh semua manusia. Keadaan ini harus dipulihkan dengan kadar segera. Hal ini kerana baris-baris puisi yang terkandung dalam intipati teks ini memberikan pengajaran yang padat kepada pelajar dan turut kepada pengajar. Bagi mengelakkan kebosanan, pengajar boleh menggunakan pelbagai teknik dalam mengajar isi teks ini. Contoh yang seringkali digunakan oleh pengajar adalah pembelajaran dalam bentuk permainan. Kaedah mengajar sebegini sesuai dengan teks ini. Pengajar turut dicadangkan untuk mengadakan pertandingan lakonan dengan membahagikan bab-bab *Thirukkural* kepada pelajar. Adalah lebih baik jika pertandingan ini diadakan secara meluas. Keadaan ini dapat meningkatkan rasa cinta pelajar terhadap teks ini.

Sementara itu, cadangan ini diberikan kepada masyarakat. Sebagaimana kita diketahui, masyarakat merupakan elemen penting dalam negara. Tanpa bantuan mereka, suatu berita tidak akan berjaya disampaikan. Disini pengkaji mendalami lagi sistem masyarakat, pilihannya lebih kepada penulis laman sesawang. Kini, ramai yang gemar dengan penulisan di laman sesawang. Apa yang ingin dikatakan oleh pengkaji disini adalah penggunaan laman sesawang yang sahih dengan pelbagai maklumat berkaitan. Bahan-bahan berkaitan *Thirukkural* dapat digunakan dalam laman tersebut. Ini akan dijadikan sebagai satu saluran yang cepat mencapai pandangan masyarakat. Hal ini dikatakan dengan menitikberatkan zaman moden yang penuh dengan teknologi ini.

Pengkaji berharap bahawa cadangan yang dikemukakan ini mendapat perhatian semua pembaca dan pertimbangan dibuat oleh pihak yang telah ditekankan disini. Adalah diharapkan bahawa kesemua cadangan ini dapat memberikan pendedahan mengenai fahaman teks *Thirukkural*, nilai moral yang ada dalam kandungannya serta teori deontologi yang dikenali sebagai teori etika moden.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 5.4 Penutup

Rumusan dan cadangan telah diberikan dalam bahagian ini. Pengkaji berharap segala cadangan yang diberikan ini akan mendapat pertimbangan daripada semua pihak. Pengkaji turut berharap supaya kajian ini dibangunkan dan dijadikan sebagai rujukan kepada kajian akan datang. Hal ini kerana ada satu teori yang jarang digunakan oleh pengkaji iaitu teori deontologi yang diasaskan oleh Immanuel Kant. Pandangan yang melihat kepada nilai murni dapat dikukuhkan dan mendalamkan lagi dengan proses pengaplikasian teori ini. Dalam proses penulisan ini pengkaji telah mendapat pelbagai maklumat tambahan yang tidak diketahui olehnya. Pembacaan kajian ini oleh pelbagai golongan masyarakat tidak kira bangsa dan agama supaya dapat meningkatkan ilmu mengenai teks *Thirukkural* dan selebihnya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN


Ade Nia Regita Cahyani. (2023). *Penerapan kode etik media komunitas di Radio Rajamuni Fm Surabaya*. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universiti Surabaya.

Adnan Jusoh. (2016). *Zaman pra-Islam di Kedah berdasarkan bukti arkeologi*. Jurnal Perspektif 8 (1), 111-116.

Ahmad Ali Affifudin & Qusthan A H Firdaus. (2022). *Konsep etika dan kebahagiaan menurut Hamka*. Paradigma: Jurnal Kalam dan Filsafat, 4 (2), 10-20.

Ahmad Badruddin Abdullah. (2022). *Kebijaksanaan emosi*. Universiti Putra Malaysia.

Ahmad Bashori & Zainun Kamaluddin Fakih. (2022). *Etika politik perspektif Bahtiar Effendy*. Paradigma: Jurnal Kalam dan Filsafat, 3 (2), 64-75.

Akhmad Idris. (2019). *Pengambilan keputusan etis dalam novel Burlian karya Tere Liye: kajian literasi moral.* Jurnal Bahasa, Sastra, Seni dan Pengajarannya.

Alivelu Nagamani. (2016). *Visionary experience of mantra: an ethnography in Andhra-Telangana.* Dissertation Degree of Doctor, Graduate Department of Religion, Duke University.

Alka Jain. (2012). *Rediscovering six factor Entrepreneurial Decision Making (EDM) model in Thirukkural.* International Journal of Science and Research, Issn (online) 2319- 7064.

Allimalai Anandan. (2011, July 20). *Teori-teori etika: teori deontologi*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPGK Sultan Abdul Halim Sungai Petani. http://blogallimalai.blogspot.com/2011/07/teori-deontologi.html

Andi Kurniawan & Rahmat Kartolo Silitonga. (2020). *Nilai etika dan pendidikan pada novel Mengejar impian ayah karya Abdi Siregar*. Jurnal Artikulasi, 2 (2), 1-13.

Andrawinaning Tyas Raras. (2016). *Etika tokoh utama dalam fabel karya Jean De La Fontaine*. Skripsi Sarjana Pendidikan, Fakulti Bahasa dan Seni, Universiti Negeri Jakarta.

Ang Kean Hua. (2016). *Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: satu kajian literatur*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 1 (2), 18-23.

Anis Rosidah. (2012). *Religiusitas, harga diri dan perilaku seksual pranikah remaja*. Jurnal Psikologi, 7 (2), 585-592.

Anurani Nagarajan. (2019). *Terjemahan metafora Thirukkural dari bahasa Tamil ke bahasa Melayu*. Tesis kedoktoran, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Arunasalam Sereenevasan. (2015). *Amalan budaya masyarakat Tamil dalam antologi Akananuru*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Asmawati Suhid & Samsilah Roslan. (2015). *Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah masa kini*. Jurnal Pembangunan Sosial, 18, 1-20.

Asiah Bidin, Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad & Akmal Mohamad. (2015). *Intipan siber: jenayah baru dalam masyarakat kontemporari*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 11, 12-25.

Awaludin. (2015). *Prinsip-prinsip manajemen pendidikan dalam Hadis Nabi*. Online Thesis Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Darussalam, 10 (1).

Azizah Hamzah. (2004). *Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya: kaedah kajian kualitatif*. Jurnal Pengajian Media Malaysia, 6 (1), 1-10.

Azizan Haji Baharuddin, Jamaluddin Mohd Ali & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (2017). *Kritikan terhadap teori moral barat: analisis ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan moral*. Jurnal Peradaban, 10, 84-118.

Badra. (2022, April 6). Semakan/permohonan bantuan khas NADMA RM100 sehari. Ecentral. https://ecentral.my/bantuan-nadma/

Balakrishnan Muniapan & M. Rajantheran. (2011). *Ethics (business ethics) from the Thirukkural and its relevance for contemporary business leadership in the Indian context.* International Journal of Indian Culture and Business management, 4 (4).

Bernama. (2021, Jun 10). *Kesedaran keselamatan siber rakyat Malaysia masih rendah - Zahidi*. Astro Awani. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesedaran-keselamatan-siber-rakyat-malaysia-masih-rendah-zahidi-302555?

Bernama. (2022, Januari 29). *Sawah kering, petani berdepan kerugian lebih RM500,000*. Berita Harian Online. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/916991/sawah-kering-petani-berdepan-kerugian-lebih-rm500000

Cahya Buana. (2014). *Tinjauan Islam terhadap nilai-nilai moralitas dalam Syai Jahiliyah karya Zuhair Ibnu Abi Sulma*. Laporan Penelitian Individu Madya, Lembaga Penelitian (LEMLIT) UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

Chandran Govindan. (2018). *Penampilan nilai budaya dalam kumpulan puisi tradisional Tamil Aruvi*. Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Chenroyaperumal. (2010, January). *The first laws in economics and Indian economic thought - Thirukkural*. Electronic Journal, ResearchGate.

Cut Hanifah Fardhany, Sudjarwo & Muhammad Nurwahidin. (2022). *Nilai rasionalitas dalam novel Dunia Sophie karya Jostein Gaarder*. Jurnal Ilmiah Hospitality, 11 (2).

Dewangga KDPA, Syifa Salsabilla, Ghina Ayu & Mutiara Puteri. (2023). *Tinjauan terhadap fenomena lgbt dikaitkan dengan teori deontologi dalam sistem hukum nasional*. Jurnal Filsafat Terapan, 1 (1), 1-25.

Eizah Bt Mat Hussain. (2016). *Simbol dan makna dalam pantun Melayu Bingkisan Permata*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Elumalai. (2017). *The king and people in people's epic*. Journal of Tamil Peraivu, 5 (1), 1-12.

Faizah Mohd Fakhruddin. (2020). *Teori-teori etika*. Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia.

Fakhri Putra Tanoto, Nurul Hidayatun Nisa & Laili Attiyatul Faiziyyah. (2022). *Nilai moral kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir dalam surah Al-Kahfi dengan menggunakan metode tafsir Maudhui*. Fakulti Ushuluddin, UIN Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia.

Farrah Wahida Mustafar, Mohamad Haiqal Danial Hamdan, Norfadzila Jusoh Shamsilawati Mustafar. (2020). *Penjagaan alam sekitar menurut Maqasid Syariah dan Undang-undang*. Journal of Law Governance, 3 (1).

Francis X. Clooney. (2020). *Ramajuna's Nityagrantham (manual of daily worship): a translation*. International Journal of Hindu Studies, 24 (3).

G Karunakaran. (2020). *Thinai based antics and music-adopting Silapathikaram*. International Research Journal of Tamil. Department of Tamil, Madura College, Madurai, India.

G Manivannan Govindan. (2020). *Sumbangan Tamil Muslim kepada perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia: kajian terhadap puisi-puisi Tamil tradisional terpilih Mydee Sulthan dan S Seeni Naina Mohamed*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Gayathri V M. (2022). *Nayika and nayaka bhedas in Seevaga Cinthamani*. St. Teresa's College, Department of Bharatanatyam.

Geetha Thevarazen & Rosazman Hussin. (2022). *Adat dan amalan perkahwinan dalam kalangan masyarakat India (Tamil) di Sekinchan, Selangor: 'pengekalan tradisi atau moden?'*. Jurnal Kinabalu, 28, 162-186.

Gerrit De Vylder & Zubin Mulla. (2014). *Kautilya versus Thiruvalluvar. Inspiration from Indian ancient classics for ethics in governance and management*. Globalization for The Common Good Initiative Journal, 10-16.

Gunasekaran & Sargunavathy. (2020). *A study about goddess elements similarities between epic Silapathikaram with Indian society in Malaysia*. Muallim Journal of Social Sciences and Humanities.

Hasbun Doya. (2021). *Nilai humanisme dalam novel 99 cahaya di langit Eropa dan relevansinya dalam pengembangan Akhlakul Karimah*. Tesis Magister Agama, Program Pascasarjana, Universiti Islam Negeri Raden Intan Lampung.

Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2014). *Peranan bahasa Melayu dan legasi sejarah penubuhan Malaysia dalam penyemaian cinta akan negara bangsa Malaysia*. Jurnal Mahawangsa, 1 (1), 19-41.

Hendy Juni Ar Rasyid, Hariman Juni Ar Rahman, Ahmad Fatihul Azzam, Bantar Febrian Sabila & Denny Oktavina Radianto. (2023). *Menjelajahi etika: tinjauan literatur terbaru tentang prinsip-prinsip etika, konflik moral, dan tantangan dalam kehidupan kontemporeri*. Jurnal Manajemen dan Ekonomi Bisnis, 3 (2).

Heru Supriyadi. (2020). *Etika sosial dalam novel Kahwin kontrak analisis karya Saifur Rohman*. Jurusan Sastra Indonesia Fakulti Sastra Unair, Surabaya.

Herlan Firmansyah. (2021). *Teori rasionalitas dalam pandangan ilmu ekonomi Islam*. Jurnal Ekonomi dan Keuangan Islam, 1 (1), 34-50.

Herlina Maysarah Pasaribu, Kumalo Taringan & Asmyta Surbakti. (2022). *Analisis tekstual bhajan dalam upacara pemujaan Ganesha di Shri Sitthi Vinayagar Koil Medan*. Tesis Sarjana, Universiti Sumatera Utara.

Hisnuddin. (2020). *Pendidikan cinta kasih perspektif Jalaluddin Rumi*. Tesis, Fakulti Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta.

Inge Dwisvimiar. (2011). *Keadilan dalam perspektif filsafat ilmu hukum*. Jurnal Dinamika Hukum, 11 (3).

Irma Kusuma Wardani. (2020). *Etika sosial dalam Suluk Sunan Katong*. Tesis Sarjana, Fakulti Ushuluddin dan Humaniora, Universiti Islam Negeri Walisongo, Semarang.

Jayanthimala Ramasamy. (2017). *Nilai murni dalam puisi tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy*. Tesis Ijazah Doktor Sarjana, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jepi Melandari. (2022). *Etika nikomachea dalam perspektif Aristoteles studi atas etika manusia*. Skripsi Sarjana Agama, Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah, Universiti Islam Negeri Fatmawati Sukarno Bengkulu.

K Demaisuria & K Muniisvaran. (2019). *Analisis struktur luaran bahasa ke atas Haiku Na.Patchaibalan*. Muallim Journal of Social Sciences and Humanities, 3 (3).

K Mooneegadoo. (2020). *Thirukkural - study of the relevance and application of virtue to the modern world*. Language In India, 20 (3).

Kalaiselvi Shanmugam. (2012). *Retorik bahasa Tamil dalam pengumuman pemasaran nilai sosial THR Raaga*. Disertasi Ijazah Sarjana Linguistik, Fakulti Bahasa dan Linguistik, University Malaya.

Kamus dewan edisi keempat. (2017). *Berhemah tinggi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kanushka Chandnani. (2015). *Kumari Kandam: a myth or lost continent*. Holidify Travels Pvt Ltd. https://www.holidify.com/pages/kumari-kandam-4515.html

Kartheges Ponniah. (2017). *Pemikiran kritis dan amalannya dalam masyarakat India berpendidikan Tamil di Malaysia berpandukan teks Thirukkural*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, University Malaya.

Kartheges Ponniah, Ilangkumaran Sivanandhan, Muniswaran Kumar, Aigul Akhmetova & Pooveneswaran Nadarajan. (2021). *The use of ICT in Thirukkural teaching and facilitation*. Journal of Hunan University Natural Sciences, 48 (6).

Kartheges Ponniah, Muniisvaran Kumar, Sasigaran Moneyam & Ilangkumaran Sivandhan. (2019). *The teaching of Thirukkural based on HOTS among the students of Tamil Primary Schools in the state of Perak*. International Journal of Advanced and Applied Sciences, 6 (2), 94-101.

Kartheges Ponniah, Ilangkumaran Sivanadhan, Muniisvaran Kumar & Pooveneswaran Nadarajan. (2019). *Implementation of the 21st century learning in learning and facilitation of Thirukkural in Tamil Primary Schools*. International Journal of Advanced and Applied Sciences, 6 (1), 43-50.

Kasirajan & Sankareswari. (2021). *Silapathikaram is an art epic*. Journal of Valartamil, 2 (2).

Kasturi Subramaniam. (2017). *Simile dalam puisi Tamil Bharatidasan*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kavri Krishnasamy. (2015). *Nilai sosiobudaya Ramayana dalam cerpen-cerpen Tamil di Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Khairul Azhar bin Meerangani. (2018). *Kepentingan penjagaan alam sekitar menurut perspektif Maqasid Syariah*. Universiti Teknologi MARA.

Krishnan Maniam. (2014). *The concept of Islam hadhari as reflected in Thirukkural*. Journal of Indian Culture and Civilization, 1, 1-9.

Krishnamoorthy Karunakaran. (2020). *The concept of material culture highlighted in Thirukkural*. Journal of Tamil Studies, 1 (1).

Kumaravalu Ramasamy, Sarina Che Ariff, Nabihah Mohd Salleh, Latifah Othman, Mohd Zaidi Basir & Shafinaz A. Moulod. (2014). *Kajian kebijaksanaan kepimpinan pengetua dan guru besar sekolah cemerlang di Malaysia berdasarkan persepsi pemimpin pertengahan*. Laporan Kajian, Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lakshmipriya Soundararajan. (2019). *Historical perspectives and role of women in Tamil literature*. International Journal of Research in Arts and Science. Department of Management Studies, KG College of Arts and Sciences, Coimbatore, Tamil Nadu.

Leelavathi. (2016). *Ethics from the Thirukkural and its relevance for contemporary business leadership in the Indian context*. Mayas Publications (ISSN: 2395-5929).

Little Flower. (2021). *Kannagi - a legendary Tamil women in the epic Silapathikaram*. Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry, 12 (8).

M Sastrapratedja. (2012). *Hermeneutika dan etika naratif menurut Paul Ricoeur*. Kanz Philosophia: A Journal for Islamic Philosophy and Mysticism, 2 (2).

M Vijayalatchumy & S Janaki. (2013). *Tamil Malaysiana collection: a national heritage*. Jurnal PPM, 7. Universiti Malaya.

Mani Rao. (2018). *Living mantra: mantra, deity and visionary experience today*. Springer. https://link.springer.com/book/10.1007/978-3-319-96391-4

Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan. (2021). *Cabaran pelajar melalui kaedah pembelajaran atas talian: kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Journal of Media and Information Warfare, 14 (1), 11-20.

Maizal Nordin. (2023). *Keharmonian antara manusia dengan alam sekitar*. Academia.

Manap, Nazura Abdul & Jasri Jamal. (2003). *Jenayah komputer: perbandingan menurut Akta jenayah komputer 1997 dan prinsip undang-undang jenayah Islam*. Jurnal Undang-undang, 7, 15-36.

Manokaran Rengasamy. (2019). *Analisis metafora dalam novel Elachia Payanam*. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan inguistik, Universiti Malaya.

Margaretha Bertiutami. (2016). *Hubungan antara harga diri dan penyesuaian diri siswi kelas x SMA Tarakanita 1*. Jurnal Psiko-Edukasi, 14, 68-76.

Mariappan Kattaiyan, Veeramohan Veeraputhran & Paramasivam Muthusamy. (2021). *Analisis kohensi nahuan dalam novel Tamil ‘Aghal Vilakku’*. E-Bangi Journal, 18 (10).

Markandan Rubavathanan. (2021). *Metafunctions in the Thirukkural: a systemis functional linguistics analysis*. International Journal of Linguistics, Literature and Translation, 4 (6), 1-6.

Meidawati Suswandari & Kenang Tri Hatmo. (2018). *Ontologi puisi*. CV. Intishar Publishing.

Mimi Maolani. (2018). *Pemikiran etika dasar Ibn Miskawaih dan Thomas Aquinas (studi perbandingan filsafat moral)*. Tesis Magister, Program Studi Dirasah Islamiyah, Universiti Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.

Moch Anfal Hasbi. (2009). *Representasi relativisme kebudayaan sebagai pencerminan moralitas kelompok dalam novel Sioux Dawn karya Terry C.Johnston*. Undergraduate thesis, Fakultas Ilmu Budaya, University Diponegoro, Semarang.

Mohammad Fafa Rasiawan. (2021). *Nilai moral dalam dongeng Frau Holle, Die Sterntalter, Hans Im Gluck Karya Bruder Grimm*. Program Studi Sastra Jerman, Fakulti Bahasa dan Seni, Universiti Negeri Surabaya.

Mohd Annuar Zaini. (2021, Julai 2). *Raja pemerintah tonggak keadilan*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/147598/khas/pendapat/raja-pemerintah-tonggak-keadilan

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. (2015). *Cerita rakyat Melayu: suatu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu*. Language Education and Applied Linguistics, 3.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). *Nilai-nilai murni dalam cerita lagenda di lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*. Kajian Malaysia, 40 (1).

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). *Penerapan nilai murni dalam cerita rakyat Melayu suatu aplikasi teori pengkaedahan Melayu: analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu*. International Journal of Creative Future and Heritage.

Mohd Haidi Mohd Kasran. (2017). *Nilai kegigihan dalam sajak Melayu*. International Journal of the Malay World and Civilisation, 5 (1).

Muh Syaqiq Albilkhi. (2019). *Studi analisis filsafat etika dalam buku Kempalan Serat-serat*. Undergraduate thesis, Fakulti Ushuluddin, Institut Agama Islam Negeri Kudus.

Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris. (2019). *Kebijaksanaan adab dalam hikayat Melayu tradisional*. Akademika, 89, 81-91.

Muhamad Fiqhan Salim. (2023). *Filsafat hukum dalam pandangan hukum adat*. Fakultas Hukum, Universitas Ekasakti.

Muhammad Tahir Laming. (2021). *Keadilan dalam beberapa perspektif: suatu kajian beberapa paradikma tentang keadilan*. Meraja Journal. Universitas Muslim Indonesia.

Muhammad War'i. (2018). *Prinsip-prinsip filsafat bahasa dan etika dalam pemaknaan kalam Ibnu Malik (tinjauan hermeneutik)*. Rumah Jurnal IAIN Metro (Institut Agama Islam Negeri).

Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa. (2022). *Sudut pandang Imam Al-nawawi dalam hal tanggungjawab menyantuni keluarga berdasarkan Hadith Sahih Muslim*. The 8$^{th}$ International Prophetic Conference (SWAN 2022). Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Mujahidil Mustaqim. (2019). *Analisis nilai-nilai toleransi dalam kurikulum Pendidikan Agama*. Jurnal Pendidikan Agama Islam, 16 (1).

Mutihah Gopalan. (2009). *Keindahan bahasa dalam antologi puisi Tamil Malaysia (1971-2000).* Disertasi Ijazah Sarjana Linguistik, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

N Karapaha D Nagarathinam & D Nagarathinam P Duraipandian. (2018). *A comparative study of king Janameyaja, Kannagi and former prime minister Indira Gandhi in court of law*. An Open Access Journal from The Law Brigade (Publishing) Group.

N R Aravamudhan & Avinash Chandra Supkar. (2022). *Thirukkural - a veritable treatise on leadership nostrums*. Journal of Management, Ethics and Spirituality, 15 (2).

Nasha Rodziadi Khaw, Nazarudin Zainun & Mokhtar Saidin. (2017). *Kedah Tua: satu cerakinan sumber India*. Jurnal Arkeologi Malaysia, 30 (2).

Nasrullah. (2017). *Mempertahankan tradisi tasawuf: tafsir tekstual dan tarekat menurut kaum tua di Minangkabau*. Jurnal Ilmu Al-qur'an dan Keislaman, 5 (2).

Ninda Damayanti & Sutayno. (2023). *Nilai kejujuran anak dalam novel My sweet dream dan menari di pelangi karya Yunda*. Edisi Yudisium, 10 (1).

Ni Luh Drajati Ekaningtyas. (2020). Psikologi komunikasi untuk memaksimalkan internalisasi nilai-nilai toleransi pada anak usia dini. Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini, 5 (1).

Ni Wayan Sri Prabawati Kusuma Dewi. (2015). *Nilai-nilai pendidikan dalam Kakawin Siwaratri Kalpa perspektif acara, susila dan tattwa*. Jurnal Penelitian Agama, 1 (1).

Nor Izzuddin Bin Norrahman. (2014, May 14). *Bab 5: teori deontologi*. Slideshare. https://www.slideshare.net/n_izzuddin/bab-5-teori-deontologi

Nurul Hidayatuloh. (2022). *Etika belajar dalam kitab Ta'limul Muta'alim karya Syaikh Az Zarnuji*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan, Universiti Islam Negeri Profesor Kiai Haji Saifuddin Zuhri Purwokerto.

Prasanthi Ilango. (2021). *The multiplicity of music traditions of Silapathikaram*. South Eastern University of Sri Lanka.

Puriyadi. (2010). *Nilai etika dalam Kalilah Wa Dimnah karya Ibn al-Muqaffa*. Ilmu Ushuluddin Universiti Widayagama Samarinda,9 (1).

Purwati, Dede Darisman & Aiman Faiz. (2022). *Tinjauan pustaka: pentingnya menumbuhkan nilai toleransi dalam praksis pendidikan*. Jurnal Basicedu, 6 (3). Research Learning in Elementary Education.

Puspo Renan Joyo. (2021). *Kisah kesetiaan Bhisma pada Hastinapura: fenomena pergeseran etika deontologi menuju teleologi*. Bawi Ayah: Jurnal Pendidikan Agama dan Budaya Hindu, 12 (2).

R Adinda. (2022, October 16). *Buku psikologi: 'Apa itu harga diri? Berikut pengertiannya menurut para ahli yang ada!'*. Blog Gramedia Digital. https://www.gramedia.com/best-seller/apa-itu-harga-diri/

Ragini Ragavan. (2016). *Perbandingan aspek leksikal dan makna dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Putra Malaysia.

Rajentheran Muniandy & Parvathi Vellachami. (2018). *Mahakavi Bharatiyar's intellectual thought in teaching and learning moral education*. Journal of Tamil Peraivu, 7 (2).

Rasyid Ridho. (2022). *Aspek kepribadian tokoh utama novel Semusim dan semusim lagi karya Andina Dwifatma: tinjauan psikologi analitik Carl Gustav Jung*. Tesis. Fakulti Keguruan dan ilmu Pendidikan, Universiti Jambi.

Ravindran Maraya & Krishnan Maniam. (2017). *Citra wanita dari purana dan epik dalam cerpen Tamil Malaysia: dari perspektif arketaipal*. Sarjana, 32 (2).

Ridwan & Abdul Rosid. (2020). *Implementasi aksiologis dalam buku SMA kelas x pelajaran Bahasa Indonesia kurikulum 2013*. Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 5 (1).

Rika Novita Kusumaningrum. (2018). *Kajian filologi dan analisis nilai pendidikan karakter Hikayat Nakhoda Asyik*. Jurnal Skripta, 1 (1). Universiti PGRI Yogyakarta.

Rilliandi Arindra Putawa. (2022). *Kritik terhadap bentuk kuantifikasi nilai kebaikan pada ajaran kebaikan dalam Islam*. Jurnal Filsafat Indonesia, 5 (3).

Riska Yanti. (2020). *Peran etika terhadap ego materialisme perspektif Muhammad Iqbal*. Skripsi thesis, Fakulti Ushuluddin dan Filsafat, Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam-Banda Aceh.

Robert Czajkowski. (2014). *The issue of magic in the Vaisnava Puranas. Mantra as a magical tool exemplified by Narayana Mantra of the Bhagavata Purana*. The Polish Journal of the Arts and Culture Nr 9.

Rohmatul Izad. (2019). *Pidana hukuman mati di Indonesia dalam perspektif etika deontologi*. Journal of Law and Family Studies, 1 (1).

S Rohini, K K Raghavi, C Vallikannu. (2023). *Comparison: the state of love in a Midsummer night's dream and Othello with the aphorisms of Thiruvalluvar*. Journal of advanced zoology, 44 (S2).

Salmianti Mutalib. (2013). *Tinjauan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam; pendapat Hornby (1985).* Journal of Techno-Social, 5 (1). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Samsudin. (2020). *Kode etika dan pedoman perilaku hakim (studi komparatif kitab Adabu Al-qadi dengan kode etik hakim di Indonesia)*. Tesis Magister Hukum, Fakulti Syariah dan Hukum, University Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.

Sangar. (2020). *Pemikiran kritis dalam teks Naladiyar*. Journal of Indian Studies, 13. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Saraswathy Kuthirakkal Kunhikannan. (2017). *Masalah sosial dalam sajak moden Tamil Malaysia*. Tesis Kedoktoran, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sathiavani Maniam. (2017). *Pemikiran rasionalisme dalam Kumpulan sajak moden Kaliaperumal*. Tesis Ijazah Sarjana (Kesusasteraan Tamil), Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sebasthi John Baskar. (2016). *The mind-blowing teachings of Thiruvalluvar in a philosophical perspective*. International Multidisciplinary Research Journal (ISSN-2347-503X). A.V.C College, Mannampandal, Mayiladuthurai. India.

Selvajothi Ramalingam. (2020). *Cognitive poetic structure in Thirukkural*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Selva Kumaran Subrayan. (2017). *Penterjemahan ulasan berita bahasa Melayu ke bahasa Tamil dalam siaran radio RTM*. Disertasi Ijazah Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Selvi Anjani, Sarmida & Firma Indari. (2023). *Nilai-nilai cinta tanah air dalam perspektif al-quran*. Journal Islamic Education, 1 (4). Universitas Lambung Mangkurat.

Shoveena Priya Thiagu, Ilangkumaran Sivandhan & M Sargunavathy. (2021). *Kemahiran kepimpinan dalam karya Thirukkural*. Muallim Journal of Social Science and Humanities, 5 (3).

Sindi Dwi Rahayu & Rahmat Kartolo. (2022). *Analisis nilai etika dan nilai moral pada novel 3600 detik karya Charon*. Journal Research and Educational Studies, 3 (3). Universiti Muslim Nusantara Al Washliyah, Medan.

Singaravelu Sachithanantham. (2013). Thirukkural (trilingual). Uma Publications.

Siti Uswatun Hasanah, Syarip Hidayat  Ahmad Mulyadi Pranana. (2022). *Analisis penanaman nilai cinta tanah air melalui kegiatan literasi membaca cerita rakyat di sekolah dasar*. Jurnal Ilmiah Kependidikan, 2 (2). Universitas Pendidikan Indonesia.

Soma Ilavarasu. (2020). *Sejarah sastera Tamil*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Subahshini Jaiseelan. (2018). *The thoughts of Thirukkural in Pattukottai Kalyanasundaram's Tamil movies song*. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Muallim, 2 (1).

Suhail Vij. (2021). *Management and leadership lessons from Indian scriptures: an empirical study*. Journal of Cardiovascular Disease Research, 12 (4).

Susiati, A Yusdianti Tenriawali, Suraya Mukadar, Joleha Nacikit & Nursin. (2020). *Nilai edukasi dalam novel Partikel karya Dewi Lestari*. Uniqbu Journal of Social Sciences, 1 (3).

Syamsul Maarip. (2022). *Konsep etika menurut Murtadha Muthahhari dan kritiknya terhadap etika teleologis dan etika deontologis*. Tesis Ijazah, Institusi Agama Islam Negeri (IAIN) Syekh Nurjati Cirebon.

Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet  Muhammad Zaid Daud. (2019). *Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: suatu kajian semantik inkuisitif*. Jurnal Sains Sosial dan Humaniora, 3 (2).

Tan Pei San & Norzaini Azman. (2011). *Hubungan antara komitmen terhadap alam sekitar dengan tingkah laku mesra alam sekitar dalam kalangan pelajar Universiti*. Jurnal Personalia Pelajar, 14, 11-22.

Teguh Tri Fauzi & Zaky Mubarok. (2022). *Keberagaman fenomenalisme moral pada novel Para penjahat dan kesunyiannya masing-masing karya Eko Triono (kajian sosiologi sastra)*. Jurnal Bahasa, Sastra, dan Budaya Indonesia, 4 (2).

Thanalachime Perumal. (2015). *Hujahan Luahan rasa dalam akhbar berbahasa Tamil terpilih*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.

Umma Mazhubalan. (2018). *Budaya masyarakat Tamil dalam sajak Bharatiyar*. Tesis Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.

Urbanus Ura Weruin. (2019). *Teori-teori etika dan sumbangan pemikiran para filsuf bagi etika bisnis*. Jurnal Muara Ilmu Ekonomi dan Bisnis, 3 (2).

Uthaya Sankar SB. (2016, September 25). *Mengenali Thirukkural - bahagian 5*. Roketkini.com. https://www.roketkini.com/2016/09/25/mengenali-thirukkural-bahagian-5/

Uthaya Sankar SB & Krishanan Maniam. (2019). *Sumbangan penulis kaum India Malaysia kepada bahasa kebangsaan dan sastera kebangsaan*. Sarjana, 34 (2).

Vasantakumaran Sekar, Suppiah Nachiappan & C Gengadaran. (2021). *Analisis penerapan nilai melalui pengajaran karya Thirukkural bahasa Tamil dalam kalangan pelajar tingkatan empat*. Muallim Journal of Social Science and Humanities, 5 (3).

Venkata Krishnan. (2018). *Realist thought in Thirukkural*. Indian Journal of Political Science, LXXIX (4).

Yoga Ardli Ardetya. (2021). *Dilema moral kasus Whistleblowing mordechai vanunu dalam perspektif etika deontologi Immanuel Kant*. Skripsi, Universiti Gadjah Mada, Yogyakarta.

Yusniza Binti Yusoh, Nor Hazila Binti Mat Lazim & Intan Juita Binti Menan. (2015). *Dialek Padang Besar, Perlis*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BIODATA PENULIS



**Logeswary A/P Balakrishnan**, C20a1023 merupakan penulis kajian ini. Perkampungan penulis ini terletak di Sungai Petani, Kedah dan dilahirkan di Hospital Taiping menjelang tahun 2000. Zaman persekolahan penulis ini dimulakan pada tahun 2007 di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Tun Sambanthan, Bukit Lembu, Kedah. Setelah menyelesaikan pembelajaran asas di SJK(T), pengajian diteruskan di Sekolah Menengah Kebangsaan Aman Jaya, Sungai Lalang. Di sini pengkaji telah menghabiskan pembelajaran pada tahun 2017 dengan mendapatkan gred baik dalam Sijil Pendidikan Malaysia (SPM). Oleh kerana minat ingin meneruskan pengajian, pengkaji telah memilih Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia nama singkatnya STPM bermula tahun 2018 sehingga 2019. Bermulanya pengajian dalam bidang kesusasteraan kerana pengkaji memilih bidang kesusasteraan Melayu di peringkat STPM. Dengan restu daripada ibu bapa dan pengajar, pengkaji telah mendapat tawaran untuk meneruskan pengajian di peringkat Degree dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kampus Bachok. Kini, memperoleh ilmu dalam bidang kesusasteraan masih diteruskan dan berhasrat untuk meningkatkan diri dalam bidang ini. “Kebahagiaan dan keamanan ahli keluarga diutamakan”.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN